

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA

Bil. 7

Rabu

4 Jun 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008 (Halaman 30)

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2008 (Halaman 92)

Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun
Dan Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2008 (Halaman 107)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 30)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 4 Jun 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini hari Rabu. Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Mesyuarat Jemaah Menteri bermesyuarat pada setiap hari Rabu, maka sudah tentu menteri-menteri tidak dapat hadir dalam persidangan Dewan ini pada hari ini. Namun Perkara 43A(2) dalam Perlembagaan Negara menyatakan timbalan-timbalan menteri hendaklah membantu menteri-menteri pada menjalankan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka dan bagi maksud tersebut, hendaklah mempunyai segala kuasa menteri-menteri. Maka bagi pihak Dewan Negara, saya mengalu-alukan kehadiran timbalan-timbalan menteri... [*Tepuk*]

1. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa ramai pemegang *Visa on Arrival* yang dikeluarkan sejak September 2006 tidak pulang ke negara asalnya walaupun sudah tamat tempoh permit.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar yang telah pun mengemukakan pertanyaan pada pagi ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Visa Sewaktu Ketibaan ataupun *visa on arrival* dengan izin, ataupun VOA merupakan satu alternatif kemudahan imigresen yang diberikan oleh kerajaan kepada warga asing yang ingin memasuki negara ini tanpa terlebih dahulu memohon visa di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Sebaliknya, warga asing boleh memohon terus VOA di pintu-pintu masuk yang menyediakan kemudahan ini.

Sejak bermula pelaksanaan VOA pada 1 September 2006, sebanyak 208,451 VOA telah pun dikeluarkan kepada warga negara asing yang memasuki Malaysia atas tujuan sosial. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68,238 pemegang VOA telah didapati gagal menunjukkan rekod keluar dari Malaysia setelah pas lawatan sosial mereka tamat.

Kesalahan yang dilakukan ini adalah terletak di bawah seksyen 15(4), Akta Imigresen 1959, iaitu tinggal lebih masa dalam negara ini selepas tempoh pas lawatan. Bilangan terbanyak pemegang VOA yang tinggal lebih masa adalah terdiri dari warganegara India sebanyak 35,912 orang, Pakistan 13,014 orang, Bangladesh 6,688 orang, negara China 5,452 orang dan Sri Lanka 5,093 orang.

Sebagai langkah mengesan pesalah VOA, pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah pun melipatgandakan operasi penguatkuasaan memburu pemegang VOA tidak mempunyai rekod keluar. Seperti yang...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang detik yang baik untuk Yang Berhormat memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kemukakan pertanyaan tambahan.

Dato' Chor Chee Heung: Ya, tinggal dua baris sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Operasi yang dilakukan secara besar-besaran merupakan operasi lazim jabatan serta operasi *ad hoc* berdasarkan maklumat daripada orang ramai dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, Datuk Wira Syed Ali, Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, bukan Dato' Hajah Saripah Aminah, Dato' Haji Roslan bin Awang Chik.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan Yang Berhormat. Kebanyakan pelancong-pelancong yang datang adalah daripada negara-negara yang tidak membangun.

Jadi soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat merasakan perlu VOA ini dihapuskan ataupun diberi kepada sesetengah negara sahaja sebab daripada angka yang Yang Berhormat sebut tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah daripada itu. Maksud sudah jelas.

Dato' Omar bin Faudzar: Ada soalan tambahan, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Sebab angka-angka yang...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu bukan pertanyaan.

Dato' Omar bin Faudzar: Angka yang meningkat itu bukanlah satu angka yang menurun daripada tarikh VOA diperkenalkan, tetapi angka itu terus meningkat. Jadi kalau VOA ini diteruskan, maka...

Tuan Yang di-Pertua: Dia gunakan angka itu, kalau dahlah. Terima kasih. Pertanyaan itu sudah jelas, adakah kerajaan...

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini, Malaysia memberikan kemudahan ini kepada dua belas buah negara di dunia ini. Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, *People's Republic of China*, Comoros, Hong Kong, SAR, India, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sri Lanka dan Taiwan.

Walaupun kita memberikan kemudahan ini, terdapat begitu ramai dalam jawapan asal yang telah pun tinggal lebih masa dalam negara ini. Buat masa ini, kerajaan sedang mengkaji semula sama ada VOA ini akan diteruskan, dan jika diteruskan sama ada terhad kepada negara-negara di mana pelancong-pelancong yang datang ini tidak mempunyai rekod yang begitu tidak baik iaitu tinggal lebih masa di negara ini. Sekian.

■1010

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, apabila Yang Berhormat mengumumkan bahawa 68,000 daripada VOA yang datang ke Malaysia ataupun tidak pulang ke negara mereka ini merupakan satu angka yang besar. Soalan saya, adakah kementerian buat kajian sama ada pemegang visa VOA ini pulang secara haram ataupun mereka ditangkap baru mereka pulang? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam sistem Jabatan Imigresen kita tidak dapat membezakan antara VOA ataupun visa yang dikeluarkan tanpa rujukan, maksudnya visa yang dikeluarkan di negara asal mereka ini oleh pejabat perwakilan negara kita. Walau bagaimanapun kita tidak dapat melihat bagaimana seseorang pelancong yang memegang VOA ini dapat keluar secara haram. Apabila mereka ditangkap barulah mereka ini dapat didakwa, membayar denda ataupun dipenjarakan dan selepas itu barulah diusir balik ke negara asal. Dalam perkataan lain Yang Berhormat, kita tidak dapat membezakan sama ada mereka ini keluar ataupun tidak, tetapi mengikut rekod kita tidak mungkin mereka keluar secara haram. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak adil kalau saya sebut nama Dato' Hajah Saripah Aminah kemudian tidak memanggilnya. Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Soalan saya sudah terjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah terjawab. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah mereka yang mendapat VOA ini melakukan apa-apa jenayah ataupun bekerja seperti "*little red dragon*".

Dato' Chor Chee Heung: Mengikut rekod yang ada pada kami iaitu Jabatan Imigresen Malaysia, pemegang VOA yang tinggal lebih masa ini tidak keluar dari negara kita, oleh kerana mereka ini dapat mencari peluang pekerjaan di negara ini. Oleh sebab itu mereka ini tinggal lebih masa di negara ini dan bekerja. Mungkin apabila mendapat sedikit wang barulah mereka

keluar. Kalau mereka tidak ditangkap mungkin juga mereka akan terus tinggal di sini. Sekian, Terima kasih.

2. Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam minta Menteri Kesihatan menyatakan keputusan pihak kerajaan di atas isu mengasingkan pengedaran ubat di farmasi-farmasi daripada klinik doktor-doktor swasta.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membahagikan peranan di antara pegawai perubatan, iaitu doktor dan pegawai farmasi. Oleh yang demikian tidak akan terdapat sebarang pertukaran pada dasar sedia ada, kerana pihak kementerian tidak mahu membebankan pengguna serta rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun, adakah kerajaan bercadang menjalankan satu kajian ataupun *survey* dengan izin, antara pihak pengguna iaitu pesakit-pesakit dengan tujuan mendapat pandangan-pandangan mereka di atas isu ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Kita semua maklum bahawa tugas pengamal perubatan adalah untuk *prescript*, dengan izin, kalau ada perkataan itu dalam Kamus Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak tahu Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sementara pegawai farmasi adalah mereka yang berhak untuk *dispense*. Malaysia adalah diantara beberapa negara yang masih mengamalkan pengasingan di kebanyakan tempat, tetapi untuk klinik-klinik swasta, pengamal perubatan dibenarkan *dispense* ubat-ubat kerana tidak mahu...

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan Yang Berhormat adalah menjuruskan walaupun kerajaan tidak bercadang...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun kerajaan tidak bercadang melaksanakan pemisahan, adakah kerajaan masih ingin hendak kaji.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita berlapang dada, kita boleh buat kajian iaitu dengan mengadakan pendekatan, di mana ahli farmasi ataupun *pharmacist* yang bertaburan di sesuatu tempat sama ada dia boleh menampung keperluan pelanggan. Itu kita boleh buat kajian dan ini memang telah diutarakan oleh Persatuan Pengguna FOMCA dan persatuan-persatuan lain.

3. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sebab-sebab mengapa Astro tidak dibenarkan menambah program-programnya dan adakah pemantauan dibuat bagi memastikan ia tidak mengenakan caj yang tidak munasabah.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Astro tidak dibenarkan untuk melancarkan mana-mana saluran tambahan sehingga isu-isu berkaitan perkhidmatan pelanggan dapat diatasi. Ini bagi mengelakkan stesen televisyen berbayar tersebut daripada menawarkan saluran yang terlalu banyak, sedangkan isu-isu yang sering dibangkitkan oleh pelanggannya belum dapat diatasi. Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menggesa Astro untuk mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang penambahan saluran baru bagi Astro perlu melalui proses pertimbangan dan kelulusan KTAK dan SKMM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul bin Rashid, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah dan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, Astro akan diberikan kebenaran untuk menambah bila segala isu dan masalah diselesaikan. Apakah di antara isu-isu yang belum diselesaikan oleh Astro sehingga kini? Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: [*Gangguan alat pembesar suara*] Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid atas soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ia berlaku kepada timbalan menteri yang menjaga IT.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: [*Ketawa*] Antara isu-isu yang menjadi perhatian pihak kementerian adalah seperti berikut:

- (i) caj-caj yang dikenakan ke atas para pelanggan sama ada atas sebab lewat membuat pembayaran bil ataupun untuk perkhidmatan teknikal hendaklah munasabah dan berpatutan. Dalam isu ini pihak Astro sudah bersetuju untuk melonggarkan masa bagi pelanggan-pelanggan yang lewat membayar bil mereka;
- (ii) isu yang sering disebut oleh pelanggan ialah gangguan transmisi siaran semasa hujan. Ini boleh dikurangkan sebanyak 30% gangguannya apabila MEASAT-3A ataupun M3A dilancarkan pada September tahun ini.

■1020

Pihak ASTRO sudah berjanji agar transmisi siaran mereka akan bertambah baik.

Ketiganya, yang selalu di bantah ataupun ditanya oleh pelanggan ialah siaran program secara berulang dan pihak ASTRO juga sedang mengambil tindakan untuk mengurangkan program-program yang berulang kali. Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah, adakah pihak kementerian sedar ataupun memantau bahawa bayaran yang dikenakan oleh ASTRO begitu mahal, tetapi siaran-siaran yang ditayangkan sentiasa berulang dan terlalu banyak ke arah hiburan di mana hari ini cerita-cerita seberang ini menguasai anak-anak kita di rumah? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Berulang itu sudah dijawab. Dua unsur lagi belum dijawab.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menanya soalan tambahan berkenaan, iaitu adakah tidak kementerian ini sedar bahawa masalah yang dihadapi pelanggan iaitu berkenaan dengan program yang berulang dan harga atau caj yang mahal dan berkenaan juga dengan penguasaan program seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua: Terlalu banyak hiburan, terlalu banyak program seberang laut.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Sebenarnya Yang Berhormat, ASTRO menyediakan banyak saluran dan banyak pilihan. Tidak semestinya pelanggan menonton hiburan sahaja, sekiranya ia memilih untuk menonton program-program yang lebih berbentuk maklumat ataupun lebih menguntungkan sekeluarga.

Oleh kerana ASTRO bukan hanya menayangkan program-program seberang laut tetapi ia juga menayangkan program-program tempatan dengan saluran televisyen-televisyen swasta yang ada. Bermakna pilihan memang ada dan sukacita saya maklumkan di sini bahawa kementerian memang memantau program-program yang disediakan oleh semua pemberi perkhidmatan *broadcasting*. Akan tetapi buat masa sekarang ASTRO belum lagi termasuk dalam AKM ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Dan setelah ASTRO masuk dan terikat dengan syarat-syarat dalam AKM 1998, barulah kementerian ini dapat lebih kerap lagi memantau apa yang ditayangkan oleh ASTRO. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan yang diberi oleh pihak kementerian ternyata ASTRO tidak mengikut syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan oleh KTAK. Apakah tindakan yang telah diambil setakat ini kepada ASTRO oleh KTAK dan adakah pihak KTAK tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap ASTRO?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh dikatakan begitu oleh kerana ASTRO belum lagi memasuki jajahan AKM 1998, jadi kawalan oleh KTAK adalah terhad. Ianya masih lagi di dalam perundangan ataupun akta yang lain. Oleh yang demikian KTAK sentiasa memujuk dan mencari jalan, bagaimana ASTRO dapat secepat mungkin beralih ke rejim atau penguatkuasaan di bawah

AKM 1998. Dan diharapkan tidak berapa lama lagi ianya dapat dikawal oleh KTAK. Terima kasih.

4. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah mekanisme yang dirancang dan bakal diguna pakai untuk merealisasikan milikan ekuiti 3% masyarakat India menjelang 2020; dan
- (b) apakah mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan dasar dan program yang ditetapkan berjaya dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan komited untuk memastikan matlamat pemilikan ekuiti oleh etnik India meningkat kepada 3% menjelang tahun 2020, tercapai. Usaha meningkatkan pemilikan ekuiti India dalam sektor korporat akan diberi penekanan oleh kerajaan dengan memperkenalkan dan melaksanakan langkah-langkah yang lebih berkesan. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa kita menggunakan tiga strategi ke arah memastikan bahawa matlamat 3% itu dapat dicapai.

Yang pertama, kita menggalakkan pelaburan daripada sumber-sumber yang sedia ada dalam masyarakat India. Contohnya kalau seseorang itu mempunyai wang, kita menggalakkan supaya warga itu dapat melabur dalam skim-skim pelaburan yang disediakan oleh kerajaan dan juga swasta.

Yang kedua, kita ingin membina kapasiti modal insan ataupun keupayaan untuk individu berkenaan khususnya generasi muda, untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan demi untuk menjadi usahawan, sehingga seseorang itu berupaya untuk melabur dengan pendapatan yang diperolehi.

Dalam konteks ini kita gunakan dua cara:

- (i) untuk menambahkan daya upaya, swadaya ke arah keusahawanan. Dengan ini banyak latihan telah disediakan melalui pelbagai agensi-agensi kerajaan seperti contohnya, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang menyediakan pelbagai skim untuk membantu golongan seperti ini; dan
- (ii) untuk memberi kapasiti kemahiran seseorang itu meneroka bidang-bidang *niche*, beralih daripada pekerjaan tradisional kepada pekerjaan-pekerjaan yang boleh mengupayakan seseorang itu untuk mendapat pendapatan yang lebih...

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi komponen strategi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Akhir sekali adalah pemantauan dan pelaporan daripada dua strategi ini ke arah untuk melihat dari semasa ke semasa, sejauh manakah

seseorang itu ataupun dari konteks 3% itu tercapai. Ingin saya mengatakan bahawa kita pun ada masalah.

Memang ada masalah di peringkat bawahan dalam pelaksanaan. Contohnya apabila wang dana ini dilancarkan pada 2004, 2006 mungkin ada pihak-pihak tidak kesampaian kerana cara pelaksanaannya masih lagi mempunyai pelbagai masalah dari segi ketirisan, *seepages* dengan izin. Dalam konteks itu bank yang diamanahkan kadang-kadang tidak mungkin memainkan peranan...

Tuan Yang di-Pertua: Benarlah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat '*probe devout*'...

Tuan S. K. Devamany: ...Okey. Saya ada tengok mungkin ada soalan-soalan tambahan, terus saya jawab semua, supaya tidak ada soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, tetapi... [*Ketawa*] ...Kalau ada saya akan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rawisandran, Puan G. K. Loga Chitra, Dato' Lee Sing Chooi. Minta maaf yang lain.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri, memberi jawapan yang jelas. Saya terpaksa alihkan soalan tambahan saya kepada lain. Soalan tambahan saya, peruntukan banyak diberikan kepada masyarakat minoriti di negara ini. Bagaimana memastikan bahawa peruntukan dan dasar kerajaan menepati sasaran masyarakat minoriti ini? Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bila kita katakan pemilikan ekuiti, kerajaan dengan jelas mengadakan dua golongan untuk golongan bumiputera dengan sasaran dasar-dasar yang sedia ada, dasar pembangunan negara dan dasar wawasan dan bukan bumiputera.

Dalam konteks ini saya ingin mengatakan bahawa golongan minoriti termasuk golongan Orang Asli, orang-orang minoriti di Sabah dan Sarawak turut terlibat dalam konteks kategori bumiputera dan bukan bumiputera. Dalam konteks Sabah dan Sarawak mereka termasuk dalam bumiputera. Maka segala peluang yang disediakan untuk pemilikan ekuiti turut juga dapat disajikan untuk golongan-golongan ini. Maka terpulanglah kepada golongan-golongan ini untuk melihat dan orang kata *plug-in to the system*, dengan izin. Terima kasih.

■1030

Puan GK Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Malaysia Kesembilan menggariskan lebih banyak peluang akan disediakan kepada komuniti India menyertai Skim Saham Amanah terpilih, bagi mencapai sasaran pemilikan 3% ekuiti. Soalan tambahan saya apakah status terkini masyarakat India menyertai skim ini seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan apakah keberkesanan dan impak dasar tersebut, terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pencapaian setakat ini dalam konteks pencapaian peluang masyarakat atau komuniti India dalam penyertaan Skim Saham Amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) seperti Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Gemilang (ASG), Amanah Saham Nasional 3 (ASN3), memang ada peningkatan yang mendadak sebanyak 60%. Pada tahun 2004, sebanyak RM262.4 juta telah dimiliki melalui Unit Amanah Saham. Pada tahun 2006 pula, didapati ada RM419.1 juta dapat dimiliki oleh kaum India dalam proses pemilikan saham.

Namun demikian, saya rasa ini jauh daripada matlamat 3%. Maka beberapa cadangan telah pun dikemukakan, saya juga diingatkan bahawa saya cukup prihatin terhadap perkara ini dan mungkin kehadiran saya di EPU juga untuk matlamat sebahagiannya daripada itu.

Maka dalam konteks itu kami telah pun mengadakan satu jawatankuasa khas untuk membincangkan bagaimanakah 3% dapat direalisasikan pada 2020. Beberapa cadangan dari pihak NGO dan parti berkenaan telah pun disalurkan dan kami sedang melihat mekanisme untuk pencapaian itu secara berperingkat.

Untuk soalan kedua, saya memberi jaminan bahawa satu jawatankuasa dalaman akan dibuat selain daripada *National Implementation Task Force* dengan izin Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara yang dipengerusikan oleh KSN. Satu lagi jawatankuasa dalaman yang mungkin akan dipantau oleh saya sendiri akan juga diwujudkan. Terima kasih.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembangunan Malaysia saya tidak nampak mana-mana kumpulan atau mana-mana komuniti tertinggal atau terpinggir. Sistem kerajaan sekarang, kampung tradisional di bawah jagaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Lee Sing Chooi: Nak pergi dah. Kampung Baru di kementerian yang lain. Soalan tambahan saya, di kementerian atau jabatan manakah terletaknya jagaan untuk perkampungan di ladang dan perkampungan nelayan. Dalam perancangan dan juga peningkatan hak milik masyarakat India, macam manakah keluarga yang berpendapatan sederhana dan juga rendah juga dapat ambil bahagian dan manfaat terutamanya dalam strategik-strategik yang disebutkan seperti strategik membina kapasiti...

Tuan Yang di-Pertua: Sampai strategik cukuplah.

Dato' Lee Sing Chooi: Okey.

Tuan S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini mungkin soalan secara tidak langsung mengenai tajuk hari ini. Walau bagaimanapun saya jawab, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa golongan-

golongan di estet dan golongan setingan dan nelayan telah terkeluar dari landasan mekanisme yang sedia ada seperti JKK dan JKKP.

Saya di peringkat EPU telah membangkitkan isu ini supaya mengadakan satu mekanisme melalui kementerian; contohnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan satu lagi Kementerian Perladangan dan Komoditi yang terus menjaga *planters* dengan izin. Begitu juga melalui kementerian-kementerian di peringkat kerajaan tempatan KPKT supaya mengadakan mekanisme yang sama untuk memantau. Ia juga supaya semua program yang sedia ada melalui pelbagai kementerian dapat kesampaian dan maklum balas melalui *focus group* dan e-Kasih yang sedia ada di ICU dapat juga disatukan ke arah perancangan pembangunan mereka. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pendekatan-pendekatan untuk menggalakkan negara-negara lain membuat '*reinvestment*' (pelaburan ulangan) di Malaysia dalam bidang-bidang baru.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 iaitu PIA, pelaburan semula atau dengan izin *reinvestment* merupakan perbelanjaan modal untuk pembesaran pemodenan automasi atau kerja-kerja pengubahsuaian untuk aktiviti-aktiviti atau produk yang sama. Bagi menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang telah beroperasi di Malaysia, kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis insentif, insentif dalam bentuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan diberi kepada industri-industri berasas sumber iaitu getah, kayu, kelapa sawit dan industri pemprosesan makanan.

Di bawah Akta Cukai Pendapatan pula, syarikat perkilangan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan layak untuk elaun pelaburan semula. Elaun ini adalah pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat dan boleh ditolakkan dengan 70% pendapatan berkanun bagi tahun taksiran untuk 15 tahun berturut-turut.

Bagi kawasan yang digalakkan syarikat boleh menolakkan elaun ini dengan 100% pendapatan berkanun. Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) telah menggariskan pelbagai bidang baru yang akan dimajukan seperti perkhidmatan penjimatan tenaga, ICT termasuk dengan izin *outsourcing*, bioteknologi dalam peralatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini gambarannya sudah jelas elok sekarang Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Sedikit lagi. Bidang-bidang ini layak dipertimbangkan untuk insentif-insentif dalam bentuk taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Bagi menjadikan pelaburan dalam bidang baru seperti bioteknologi dan ICT, lebih menarik pengecualian cukai sehingga 100% diberi kepada syarikat-syarikat yang berstatus *Bionexus* atau Koridor Raya Multimedia MSC. Untuk syarikat-syarikat bioteknologi dan tanah bagi permulaan, penyelidikan

pembangunan R&D serta pengkomersialan penemuan R&D turut diberikan. Syarikat-syarikat bertaraf MSC pula layak untuk kelonggaran dalam syarikat ekuiti dan pengambilan pekerja asing. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azian, Dato' Gooi, kemudian Datin Paduka Nor Hayati.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Apakah nilai pelaburan berulang dari pelaburan asing setakat ini dan dari negara manakah yang paling banyak sekali berulang melabur dalam negara ini terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan yang cukup tepat.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Okey. Terima kasih ke atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, pelaburan keseluruhan yang telah diluluskan pada tahun 2007 ialah RM125.3 bilion jika dibandingkan dengan 2006 ialah RM101.5 bilion. Ini bermakna telah meningkat ke satu tahap yang lebih baik. Negara-negara yang mempunyai FDI dengan kita ialah seperti negara Amerika Syarikat, Jepun Korea dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi pendekatan galakan hanya dari segi fiskal insentif sahaja. Namun dalam senario...

Tuan Yang di-Pertua: Namun itu cukuplah, sudah bagi alasan itu, pertanyaan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Pertanyaan. Namun dalam senario yang kini cukup mencabar sama ada...

Tuan Yang di-Pertua: Dia curi juga namun itu.

Dato' Gooi Hoe Hin: ... cara menetapkan pegawai-pegawai MIDA, pesuruhjaya-pesuruhjaya-perdagangan dirombak semula supaya pegawai-pegawai yang cukup berpengalaman, yang mahir, komited - soalan saya.

■1040

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pegawai-pegawai kita di MIDA ini ialah pegawai-pegawai yang mempunyai komitmen yang tinggi untuk memperluaskan dan juga untuk menarik lebih lagi FDI ke negara kita. Jadi mereka ini memang sudah dilatih dengan sebaik-baiknya dan bukan hanya dalam satu dua tahun saja tetapi sentiasa dilatih supaya mereka mempunyai kebolehan yang cukup. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, semua soalan saya telah dijawab. Sama soalan dengan Datuk Azian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

6. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) berapa banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kementerian dalam tempoh 2004-2008 bagi tujuan membaik pulih, penyelenggara dan membina perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur; dan
- (b) berapa banyak syarikat/kontraktor yang telah diberi kebenaran oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam tempoh 2004-2008 untuk memasang dan mendirikan papan-papan iklan di atas tanah milik DBKL dan bagaimana prosedur kebenaran itu dilakukan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab untuk membina dan menyelenggara perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur. Setakat ini terdapat 1,070 lokasi perhentian bas dan 362 buah pondok perhentian teksi. Lokasi-lokasi perhentian ini turut disediakan dengan pondok menunggu.

Bagi tempoh di antara 2004-2008, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membina dan mempertingkatkan 49 buah pondok bas dengan perbelanjaan sebanyak RM1.1 juta. Manakala sebanyak 84 buah pondok teksi telah dibina melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh yang sama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan sebanyak RM15.8 juta untuk menyelenggara perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur. Kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan termasuk kerja pencucian, pembersihan, penyelenggaraan elektrik, penyelenggaraan am dan membaik pulih.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai bilangan syarikat atau kontraktor yang telah diberi kebenaran oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memasang dan mendirikan papan-papan iklan di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sehingga Mei 2008, sebanyak 111 syarikat pengiklan telah diberi kelulusan untuk mendirikan papan-papan iklan di Kuala Lumpur.

Permohonan mendirikan papan iklan di atas tanah DBKL diproses dan disiasat kesesuaian lokasinya oleh Jabatan Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Permohonan ini kemudian akan dibawa ke Jawatankuasa Pelesenan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur atau Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri daripada Jabatan Perancangan Bandar, Jabatan Pengurusan Bandar, Jabatan Kerja Awam, Jabatan Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Seni Taman dan Kawalan Pembersihan Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Pelan Induk, Unit Reka Bentuk dan Warisan dan juga Jabatan Pelesenan Urus setia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Syed Ali kemudian Datuk Rizuan kemudian Datuk Yip.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya,

berapakah jumlah lesen iklan luar dan nama-nama syarikat yang telah menerimanya. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti dengan soalan Ahli Yang Berhormat. Sama ada ruang iklan untuk tahun ini atau keseluruhan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh buat penjelasan?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Untuk tahun ini. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan papan iklan luar 2008 adalah jumlahnya sebanyak 19 dan syarikat-syarikat yang telah menerima;

SYARIKAT	UNIT
Ambang Citra Sdn.Bhd	1
Darman Corporation Sdn. Bhd	3
Golden Dynamic Vision Sdn. Bhd	5
Seranta Management Sdn. Bhd	3
Seni Jaya Sdn. Bhd	1
TPT Ilham Sdn. Bhd	6

Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dimaklumkan pondok menunggu bas (*bus shelter*) di kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur telah lama diswastakan. Soalannya kepada sahabat saya Yang Berhormat Datuk Saravanan, kenapakah bas *shelter* di Kuala Lumpur tidak diperluaskan di kawasan taman-taman seperti bentuk *bus shelter* di kawasan pusat bandar dan kalau ada pun reka bentuk nampaknya reka bentuk lama dan usang dan tidak ada iklan dan tidak diselenggarakan dengan baik. Yang keduanya, kenapa pula *bus shelter* dibina di pusat bandar dengan dinding kaca tetapi tidak dimuatkan dengan iklan? Masih kosong dan walaupun ada iklan...

Tuan Yang di-Pertua: Dan walaupun itu tak perlulah.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: *Last* dah ini. Kalau iklannya, kenapa iklan itu tidak menarik seperti mana di negara-negara Barat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab dan walaupun ialah pertanyaan berasaskan andaian.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi kontrak kepada pemohon-pemohon yang ingin mengiklankan dan jenis pengiklanan yang akan dipaparkan adalah tertakluk kepada pengiklan sendiri bukan di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pihak manakah, KPKT atau DBKL atau penaja yang menentukan reka bentuk perhentian bas dan teksi di Kuala Lumpur. Sama ada ianya mengambil kira ciri-ciri terbaik sistem pengangkutan iaitu penyayang dan mesra kepada pengguna, berseni mesra alam,...

Tuan Yang di-Pertua: Ha cukuplah tu.

Dato' Yip Kum Fook: ...bersih dan menghormati pengguna. Sekian, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Boleh ulang soalan tadi? Tak jelas.

Dato' Yip Kum Fook: Sama ada ianya ada mengambil kira ciri-ciri terbaik sistem pengangkutan iaitu penyayang dan mesra kepada pengguna, berseni, mesra alam, bersih dan menghormati pengguna yang termaktub dalam Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat KPKT. Sekian, terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kesemuanya Tuan Yang di-Pertua. Kesemua ciri-ciri akan diambil kira.

7. **Puan Heng Seai Kie** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh manakah usaha kerajaan dalam membantu para ibu bapa atau warga tua yang terbiar dan tinggal berseorangan di desa mahupun di bandar supaya kehidupan tuanya tidak kesunyian, terjaga dan lebih bermakna.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan program-program khusus kepada warga tua yang terbiar dan tinggal keseorangan di desa mahupun di bandar supaya kehidupan mereka tidak kesunyian, terjaga dan lebih bermakna.

Program-program tersebut adalah;

- (i) mewujudkan pusat jagaan harian warga emas ataupun PJHWE. Program yang membolehkan warga emas mendapat jagaan harian, mengisi masa lapang secara produktif, berinteraksi dengan rakan seusia dan masyarakat setempat serta dapat terus menyumbang kepada komuniti. Sehingga kini terdapat 19 buah PJHWE di seluruh negara yang memberi manfaat kepada lebih 13,000 orang warga emas;
- (ii) mewujudkan satu projek rintis di Lembah Pantai iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas ataupun POWER sebagai tempat pertemuan. Membolehkan warga emas berinteraksi dan menjalankan aktiviti dengan masyarakat setempat;
- (iii) mewujudkan perkhidmatan bantuan di rumah ataupun *home help services* dengan, izin yang telah dimulakan pada tahun 2005 dan terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia;

- (iv) JKM juga menyediakan institusi kebajikan masyarakat bagi warga emas yang tidak mempunyai waris dan tinggal bersendirian iaitu sembilan buah Rumah Seri Kenangan dan juga dua buah Rumah Ehsan bagi mereka yang sakit melarat dan terlantar;
- (v) bekerjasama dengan Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia ataupun MPKSM yang dibiayai oleh JKM menggunakan Bantuan Orang Tua ataupun BOT telah menyediakan sebanyak 103 buah rumah ataupun pondok sejahtera yang menempatkan seramai hampir 1,000 pada hari ini dah akhirnya turut menyediakan Bantuan Orang Tua ataupun BOT dengan kadar RM300 sebulan kepada warga emas yang layak menerima bantuan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Heng, Puan Mumtaz dan Datuk Rokiah.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi banyak sangat sebelah sana. Ini sebelah sini pula.

■ 1050

Puan Heng Seai Kie: Apakah mekanisme yang digunakan oleh JKM untuk mengesan dan mendaftarkan warga tua yang berkecuaan dan adakah kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan NGO dengan menggunakan sumber mereka yang sedia ada dalam menjayakan program ini? Sekian.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM memang selama ini tidak bergerak sendiri dan kita sentiasa mengadakan kerjasama pintar dengan rakan-rakan pertubuhan sukarela kebajikan ataupun PKS dan selama ini pun kita melalui pemimpin-pemimpin masyarakat, pertubuhan-pertubuhan sukarela, persatuan dan NGO menerima senarai nama-nama yang layak untuk kita masukkan dalam mana-mana rumah yang saya sebutkan sebentar tadi. Setakat ini juga kita telah mengeluarkan secara keseluruhannya hampir RM3 juta khas untuk pertubuhan sukarela kebajikan iaitu 34 buah NGO yang menjalankan aktiviti melibatkan warga emas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mumtaz bin Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah definisi pengabaian yang difahami oleh kementerian dalam usaha untuk kita mengenal pasti sama ada orang itu diabaikan atau tidak, khususnya untuk membolehkan pihak komuniti atau anak mengetahui bahawa mereka telah mengabaikan orang tua? Yang kedua, adakah pihak kementerian akan mendesak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memberikan insentif yang sama kepada anak-anak yang menyumbang kepada ibu bapa tanpa menunggu mereka menjadi sakit terlebih dahulu?

Puan Noriah Kasnon: Satu, Yang Berhormat, definisi warga emas itu sendiri kita ambil daripada takrifan yang dibuat di *World Assembly of Aging* di Vienna pada tahun 1982 iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Oh, saya sudah masuk lingkungan itu. *[Ketawa]*

Puan Noriah Kasnon: Pastinya untuk kemasukan ke institusi kita, terdapat syarat-syarat lain, Tuan Yang di-Pertua. Yang sihat dan bijak seperti Tuan Yang di-Pertua pasti tidak layak *[Ketawa]* dan takrif pengabaian itu juga sangat subjektif, Yang Berhormat kerana ada kalanya apabila kita menerima permohonan, itu sebab kita melakukan siasatan dan sebagainya. Tentang permohonan bantuan dan kebajikan tanpa menunggu orang tua kita sakit dan sebagainya, sebenarnya kepada warga emas yang layak iaitu warganegara Malaysia melebihi umur 60 tahun dan berkeperluan. Maknanya pendapatan setakat di bawah paras RM400 sebulan boleh memohon dan kita akan pertimbangkan sekiranya memang ada unsur-unsur berkeperluan iaitu kalau ada anak dua, tiga orang, yang berkerjaya, yang berprofesional, pastilah kita anggap tidak layak dan kita tidak menggalakkan anak-anak sendiri mengabaikan penjagaan kepada ibu bapa dan warga emas ini.

Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimana pula dengan warga emas yang keseorangan di rumah, sedangkan anak-anak pula semuanya bekerja dan tiada perhatian langsung terhadap keluarga, tetapi mempunyai pendapatan dari pencennya. Maknanya dia ada penceh, tetapi duduk keseorangan. Ke manakah mereka ini boleh pergi untuk menghabiskan waktu dari kesunyian di rumah? Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator...

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa di sebalik bunyi-bunyi itu ada soal kahwin lain kah, apa kah? *[Ketawa]*

Puan Noriah Kasnon: Itu pastinya bukan di bawah kategori yang dalam perhatian kita, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat tadi, tentang mereka yang mempunyai pendapatan tetapi keseorangan di rumah, mungkin tinggal bersama keluarga tetapi apabila keluarga keluar bekerja, mereka tetap kesunyian. Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, kita mewujudkan , pusat-pusat jagaan harian. Dari pagi, pukul 8.00 pagi atau 7.30 pagi sudah boleh dibuka dan sehingga ke waktu petang, selesai waktu bekerja. Pelbagai aktiviti kita laksanakan di pusat-pusat jagaan harian ini dengan menggunakan kos kendalian yang diberikan oleh JKM dan ianya diselia atau digerakkan bersama dengan pertubuhan sukarela kebajikan.

Kita ada 19 buah semuanya di seluruh negara. Hampir di seluruh negeri ada pusat-pusat jagaan harian warga emas ini termasuklah kalau Yang Berhormat dari Pahang – kalau tidak salah saya ya, Yang Berhormat kita ada di tiga tempat di iaitu di Pekan, Raub dan Bentong. Selain itu juga, kita mempunyai “Rumah Sejahtera” atau “Pondok Sejahtera” seperti yang saya sebutkan tadi iaitu mereka boleh memohon untuk memasuki rumah ini sekiranya kesunyian di

rumah dan boleh bermalam kerana ianya berkonsepkan asrama tetapi masih boleh dikunjungi oleh anak-anak dan saudara-mara. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan nombor 8, terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar yang mengikuti sesi perbahasan Dewan Negara hari ini. [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

8. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah bagi mewujudkan usahawan ternakan lembu daging, lembu tenusu dan kambing (baka *boer*) dapat diperluaskan bagi menjana ekonomi penduduk kawasan luar bandar khususnya Orang Asli.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menerusi Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, Bahagian Industri Asas Tani dan Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya telah melaksanakan program-program pembangunan usahawan ternakan tanpa mengira latar belakang demografi usahawan dan memberi perkhidmatan selaras dengan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertindak sebagai penyedia kepakaran teknikal dan pemudah cara kepada projek-projek atau pihak yang menjalankan projek berasaskan ternakan. Jadi langkah-langkah yang sedang dijalankan termasuk:

- (i) melaksanakan Program Pembangunan Usahawan Pedaging iaitu lembu dan kambing menerusi 27 projek kawasan tumpuan sasaran di seluruh Semenanjung Malaysia dan program ini dilakukan menerusi kaedah Program Pengembangan Veterinar dengan menekankan kepada konsep lawatan terancang berjadual bagi projek-projek yang telah dikenal pasti;
- (ii) melaksanakan Program Pembangunan Ternakan bagi meningkatkan pendapatan serta sosioekonomi; dan
- (iii) bertindak sebagai penyedia perkhidmatan kepakaran teknikal kepada projek-projek yang dijalankan bersama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Jadi sebagai contoh, khususnya untuk kita menghormati Yang Berhormat yang bertanya tadi, kita ada dua projek bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu satunya, projek ternakan lembu pedaging di Kampung Mawai, Kota Tinggi, Johor dan kedua, projek kambing *boer* di Gombak di mana Jabatan Perkhidmatan Veterinar diminta untuk memberi perkhidmatan teknikal dan setakat ini tiada program atau projek tenusu yang dijalankan bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan saya tadi. Soalan tambahan,

memandangkan tanah-tanah terbiar dan tanah rizab yang agak luas yang banyak terdapat di kampung Orang Asli, adakah Kementerian telah membuat secara holistik bersama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau mana-mana dalam mewujudkan "satu kampung, satu industri" berskala sederhana atau besar dalam bidang ternakan ini.

Soalan kedua, adakah bentuk kerjasama atau latihan kemahiran yang konsisten yang dirancang dalam membentuk usahawan di kalangan belia dan beliawanis dalam merealisasikan moto Kementerian iaitu Pertanian Satu Perniagaan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu. Jadi mengenai persoalan iaitu tanah terbiar atau tanah rizab yang luas, yang banyak terdapat di kampung-kampung Orang Asli, sukacita dimaklumkan di sini, Yang Berhormat, bahawa untuk kita meneruskan jaminan dan bekalan makanan, memang kita telah memperuntukkan satu belanja yang besar juga iaitu di bawah pengurusan tanah terbiar di mana kita telah diperuntukkan dalam RM50 juta untuk kita bangunkan tanah terbiar ini.

■ 1100

Ini adalah peruntukan tahun ini di bawah jaminan makanan. Namun di bawah peruntukan yang biasa memang juga kita ada memperuntukkan peruntukan yang besar, tetapi Yang Berhormat di sinilah kita ingin mendapatkan kerjasama khasnya daripada kerajaan negeri sebab tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Kementerian kami memang tidak putus-putus, tidak putus asa untuk mendapat kerjasama daripada semua Exco-Exco pertanian untuk memastikan. Insya-Allah Yang Berhormat, termasuklah di bawah kalau ada tanah terbiar ini juga kepunyaan di perkampungan Orang Asli kami masukkan juga. Sebab itu kita setiap tahun memang memperuntukkan peruntukan yang besar sebenarnya untuk menguruskan semua tanah-tanah terbiar. Kita berharap seperti Yang Berhormat katakan, boleh dijadikan satu kampung satu industri khasnya bidang ternakan.

Tadi saya telah memberitahu bahawa tugas Jabatan Perkhidmatan Veterinar memang untuk memberi latihan, bimbingan kepada apa juga projek-projek yang melibatkan ternakan, insya-Allah.

Untuk jawapan kedua, memang sedemikian Yang Berhormat. Memang kita sering mengadakan banyak kerjasama bersama dengan kementerian-kementerian untuk kita membantu, untuk membangunkan usahawan ternakan di negara ini. Ini kerana *Self Sufficiency Level* kita hanya 23% setakat ini dan kita ingin meningkatkan kepada 40% dalam tahun 2015, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu keperluan daging lembu meningkat, begitu juga harga daging lembu di Malaysia tetapi pembekalan daging tidak begitu memuaskan. Maka kita nampak

usaha kementerian untuk meningkatkan pembekalan daging lembu. Salah satu daripada contohnya ialah *Beef Valley* dengan izin, atau lembah daging lembu di Gemas, Negeri Sembilan...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan.

Tuan Lee Chee Keong: Jadi saya ingin tahu daripada kementerian, setakat manakah perkembangan *Beef Valley* dengan izin, yang telah dilancarkan setahun lebih yang lepas dan bagaimanakah penglibatan pihak swasta atau orang tempatan di Malaysia? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi projek *Beef Valley* atau lembah daging di Gemas ini adalah satu usaha kita seperti saya katakan tadi untuk meningkatkan SSL atau *Self Sufficiency Level*, dengan izin, daripada 23% sehingga 40%.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, NFC yang di bawah Gemas ini, *National Feedlot Corporation*, telah menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan dan juga telah mengadakan beberapa infrastruktur.

Insya-Allah Yang Berhormat kami tengah mendapatkan tarikh daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita merasmikan tempat tersebut. Yang Berhormat terima kasih, kita memang satu daripada syarat yang kita berikan kepada pengusaha NFC ini ialah untuk menggembelng semua penternak-penternak kecilan di persekitaran kawasan, kita namakan iaitu Ladang Satelit, *Satellite Farms*.

Jadi mereka ini juga akan menyumbangkan dari segi ternakan atau daging mengikut keperluan NFC kepada syarikat induk ini. Selain daripada syarikat induk iaitu *National Feedlot Corporation* ini, mereka juga akan mendapat dan juga membimbing semua pengusaha-pengusaha kecil termasuk pihak-pihak swasta bersama untuk menjalankan projek ini.

Kita memang menaruhkan harapan besar Yang Berhormat kepada projek ini sebab jikalau projek ini betul-betul dapat meningkatkan pengeluaran daging di dalam negara kepada 40% dan ini akan menjadi satu model yang akan kita gunakan di tempat-tempat lain. Selain daripada kita sekarang ini mengadakan beberapa usaha sama iaitu satu, kita mengadakan integrasi di ladang-ladang kelapa sawit...

Tuan Yang di-Pertua: Itu mula hendak panjanglah itu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya kata itu mula hendak panjang dah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak, sebab ini ladang kelapa sawit yang begitu banyak di negara kita. Jadi kita mengadakan program integrasi, di mana daripada kawasan yang luas itu tidak digunakan jadi *multipurpose*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

9. Dato' Wong Siong Hwee minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, berapakah jumlah telah diberi pinjaman oleh SME Bank kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera di bawah IKS.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SME Bank mula beroperasi pada tahun 2005. Dari segi jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh SME Bank kepada syarikat-syarikat bukan bumiputera sehingga pada hari ini ialah sebanyak RM479.2 juta yang melibatkan seramai 217 buah syarikat bukan bumiputera. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Wong.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Ramlah bangun, ya tadi?

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa SME Bank sebenarnya tidak digemarkan oleh sesetengah usahawan. Ini kerana ia bukan sebuah bank yang *fulfilled* dengan izin, dan hanya boleh memberi pinjaman untuk membeli peralatan sahaja. Ia hanya membiayai...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Wong Siong Hwee: Jadi soalan tambahan saya, apakah kerajaan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan? Sebab saya ada lima yang ketidakpuashatian terhadap usahawan itu. Jadi saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk saya ceritakan kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kita sekarang masa pertanyaan.

Dato' Wong Siong Hwee: Jadi seperti pinjaman mungkin makan masa yang panjang. Jadi saya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduk sebentar bila saya bercakap. Kita masa pertanyaan bukan masa perbahasan. Jadi saya benarkan sedikit mukadimah untuk alas, kemudian tembak. Tanya bukan tembak, minta maaf. Tanya.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi ada kelemahan-kelemahan di...

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak boleh terbawa-bawa untuk, sebab masa pertanyaan. Di depan saya ialah tanggungjawab supaya negara diberi laporan tiap-tiap hari melalui pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai 1,001 perkara berhadapan dengan negara. Jadi kalau saya biarkan satu isu misalnya *Beef Valley*, negara hendak tahu pasal pendatang haram pasal yang itu pasal yang ini. Jadi saya terpaksa dalam masa yang singkat ini memberitahu melalui pertanyaan-pertanyaan yang dicungkil oleh Yang Berhormat betapa *accountable* kerajaan selaku pemerintah. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada kelemahan-kelemahan di SME Bank. Jadi soalan tambahan saya adalah, apakah usaha kerajaan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar tentang beberapa kelemahan yang wujud dalam SME Bank. Misalnya dari segi tempoh masa meluluskan. Yang Kedua, kurangnya jenis atau bidang tajuk pembiayaan dan juga masalah rayuan daripada permohonan yang gagal. Jadi ketiga-tiga masalah itu di samping yang lain sedang kita atasi. Satunya kita pastikan sekarang supaya kalau tempoh itu mesti diluluskan dalam masa yang tertentu kita pastikan ia mesti diluluskan. Seandainya ia tidak diluluskan mesti diberi jawapan bertulis dan salinan itu diberikan terus kepada Yang Berhormat Menteri.

Yang keduanya, kita telah cadangkan SME Bank mengadakan tajuk-tajuk ataupun bidang-bidang perniagaan yang baru yang perlu disediakan dan tidak hanya soal peralatan dan perkilangan seperti yang ditanya. Begitu juga kita tubuhkan jawatankuasa rayuan supaya pemohon yang gagal dia boleh membuat rayuan. Itu pun dihantar terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Terima kasih.

■1110

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Ramlah, kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Samsiah.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah SME Bank memantau perkembangan IKS bukan bumiputera dan bumiputera yang membuat pinjaman dengan SME Bank? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang membuat pemantauan dan walaupun saya tidak ada data di sini, tetapi kita sedar bahawa NPL kita tidaklah begitu baik. Ini sedang kita usahakan supaya perkara ini tidak lagi berlaku pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Samsiah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu juga sejauh ini, bagaimana pula kejayaan kepada semua peminjam-peminjam tadi?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ini soalan cepu emas. Saya minta maaf saya tidak ada data dari segi yang itu tetapi kita ada kejayaan-kejayaan yang besar juga daripada syarikat-syarikat yang berjaya baik dari bumiputera ataupun bukan bumiputera. Saya mohon notis boleh saya berikan jawapan senarai syarikat-syarikat kita yang berjaya termasuk yang dah sampai ke persada antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat sebut ini pertanyaan cepu emas ataupun boleh diterjemahkan pertanyaan jerangkap samar? *[Ketawa]*. Bumi trap question. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ikhwan Salim.

10. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah mahupun tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian di dalam menghapuskan permit AP bagi sesetengah makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengeluaran permit import bagi sesetengah makanan adalah seperti yang berikut:-

- (i) bagi tanaman iaitu mencegah kemasukan perosak berbahaya yang boleh memberi ancaman kepada kesihatan tumbuh-tumbuhan atau industri tanaman di negara ini;
- (ii) bagi ternakan, mengawal kemasukan haiwan hidup dan produk haiwan, risiko kemasukan penyakit kepada haiwan dan manusia serta alam sekitar di negara kita; dan
- (iii) perikanan iaitu mengawal kemasukan ikan hidup daripada luar, melindungi spesies tempatan dan pengawalan penyakit.

Di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tiga komoditi utama tanaman yang dikenakan import permit iaitu kubis, kopi dan kelapa tua. Kelapa tua Tuan Yang di-Pertua, bukan yang muda.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah diulang-ulang yang tua itu.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: [Ketawa] Bagi penghapusan AP, mulai 1 April 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan *tariff-rate quota* ataupun TRQ sebagaimana yang dikehendaki oleh *World Trade Organization* untuk menghapuskan AP kubis dalam jangka masa lima tahun. TRQ telah diwartakan oleh pihak Kastam di bawah perintah Duti Kastam 2007 dan perintah duti kastam barang-barang berasal dari negeri-negeri Asian, tatanama, tarikh barang berharmoni Asian dan tarif keutamaan sama rata tahun 2007.

Jadi di bawah konsep pelaksanaan TRQ, kubis bulat telah tertakluk kepada dua peringkat cukai iaitu tarif dalam kuota atau dengan izin *in quota* di mana tiada dikenakan cukai dan tarif di luar kuota atau *out quota*, di mana dikenakan cukai maksimum 90%. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ikhwan Salim.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Yang Berhormat Senator Dato' Musa, kemudian, minta maaf. Yang Berhormat Dato' Haji Idris, kata orang Sarawak ya, automatik dia jadi abang katanya. [Ketawa] Yang Berhormat Dato' Haji Idris.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam sistem AP ini, apakah mekanisme yang digunakan untuk menentukan harga yang berpatutan dalam pasaran? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi tiga tanaman utama ini, bagi tujuan kubis, kita menggunakan kuantitatif. Ini bermakna dari segi berapa banyak iaitu supaya kita memastikan mesyuarat diadakan setiap bulan, di mana kita mengeluarkan jumlah yang hanya dapat diimport mengikut keperluan *shortage* dengan izin, di dalam negara.

Bagi kopi, kopi yang hanya dibenarkan diimport. Jenis-jenis lain tetapi bukan jenis Liberica iaitu kopi tempatan.

Bagi kelapa tua, kita membenarkan hanya mengimport 40% daripada kegunaan kilang. Kilang ini adalah tujuannya untuk memproses dan kelapa ini bukan digunakan dijual segar. Jadi mesyuarat diadakan setiap bulan untuk memastikan bahawa keperluan ini dipantau setiap kali. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa dulu, kemudian Yang Berhormat Dato' Idris. Yang Berhormat Dato' Musa dulu.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sekarang ini kerajaan telah pun menghapuskan harga syiling besi keluli dan juga simen. Apakah kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan AP bagi mengimport beras dari luar negara? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak dapat menghapuskan serta-merta sebab itulah di dalam perancangan kita, insya-Allah, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan seterusnya Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita hendak mewujudkan atau membuatkan beberapa jelapang padi baru untuk memastikan bahawa sekarang ini kita mengimport beras sebab SSL kita dari segi beras adalah hanya 70%. Jadi kita mengimport 30%, tapi insya-Allah, dengan pembukaan jelapang-jelapang padi baru, khasnya Sabah, Sarawak dan beberapa lagi negeri di Semenanjung dan juga kita memperbaiki dari segi sistem perparitan tali air yang ada di jelapang sekarang. Insya-Allah, Yang Berhormat, hasrat kita untuk tidak mengimport beras daripada luar negara ini tercapai dan kita pula akan menjadi negara pengekspor. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Idris.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah jaminan dan juga pemantauan yang dibuat oleh kementerian untuk menjamin iaitu semua barang-barang makanan diimport itu bebas daripada tahap kimia, racun atau penyakit supaya rakyat kita tak sakit, tak gila dan tak merana. Saya suka kelapa tua tapi saya mahu tahu juga sebagai abang. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Jawatankuasa kita ini, Jawatankuasa mentadbir lesen import eksport hasil-hasil pertanian

merangkumi semua pakar-pakar yang ada di dalam bidang pertanian dan di mana satu daripada keutamaan kita memastikan bahawa barang-barang yang dibawa masuk ini adalah yang terbaik. Sebab itu tadi, dari pertama sekali saya memberitahu bahawa pastikan ianya selamat, pastikan ianya tidak membawa penyakit-penyakit, seterusnya merebak dalam negara dan satu yang sangat penting sebenarnya, kita hendak melindungi petani-petani yang ada di dalam negara.

Jadi mengenai kelapa tua, ini kita *monitor* dari segi biji kelapa tua. Kelapa tua ini pakai biji. Jadi untuk tahun ini, kita hanya membenarkan 52 juta biji kelapa ini dibawa masuk. Ianya bukan dijual secara segar tetapi ianya adalah untuk membantu industri atau kilang-kilang memproses. Ianya boleh di *re-export* ke luar negara. Jadi saya ingin meyakinkan di sini Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, bahawa segala-gala yang masuk ini selamat dimakan dan tidak menjejaskan industri kita. insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok.

11. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah bentuk atau langkah-langkah serta perancangan kerajaan untuk memberi kefahaman kepada pelajar IPTA/IPTS tentang dasar-dasar kerajaan dalam mentadbir negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin kerana soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk mengalu-alukan pemimpin-pemimpin pelajar daripada Universiti Malaysia Sabah. *[Tepuk]*.

■ 1120

Salah satu daripada kaedah kementerian menyokong pelajar-pelajar untuk mengetahui dasar-dasar kerajaan dan ada kaitan dengan soalan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi ialah bermula daripada minggu haluan siswa atau minggu orientasi lagi. Institusi pengajian tinggi akan menyediakan slot bersama pemimpin-pemimpin dengan menjemput tokoh-tokoh kepimpinan sama ada dari agensi kerajaan, swasta, NGO dan industri untuk berkongsi fikiran, pandangan dan pendapat. Manakala sepanjang tempoh pengajian mereka pelbagai program telah disalurkan bagi menjelaskan dasar-dasar kerajaan sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Antara program yang diadakan yang bertujuan secara langsung bagi menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada siswa-siswa iaitu sesi taklimat isu semasa pelajar bersama Yang Berhormat Menteri, program Forum Bicara Siswa yang turut disiarkan di televisyen dan menganjurkan Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar-pelajar Kebangsaan ataupun dengan ringkasnya MPPK yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Malaysia dua kali setiap tahun Tuan Yang di-Pertua. Melalui perjumpaan sebegini Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya dapat memaklumkan agenda terkini pembangunan negara dalam usaha untuk melahirkan insan-insan yang cemerlang dari siswa ini.

Banyak lagi program seperti lawatan-lawatan ke IPTA-IPTA lain dan juga seperti agensi-agensinya kerajaan seperti Bank Negara, Petronas, Biro-biro Tatanegara dan kementerian-kementerian lain yang pihak Kementerian Pengajian Tinggi akan memberikan sokongan dan keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin bin Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat tadi ada menyebut MPPK. Jadi apakah tujuan MPPK diwujudkan dan apakah tindakan susulan yang diambil daripada keputusan MPPK. Adakah ianya berkesan bagi tujuan menyampaikan maklumat dan dasar-dasar kerajaan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin tentang jawapan tadi. MPPK Tuan Yang di-Pertua adalah ringkasan kepada Mesyuarat Perundingan Pelajar-pelajar Kebangsaan yang antara lain tujuannya adalah untuk, MPPK ini adalah merupakan pelantar dialog antara pelajar dan pemimpin tertinggi negara. Perbincangan ini adalah bertujuan untuk membincangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan pelajar dan isu-isu semasa dan juga mengambil kira pandangan pelajar-pelajar sebagai maklum balas bagi kerajaan membentuk dasar-dasar yang baru.

Soalan Yang Berhormat tadi menyebut tentang tindakan susulan, tindakannya ialah dengan mengedarkan keputusan-keputusan mesyuarat kepada pihak-pihak yang terlibat yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin pelajar di dalam MPPK tersebut dan memastikan tindakan diambil mengikut tarikh sasaran yang ditetapkan serta mendapatkan laporan tindak balas dan seterusnya melakukan tindakan susulan kepada apa yang dibangkitkan oleh MPPK tadi. Berkesan ataupun tidak, saya yakin dan percaya MPPK yang diwakili oleh pemimpin-pemimpin majlis pelajar ini telah berada di satu kedudukan yang boleh mengimbang antara baik dan buruk dan kita mengambil kira semuanya baik Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan mengambil kira dari segi tenaga pengajar yakni pensyarah-pensyarah, pimpinan dan pengurusan sesebuah universiti dalam perancangan bagi memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar IPTA ataupun IPTS tentang dasar-dasar kerajaan dalam mentadbir negara, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Siw. Sudah pasti kementerian mengambil kira tenaga-tenaga pengajar, struktur di dalam sesebuah IPTA itu ke arah memberikan kemudahan untuk memudahcarakan

pelajar-pelajar ke arah memahami dan menghayati dasar-dasar kerajaan. Antaranya ialah pembelajaran di dalam kelas di mana pensyarah-pensyarah diizinkan untuk menyentuh dasar-dasar kerajaan terutama yang berkaitan dengan isu-isu semasa di dalam subjek-subjek yang tertentu supaya pelajar-pelajar dapat memahami secara mendalam apakah dasar dan isu-isu semasa itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ketika ini apakah isu-isu atau masalah-masalah yang telah dikenal pasti oleh kementerian yang menyebabkan sebahagian daripada pelajar-pelajar ini tidak memberi sokongan kepada kerajaan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah. Saya tidak ingin mengambil satu keputusan yang *judgmental* dengan mengatakan pelajar-pelajar tidak memberi sokongan kepada kerajaan tetapi yang kelihatan kepada kita Kerajaan Barisan Nasional masih lagi mendapat pengaruh yang besar di peringkat Dewan Negara. Namun soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai isu-isu semasa yang dibangkitkan di dalam persidangan MPPK baru-baru ini ialah tentang akta universiti dan kolej universiti yang telah diuar-uarkan oleh kementerian akan dipinda yang mengambil kira tentang penglibatan pelajar di dalam persatuan-persatuan yang berkaitan politik dan bukan politik untuk menambah keupayaan sahsiah diri pelajar-pelajar, itu yang pertama.

Kedua ialah isu-isu semasa berkaitan dengan harga-harga barang yang telah meningkat yang memberi kesan secara langsung kepada siswa dan siswi untuk menampung kehidupan seharian mereka. Antara cadangannya ialah menyediakan kad diskaun pelajar. Kita mempunyai satu jumlah yang besar 800 ribu pelajar-pelajar IPTS seluruh negara dan mereka mempunyai rangkaian mereka sendiri dalam penentuan harga barang.

Ketiga ialah isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Tuan Yang di-Pertua, yang mana mereka masih lagi mempersoalkan *charge* perkhidmatan 3% itu dari segi keterpeliharaan atau kesuciannya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

12. Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah kerajaan berminat dengan cadangan untuk membina sebuah pusat pelancaran roket memandangkan kedudukan geografi Malaysia yang amat sesuai untuk tujuan itu sekali gus meletakkan Malaysia selaku negara penyedia kemudahan perkhidmatan pelancaran roket antarabangsa.

11.27pg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Nordiana kerana berminat ke atas pelancaran roket. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pembangunan teknologi pelancaran perlu dilaksanakan dahulu sebelum pembinaan pusat pelancaran dapat dibangunkan.

Untuk pembinaan pusat pelancaran ini pula beberapa perkara perlu dipertimbangkan, antara yang penting adalah kesesuaian tempat tersebut. Antara keperluan tapak pelancaran satelit adalah mempunyai kawasan di sebelah timurnya yang tidak berpenghuni seperti lautan ataupun gurun agar jatuhnya komponen kenderaan pelancar tidak akan membahayakan penduduk sekitar. Daripada kajian awal yang pernah dijalankan kawasan timur Sabah iaitu Tawau mempunyai ciri-ciri tersebut. Namun demikian buat masa ini kerajaan masih belum mempunyai cadangan yang konkrit untuk membangunkan pusat pelancaran di Malaysia khususnya di Sabah. Kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan terlebih dahulu dalam memastikan tiada kesan-kesan negatif ke atas alam sekitar dan penduduk.

Satu kajian *cost benefit analysis* dengan izin, juga perlu diadakan bagi memastikan keberkesanan projek memandangkan program ini memerlukan kos yang amat tinggi dan pasaran bagi melancarkan satelit masih dikuasai oleh negara Amerika Syarikat, Rusia dan juga Eropah. Selain itu juga kajian *environmental impact assessment* ataupun EIA untuk melihat kesan pembangunan *facilities* sedemikian terhadap alam sekitar dan penduduk kawasan terlibat juga perlu dilaksanakan dengan teliti. Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan penggunaan sektor angkasa yang strategik ini dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun, kerajaan pada masa ini telah memulakan usaha bagi membentuk satu Dasar Angkasa Negara, dengan adanya dasar ini perincian dan usaha ke arah pembangunan bidang angkasa dapat dikenal pasti bersesuaian dengan dasar-dasar pembangunan negara, terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada program penghantaran angkasawan dan juga angkawan yang kedua dan juga perancangan untuk menjadikan pusat pelancaran roket ini.

■1130

Adakah kementerian mempunyai perancangan-perancangan lain dari program menjadikan ini sebagai program lanjutan? Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebagaimana saya katakan tadi, kita belum mempunyai dasar sebab itu kita membentuk dan membangunkan Dasar Angkasa Negara terlebih dahulu. Akan tetapi fokus kita pada masa ini ialah pertama, kerajaan telah membentuk satu syarikat GLC yang diberi nama Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. yang memberi tumpuan ataupun fokus dalam membentuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan terutamanya dalam mempersiapkan atau *awareness programme*, dengan izin iaitu kita sekarang ini sudah mempunyai empat orang pakar dalam bidang *astronautic*. Dan fokus ialah untuk kita membina lebih ramai modal insan, dan dengan itu kita bekerjasama rapat dengan Universiti Teknologi Malaysia untuk membangunkan modal insan yang pakar dalam bidang *astronautic* ini.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Peringkat pertama yang kita buat ialah pertandingan, misalnya kita mengadakan pertandingan di peringkat sekolah. Dulu dijalankan oleh kementerian kita, sekarang ini diambil alih oleh Kementerian Pelajaran iaitu roket botol untuk program pelancaran supaya anak-anak kita di peringkat sekolah rendah lagi sudah mengetahui tentang teknologi pelancaran roket ini, kita mulakan dengan roket botol. Dan di peringkat universiti pula, kita ada menjalankan apa yang dikatakan SiswaSAT, SiswaSAT ini menggunakan tin ataupun tin minuman, yang mana tin minuman ini diadakan pertandingan di antara universiti, pelajar-pelajar siswazah di universiti untuk membuat pelancaran roket ini.

Isu utama kita sekarang ini ialah dari segi teknologi pembakaran ataupun *propulsion technology*, dengan izin untuk memajukan roket itu sendiri. Dan masalah ataupun kekangan yang kita hadapi setakat ini ialah, kita belum lagi menjadi ahli dalam apa yang dikatakan, *Missile Technology Control Regime* yang dikawal oleh negara-negara maju. Jadi kita kenalah memasuki triti antarabangsa untuk menjadi ahli kepada rejim *missile* ini dulu, barulah kita akan dapat mengadakan pembangunan dalam *propulsion technology* ini dengan izin. Sebab ianya ada kaitan dengan iaitu pelancaran roket yang melibatkan senjata nuklear.

Jadi ini terpaksa kita akur kepada perundangan antarabangsa supaya kita tidak dilihat sebagaimana yang berlaku pada negara Iran sekarang ini, di mana tekanan peringkat antarabangsa amat besar. Inilah salah satu program yang harus kita laksanakan, maknanya kita kena mengadakan di peringkat antarabangsa untuk mendapat pengiktirafan menjadi ahli kepada *Missile Technology Control Regime* ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bercadang untuk meneruskan satu lagi soalan lisan. Silakan Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor.

13. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan rancangan mempercepatkan kelulusan pembangunan Kompleks Sukan Tanah Tinggi Lojing ekoran tiada kelulusan yang diberikan oleh pihak berkuasa di England terhadap tapak latihan sukan yang dicadangkan oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya pihak kementerian telah melaksanakan kerja-kerja awal seperti menyediakan dan mengemukakan laporan cadangan kemajuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, yang telah pun diluluskan dan kelulusan bersyarat untuk melaksanakan projek ini telah pun diperolehi selepas memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dari aspek alam sekitar, iaitu EIA dan kerja-kerja penyiataan tanah iaitu SI.

Walau bagaimanapun anggaran kos yang telah dikemukakan oleh pihak kontraktor yang telah dipilih bagi melaksanakan projek ini, iaitu sebanyak RM82.1 juta yang melebihi siling peruntukan RM25 juta, yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Maka projek ini telah ditangguhkan pelaksanaannya ke Rancangan Malaysia Kesembilan.

Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, Unit Perancang Ekonomi hanya meluluskan siling peruntukan bagi projek ini sebanyak RM36 juta, dan tidak termasuk kos membina jalan ke tapak projek yang dianggarkan bernilai RM37 juta, di mana pembinaan jalan masuk ini adalah di luar bidang tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, oleh itu, tapak jalan masuk adalah mustahil untuk projek ini dapat dilaksanakan, sementara rentetan dari isu pembalakan yang tidak terkawal di kawasan persekitaran Lojing turut memberi kesan di atas keputusan untuk melaksanakan projek tersebut. Dan berdasarkan kepada kekangan tersebut, khususnya dari segi kekangan peruntukan maka pihak kementerian telah mengemukakan cadangan untuk membatalkan pelaksanaan projek tersebut buat masa ini dan ianya telah dipersetujui oleh pihak EPU. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, projek ini dapat dijimatkan kos kalau buat di Gua Musang, di Lojing. Terbukti tempatnya sejuk, suhu 20 darjah Celsius, tambang, makanan semua murah di sana. Kenapakah kerajaan melambat-lambatkan projek tersebut sedangkan peruntukan telah ada dan tanah telah pun dibayar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya telah katakan kos keseluruhan untuk pembinaan projek tersebut adalah RM82.1 juta. Kelulusan daripada EPU pada Rancangan Malaysia Kelapan adalah RM25 juta. Seterusnya pada Rancangan Malaysia Kesembilan, ditingkatkan ke RM36 juta, maknanya masih lagi kekurangan kos untuk buat pembinaan. Pertama.

Kedua, saya telah katakan isu pembalakan yang tidak terkawal itu juga adalah satu isu, di mana ia boleh menjejaskan keadaan suhu dan persekitaran di kawasan tersebut. Jadi dengan itulah kementerian telah membatalkan projek tersebut dan buat masa kini tidak bercadang untuk meneruskan projek tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.37 pg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Saya mohon mencadangkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya, bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan, dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2007) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[3 Jun, 2008]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya meminta Puan Hajah Mumtaz untuk menyambung ucapan.

11.39 pg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung ucapan saya semalam berkenaan dengan cadangan pihak kerajaan menyediakan kertas kerja bagi menentukan tatacara pemilihan Ahli Dewan Negara dibuat melalui pilihan raya,

sebagaimana Dewan Rakyat untuk meningkatkan mutu dan khidmatnya di mata rakyat, kerana pada masa ini kebanyakan daripada rakyat kita kurang menyedari fungsi yang dimainkan oleh Dewan Negara.

Begitu juga kita di Dewan Negara juga jarang menyedari bahawa sebenarnya terdapat peruntukan-peruntukan tertentu, yang membenarkan rang undang-undang bukan hanya dimulakan di peringkat Dewan Rakyat, tetapi boleh juga dimulakan di peringkat Dewan Negara.

■1140

Ini akan menyebabkan fungsi Dewan ini tidak dijalankan secara yang lebih baik kerana mereka kurang menyedari dan rakyat kurang memberikan penekanan kepada mutu serta keahlian Ahli Dewan Negara itu sendiri.

Yang seterusnya, berkenaan dengan rasional yang...

Dato' Azian bin Osman: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Azian.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyatakan tujuan sistem pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara dibuat secara pilihan raya sebagaimana Dewan Rakyat. Tujuannya, daripada ucapan Yang Berhormat tadi untuk meningkatkan mutu. Adakah dari pandangan Yang Berhormat mutu di Dewan Rakyat sekarang ini begitu tinggi yang dibuat secara pilihan raya.

Kita lihat dan saya rasa, saya yakin mutu kita di Dewan Negara ini adalah lebih baik sedikit, lebih beradab dan bersopan. Adakah dengan pemilihan itu dijamin kerana ada Ahli-ahli di Dewan Rakyat kita lihat bercakap bahasa Malaysia pun tidak fasih, malah tidak tahu yang dibuat melalui sistem pilihan raya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian. Berkenaan dengan mutu, saya rasa perkara ini agak subjektif. Mungkin kita di Dewan Negara berpandangan mutu yang kita lontarkan, kualiti perbahasan yang kita buat adalah lebih baik daripada Dewan Rakyat.

Namun, dari segi penekanan dan pemerhatian rakyat sendiri kepada Dewan Rakyat itu lebih, kerana mereka berpendapat dan mereka merasakan bahawa mereka berhak untuk membuat pilihan sekiranya orang yang dihantar oleh mereka tidak *perform* ataupun tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan. Berbanding dengan di Dewan Negara, mereka mungkin merasakan agak jauh untuk mereka membuat penilaian atau membuat bantahan secara rasmi sekurang-kurangnya tiga tahun atau lima tahun sekali, bagi menentukan ataupun menghantar orang-orang yang mereka rasakan layak untuk membahaskan isu-isu tentang undang-undang dan juga isu-isu rakyat di Dewan Negara.

Seterusnya, saya ingin menyambung kepada usul perbahasan saya berkenaan dengan rasional yang dibuat oleh kerajaan, khususnya dalam memberikan pengecualian beberapa kemudahan tertentu kepada wakil rakyat bukan pentadbiran dan tidak diberikan kepada wakil

rakyat dalam pentadbiran. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada wakil rakyat pentadbiran dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada wakil rakyat bukan pentadbiran?

Ini kerana, sebagai contohnya, kalaulah kita kata kita berikan kemudahan yang tertentu kepada wakil rakyat bukan pentadbiran, ini akan menyebabkan wakil rakyat-wakil rakyat pentadbiran akan mungkin merasakan ada hak-hak mereka ditarik balik kerana mereka bukan selama-lamanya akan menjadi wakil rakyat pentadbiran. Jadi, saya ingin tanya apakah perbezaan kemudahan yang diberikan?

Berkenaan dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Parlimen, saya ingin bertanya apakah tindakan kepada soalan-soalan yang tidak dijawab sehingga akhir sidang, kerana kadang-kadang dalam buku yang dibekalkan kepada kita terdapat jawapan yang ditulis bahawa jawapan belum diterima daripada peringkat kementerian? Jadi, kita ingin tahu apakah *due date* yang kita boleh tanya balik kepada pihak dokumentasi, bilakah jawapan ini akan diberikan untuk kita membuat tindakan susulan kepada mana-mana soalan yang tidak dijawab?

Begitu juga dengan masalah jawapan ataupun keaslian serta kesahihan maklumat yang diberikan atau dibekalkan oleh pihak kerajaan, kerana pada sesi yang sebelum ini terdapat soalan-soalan yang dikemukakan di mana menteri memberi jawapan, dan jawapan itu apabila disemak kembali tidak mencerminkan jawapan yang sebenar-benarnya. Saya ingin bertanya, apakah mutu ataupun standard yang dipakai oleh kerajaan, sama ada itu jawapan kepada tarikh yang dijawab atau macam mana? Kita bimbanglah sebab kalau ada jawapan-jawapan yang tidak sahah serta tidak tepat yang diberikan oleh kerajaan.

Ini akan melunturkan semangat ataupun kepercayaan semua Ahli-ahli Parlimen kepada pihak yang memberi jawapan, kerana mereka mungkin memandang soalan ini hanyalah remeh dan tidak perlu kepada jawapan yang benar. Namun, kalau kita hendak menggalakkan pelajar-pelajar sekolah tidak meniru dan tidak memberikan jawapan yang apa yang mereka hendak jawab, bukan apa yang ditanya, saya rasa pihak kerajaan selaku orang yang bertanggungjawab hendaklah memberikan dan memastikan seluruh jawapan yang dibekalkan adalah jawapan yang asli serta sahah, walaupun saya memahami terdapat peruntukan untuk mereka menjawab dalam keadaan berhemat.

Namun, untuk jawapan-jawapan yang bentuk bertulis, saya pohon perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya. Janganlah menjadi kadang-kadang dalam sidang ini saya dapat soalan yang dijawab, sebenarnya silap jawab. Jadi, saya tidak tahu di manakah tempat yang kita boleh nyatakan macam mana boleh berlaku silap jawab? Soalan lain yang ditanya, soalan lain yang dijawab.

Kemudian, begitu juga dengan soalan-soalan yang dikemukakan untuk soal jawab lisan.

Kadang-kadang isu yang dibangkitkan dalam hari yang pertama, kedua dan sehingga yang seterusnya dibangkitkan kembali dalam hari yang lain, berkenaan dengan *subject matter*

yang sama. Contohnya, hari ini tentang *visa on arrival*. Perkara ini sudah muncul pada minggu lepas. Jadi, bagaimana perkara ini dan apakah kepentingannya sehingga perlu diulang subjek *matter* yang sama ataupun apakah kaedah-kaedah yang dikenal pasti kenapa soalan-soalan yang begini perlu diulang?

Saya juga memohon agar mana-mana Ahli Yang Berhormat yang mana soalnya sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang diberi soalan untuk dikemukakan dari soalan 1 hingga 15, diberitahu bahawa ini juga soalan mereka yang mereka juga berhak untuk membuat soalan tambahan. Walaupun kadang-kadang kita dengar ada sesetengah menteri yang memberitahu mereka turut menjawab bagi soalan bagi soalan-soalan seterusnya. Kita dapati juga soalan yang telah pun jawab kadang-kadang masih lagi ada dalam soalan lisan untuk dikemukakan pada hari yang seterusnya. Jadi, perkara ini merupakan perkara prosedur tetapi perlu diberikan perhatian yang baik, kerana ini merupakan sidang yang setiap minit masanya ialah satu benda yang berharga.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dan pihak Parlimen. Kita cukup berbangga dengan setiap hari sidang, kita akan mulakan dengan doa. Perkara ini merupakan satu perkara yang baik, dan saya minta kalau di awal sidang kita berdoa agar kita boleh bersidang dengan baik. Sepatutnya juga, di akhir sidang kita hendaklah berdoa untuk mengakhiri kerana dalam adab kita ini, kalau masuk rumah pun kita beri salam, hendak keluar pun kita bersalam ataupun kita baca doa.

Jadi, kalau boleh, walaupun doa tidak panjang tetapi saya pohon diberikan perhatian kerana perkara akan meredakan segala pertelingkahan, segala perdebatan yang telah kita kemukakan di siang hari atau sepanjang hari. Ini akan memberikan impak yang positif kepada semua Ahli-ahli Dewan untuk datang pada esoknya dalam keadaan yang penuh bersedia dan bukan pulang dalam keadaan yang penuh tertekan.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan kita berdoa pada awal dan pada akhir. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat kalau kita juga menyanyi lagu Negaraku selepas kita berdoa pada peringkat awal setiap hari kita mengadakan persidangan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya rasa kalau niatnya untuk menambahkan kecintaan kepada negara tidak salah, kerana dalam Islam pun... [*Membaca sepotong hadis*] "Menyayangi negara itu sebahagian daripada tanda iman" dan kita lihat bagaimana jati diri ini perlu dipupuk di semua peringkat. Jadi, saya bersetuju dengan cadangan tersebut.

Berkenaan dengan Hansard, saya mohon pihak Parlimen, kalau boleh kalau tidak cukup *staff* untuk menambahkan kakitangan-kakitangan bagi membekalkan Hansard lebih awal untuk rujukan semua Ahli Parlimen sebagaimana biasa. Kalau sebelum ini semasa sidang Dewan

Negara sahaja, kita akan mendapat Hansard dalam masa yang cepat, tetapi apabila berlaku dua Dewan bersidang, kadang-kadang kita akan dapat selepas tiga bulan atau dalam sidang seterusnya. Ini menyebabkan kita sudah lupa apa benda yang kita sudah pertikai, kerana kita tidak ingat dan saya rasa tiada masalah kalau dua-dua Dewan bersidang, kerana mereka sepatutnya mempunyai dua kakitangan yang berbeza dan sama cekapnya kerana mereka ini bertindak daripada pagi.

Kalaulah Ahli Parlimen di Dewan Rakyat ramai, ada 200 lebih jumlah mereka yang boleh bercakap, jumlahnya tidak boleh ramai juga sebab masa sama. Kalau mula pukul 10.00 pagi habis pukul 12.00 malam. Dewan Negara juga mula pukul 10.00 pagi habis pukul 12.00 malam juga. Jadi, kenapa masalah yang kita kata sana ramai, sini tidak ramai. Kalau sini tidak ramai, lebih bagus! Sepatutnya Dewan Negara ini diberikan Hansard yang lebih cepat kerana kita tidak ramai. Jadi, sepatutnya Hansard ini jangan sampai kita sudah terlupa isu yang kita bangkitkan kerana kita dikehendaki untuk menyemak.

■1150

Bagaimana kita hendak menyemak kalau kita pun lupa perkara yang kita sudah cakapkan enam bulan yang lepas? Kalau dari segi laporan polis, antara kredibiliti laporan itu akan diterima ialah sejauh mana laporan itu, secepat mana laporan itu dibuat oleh pengadu? Dalam kes ini, kita gagal untuk menyemak dan saya rasa tidak ramai orang yang hendak ambil peluang untuk semak kerana sudah hilang *mood*, sudah habis, sudah lama.

Jadi saya mohonlah Hansard dibekalkan lebih awal dan kalau perlu dibuat pertambahan kakitangan sokongan bagi masalah dokumentasi dan penerbitan. Ini kena dibuat kerana pasukan ini perlu menjadi pasukan yang akan menjadi pembantu kepada semua Ahli-ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara.

Kita juga memerlukan dan saya juga ingin mencadangkan agar dari semasa ke semasa, sebelum dimulakan sidang sama ada Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara, pihak Ahli-ahli Parlimen diberikan taklimat dan nasihat tentang penggunaan sepenuhnya peruntukan undang-undang secara optimum dan menggunakan semua prosedur Parlimen sebagai badan penggubal undang-undang tertinggi dalam negara. Sebagai contohnya, perbahasan tentang usul yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Parlimen tidak pernah diberi peluang untuk diperbahaskan.

Jadi ini merencatkan minat Ahli-ahli Parlimen untuk mengemukakan usul kerana usul ini tidak pernah sekalipun diberi ruang. Jadi kalau ada usul, sepatutnya kita dengarlah usul. Walaupun kita kata kita sibuk, tetapi kita dilantik untuk membincangkan usul-usul begini. Jadi kalau tidak perlu usul ini, kita buanglah daripada prosedur dan undang-undang kalau tidak mahu dibincangkan tentang usul.

Begitu juga tentang usul penangguhan yang lazim dibuat di peringkat Dewan Rakyat, tetapi tidak pernah ataupun jarang digunakan proviso ini di Dewan Negara. Bagaimana perkara ini kita boleh tertinggal? Ini merupakan sebahagian daripada prosedur penggubalan undang-

undang. Kalau ini perlu, perkara ini mesti dipastikan dibuat sama ada di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara. Kadang-kadang kita ingat Ahli Dewan Rakyat serta Ahli Dewan Negara ini bertukar ganti. Jarang kita jumpa, Ahli Dewan Rakyat adalah mungkin sampai lima penggal tetapi Ahli Dewan Negara, paling tinggi hanya dua penggal. Jadi, pengalaman mereka tidak banyak.

Jadi perkara ini perlu diberi nasihat serta taklimat, sekurang-kurangnya sehari sebelum bersidang untuk mereka ini memahami sebenarnya apa fungsi yang mereka boleh mainkan? Ini adalah kerana bilamana kita mendapat siaran di TV, seolah-olah kita menjadi pelakon-pelakon yang tidak dilatih dengan betul. Oleh sebab mungkin pengarah ataupun penerbit tidak bagi kita *enough instruction how to* buat benda ini. Kadang-kadang perkara yang kita bincangkan ini tidak mengikut lunas undang-undang dan kita tidak menggunakan secara optimumnya peruntukan yang ada yang boleh kita bahaskan dalam Dewan Parlimen ini. Kalau boleh, sebagai contohnya, baru-baru ini bila mendapat keadaan di Dewan Rakyat perlu kepada kaedah belah bahagi. Perkara ini kadang-kadang untuk Ahli Parlimen baru, mereka tidak memahami apakah kesan kepada pengundian secara biasa dan pengundian secara belah bahagi?

Sepatutnya semua Ahli Parlimen memahami implikasi kepada Parlimen, kepada Yang di-Pertuan Agong dan kepada pentadbiran kerajaan dan rakyat; daripada segala prosedur-prosedur yang mesti mereka lalui. Kenapa mereka perlu duduk di sini, bagaimana mereka hendak mengundi, bagaimana suara ini boleh digunakan dan bagaimana cara semua perkara-perkara ini mesti difahami dari segi implikasi kepada Parlimen? Kita tidak hendak Parlimen sudah jadi macam-macam baru kita tahu, apakah implikasi daripada kesilapan dan ketidaktahuan kita kepada undang-undang. Ini kerana kita ini adalah badan tertinggi dari segi badan penggubalan undang-undang.

Jadi saya minta perkara ini diberikan perhatian di samping saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang semalam datang menjawab dan memberitahu bahawa pihak mereka akan menimbangkan cadangan untuk memberikan kursus kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya juga cadangkan kursus induksi ini mesti dibuat dalam keadaan yang segera. Sebab kita tidak hendaklah kita melantik pegawai-pegawai kerajaan, kita boleh hantar pelbagai kursus induksi, tetapi Ahli Parlimen yang dilantik oleh rakyat, yang mendapat *direct* mandat daripada rakyat tidak faham tugas mereka kerana tidak ada induksi. Walaupun di peringkat parti masing-masing, sudah ada *induction course*, tetapi tidak cukup. Sepatutnya kena ada di peringkat kerajaan kursus-kursus induksi untuk semua Ahli Parlimen.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Parlimen, bahawa dalam keadaan ini kita senang untuk mendapat kemudahan awam seperti teksi atau limousin untuk menghubungkan kita dari luar ke Parlimen. Namun begitu, adalah amat sukar untuk kita mendapatkan kemudahan teksi dari Parlimen ke luar dan saya mohon diperuntukkan mana-mana syarikat untuk memberi kemudahan ini di sepanjang persidangan. Ini kerana pihak yang terlibat dengan

Parlimen ini bukan hanya wakil-wakil rakyat yang mempunyai kereta, tetapi juga kakitangan kerajaan. Kadang-kadang terpaksa menunggu setengah jam ataupun sejam untuk mendapatkan teksi dari Parlimen.

Dari segi keselamatannya, sebenarnya kalau kita mempunyai satu syarikat yang khas, kita boleh mengawal keselamatan keluar masuk teksi tersebut dari Parlimen ini keluar. Mungkin dari luar ke dalam, tidak sukar, tetapi dari dalam ke luar, kita boleh bekalkan kemudahan ini sepanjang persidangan; kerana kita melihat sekarang ini sudah ramai orang ingin datang ke Parlimen untuk melihat perkembangan semasa di Parlimen.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah alasan hanya Senator daripada Barisan Nasional diberi taklimat oleh kementerian-kementerian atau Kelab Senator. Dari segi logiknya, tidak harus dibezakan Senator-senator ini mengikut parti kerana kita di peringkat Parlimen, sepatutnya jelas, parti dan kerajaan adalah berbeza. Sepatutnya mendapat maklumat semua Ahli Parlimen, Senatorkah, Ahli Dewan Rakyatkah mendapat maklumat yang sama daripada kementerian. Bila kita datang semasa perbahasan, kita bukanlah pelakon ataupun penghafal skrip yang hanya menyampaikan isu yang dibahaskan tanpa mengulang atau bertanya perkara yang tidak sepatutnya kita tanya, perkara yang mungkin sudah dijelaskan oleh kementerian.

Apakah kesan buruk yang telah diterima oleh kementerian bilamana turut sama menjemput Senator bukan Barisan Nasional; kerana perkara ini kalau ada benda yang rahsia yang perlu dibincangkan di kalangan parti-parti komponen atau di kalangan pakatan rakyat, perkara ini boleh dibuat dalam bentuk parti, bukan dalam bentuk kementerian?

Jadi perkara ini saya mohon penjelasan kenapa perkara ini perlu, dan apakah perbezaan isu yang diberi taklimat dan mukadimah yang dibaca oleh menteri-menteri semasa membentangkan mana-mana isu ataupun rang undang-undang di Parlimen? Kalau ada perbezaan, saya pohon perbezaan itu, kalau tidak ada perbezaan, apakah rasionalnya kita perlu buat taklimat tambahan kepada semua ahli wakil rakyat?

Seterusnya saya berpindah kepada perkara yang kedua, berkaitan dengan JAKIM. Ia juga berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri dan pihak kerajaan agar menimbang dengan serius keperluan kepada sebuah kementerian agama, bukan lagi hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Walaupun perkara agama ini terletak di bawah bidang kuasa Raja, tetapi kita melihat bagaimana akibat tidak mempunyai sebuah kementerian yang mengawal serta memantau secara rasmi yang mempunyai KSUnya sendiri telah menyebabkan isu-isu seperti Rang Undang-Undang Agama Wilayah Persekutuan yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Nor Hayati semalam tidak dapat dijalankan dengan segera. Isu-isu banyak tidak dapat dipantau kerana tidak ada orang yang khas atau kementerian yang khas, menteri yang menjawab bagi pihak ini.

Begitu juga berkenaan dengan isu-isu penyeragaman undang-undang. Dalam keadaan ini banyak perintah serta penghakiman silang yang diperoleh oleh negeri yang berbeza enakmennya akan menyebabkan perintah ini sukar untuk dilaksanakan oleh sama ada plaintiff ataupun defendan kepada pihak yang lain. Jadi, perkara ini memerlukan kementerian untuk mengatasinya.

Begitu juga tentang isu-isu, tentang agama dan banyak perkara-perkara serta perjawatan. Sebagai contohnya Majlis Fatwa Kebangsaan, Majlis Perundingan Islam yang sepatutnya mempunyai nilai autoriti, ataupun nilai penguatkuasaan. Mereka tidak boleh dijalankan pemantauan kerana kadang-kadang, semua majlis ini terletak di tempat-tempat yang berbeza.

Jadi, kita perlukan sebuah kementerian yang khusus untuk membincangkannya. Walaupun kita sedar di Jabatan Perdana Menteri, ada menteri yang dianggap sebagai menteri agama, tetapi kita memerlukan kalau kita boleh asingkan antara Kementerian Penerangan dengan Kementerian Komunikasi. Kementerian Penerangan jaga TV1, TV2. Kementerian Komunikasi jaga TV-TV lain. Kalau komunikasi dengan penerangan boleh buat dua kementerian, kenapa tidak boleh wujudkan kementerian agama? Walaupun kita tidak berniat untuk menyentuh sehingga melanggar kedaulatan ataupun kuasa mana-mana raja, tetapi dari sudut pemantauan, tidak cukup kuasa kalau hanya ada Jabatan Agama dan Kemajuan Islam di Malaysia.

Begitu juga dengan isu HDC. Bagaimana kita merasakan agak ragu-ragu bilamana HDC ini, halal ini, diletakkan di bawah EPU, bukan diletakkan di bawah JAKIM? Alasannya, kerana tidak cukup ataupun tidak ada kekuatan untuk pihak JAKIM membuat perkara ini. Sedangkan ini menyentuh isu halal dan perkara halal ini adalah berkaitan rapat dengan Islam. Jadi sepatutnya kalau JAKIM sudah ada kementerian, kemungkinan HDC boleh diletakkan kembali di bawah JAKIM.

Dalam perkara ini, saya minta kalau kita benar-benar berhasrat serius untuk menjadikan Malaysia sebagai halal hub di seluruh dunia sebagai panduan, sekurang-kurangnya biarlah ada menteri agama yang betul-betul berautoriti dan mempunyai kakitangan sokongan di bawahnya yang benar-benar boleh melaksanakan perkara-perkara ini.

Begitu juga saya ingin mencadangkan kepada pihak JAKIM untuk memastikan dan memantau seluruh serta membuat pindaan penggubalan akta dan enakmen bagi penguatkuasaan perintah dan penghakiman nafkah di semua Mahkamah Syariah. Oleh kerana kita melihat hari ini, walaupun perintah serta penghakiman nafkah dibuat di seluruh negara, tetapi bila sampai kepada peringkat penguatkuasaan, adalah amat lemah.

■1200

Antara perkara yang kita akan hadapi masalah ialah kerana sesetengah orang yang ingin kita hantar penghakiman ataupun jabatan yang ingin kita hantar penghakiman atau institusi itu bukanlah institusi Islam. Sebagai contohnya suami bekerja di sebuah syarikat yang seluruh

pengarahnya adalah orang bukan Islam. Jadi di bawah definisi Mahkamah Syariah mereka ini bukan satu entiti Islam jadi tidak boleh diserahkan penghakiman ini untuk dipotong gaji suami.

Jadi ini merupakan satu perkara yang amat sukar untuk diatasi oleh mana-mana rakyat dalam konteks individu tetapi bila perkara ini dicampur tangan oleh kerajaan, dibuat pindaan enakmen yang sepatutnya mungkin boleh diberi pengecualian kepada entiti Islam ini untuk kes-kes penguatkuasaan nafkah. Ini sebenarnya boleh menyelamatkan banyak perkara kerana isu-isu sosial dapat diatasi sekurang-kurangnya bila anak-anak ini mendapat nafkah yang baik.

Saya juga ingin mencadangkan beberapa perkara khususnya untuk memartabatkan status dan kedudukan profesionalisme Mahkamah Syariah di negara kita:

Pertama, saya ingin memohon kepada pihak JAKIM supaya memantau dan memberikan jawapan yang spesifik, bilakah kedudukan hakim syarie dan seluruh *teamnya* di seluruh Mahkamah Syariah di seluruh negara akan mendapat layanan yang sama sebagaimana hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sivil, sekurang-kurangnya menyamakan tangga gaji dengan perkhidmatan kehakiman sivil. Sekarang ini kita melihat bagaimana keadaan di Mahkamah Syariah serta layanan yang diterima oleh hakim syarie tidak setara dengan beban kerja dan juga tidak setara dengan orang yang sama yang menjadi hakim di Mahkamah Sivil. Jadi, perkara ini perlu dibuat segera sebab kita sudah 50 tahun merdeka tetapi hakim di Mahkamah Syariah masih lagi tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

Kedua, mewujudkan bangunan khas, bangunan Mahkamah Syariah dan sekiranya bangunan Mahkamah Syariah ini telah pun wujud saya memohon dalam RMK-9 ini pihak kerajaan tidak memotong ataupun membuang item ini daripada penilaian semula semasa penilaian tentang RMK-9 ini dibuat. Ini disebabkan keperluan kepada bangunan Mahkamah Syariah ini amat ketara kerana banyak masalah perlu diselesaikan dan banyak kes yang tertunggak di Mahkamah Syariah.

Ketiga, memohon secara rasmi pihak kerajaan untuk membuat pindaan kepada beberapa enakmen keluarga Islam serta Akta Wilayah Persekutuan tentang perintah perceraian. Saya memohon agar pihak kementerian mengkaji sedalam-dalamnya kalau boleh melibatkan pihak-pihak yang berkenaan, tentang isu agar disekalikan, perintah perceraian kepada isteri perlu diberi serentak dengan perintah nafkah isteri dalam edah dan juga perintah nafkah anak. Sekarang ini dalam prosedur biasa perkara ini mesti dibahaskan atau dipohon dalam tiga kes yang berbeza.

Jadi, ini menyebabkan kesukaran untuk isteri-isteri yang telah ditinggal dan diceraikan oleh suami untuk mengemukakan tuntutan yang berasingan bagi perintah nafkah isteri dalam masa edah dan juga perintah nafkah anak. Sepatutnya apabila sudah berkahwin dan menjadi ibu secara automatik perintah nafkah ini perlu diperintahkan oleh mahkamah walaupun ada juga pasangan yang tidak memohon ataupun tidak ingin kepada nafkah anak, mereka ini bolehlah dengan secara jelas mengemukakan atau memberitahu bahawa mereka ingin dikecualikan daripada perintah tersebut.

Begitu juga dengan cadangan saya sebelum ini berkenaan dengan enakmen guaman syarie. Sehingga kini kita masih belum mendapat akta peguam syarie yang boleh memantau keseluruhan aktiviti serta memastikan keseragaman enakmen-enakmen guaman syarie yang melibatkan peguam-peguam syarie, pengamal-pengamal undang-undang syarie di seluruh negara. Pada hari ini kita melihat kes-kes yang melibatkan guaman syarie bukan lagi bernilai RM50,000 tetapi ada kes yang sampai RM5 juta. Dalam kes-kes ini dari segi pengawalan fi dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hendaklah dipantau dan perkara ini mestilah dibuat dengan agak cepat. Kita bolehlah menggunakan Akta *Legal Profession Act* sebagai bandingan kepada enakmen ataupun akta peguam syarie ini.

Begitu juga dengan kepentingan untuk membezakan. Sekarang ini sekiranya mana-mana isteri ataupun suami yang boleh mendapatkan perintah pemenjaraan pasangan masing-masing atau orang-orang yang terlibat di Mahkamah Syariah mereka akan dihantar ke penjara. Walau bagaimanapun tidak ada perbezaan yang jelas dari sudut definisi antara *matrimonial imprisonment* dan *civil imprisonment*.

Dalam kes-kes pemenjaraan sivil pihak-pihak yang bertanggungjawab ataupun pihak-pihak yang mendakwa, mendapatkan hukuman ini hendaklah membiayai pesalah-pesalah yang dipenjarakan. Dalam kes *matrimonial*, ataupun kes-kes perkahwinan sekiranya pihak isteri juga yang kena menanggung suami dalam penjara ia menjadi *defeat the whole purposes of claim*. Jadi kalau boleh dibezakan untuk kes-kes *matrimony*, untuk kes pemenjaraan yang melibatkan kes-kes nafkah di Mahkamah Syariah ataupun kes-kes nafkah di mahkamah sivil. Kita mohon agar pemenjaraan mereka ini dianggap sebagai pemenjaraan berbentuk separa jenayah supaya perkara ini boleh ditanggung oleh pihak kerajaan bagi memenjarakan mana-mana orang yang enggan membayar nafkah kepada anak-anak ataupun isteri mereka.

Seterusnya saya mencadangkan agar diwujudkan skim bantuan guaman di semua negeri *specifically* untuk kes-kes syariah dan mereka ini perlu mempunyai satu pasukan khas yang benar-benar mahir kerana sekarang ini skim bantuan guaman mungkin sudah ada di setiap negara tetapi untuk kes sivil - kes syariah ini selalu bertukar pengamal ataupun orang yang pergi ke mahkamah, kita mohon diwujudkan skim bantuan khas. Kalau perlu dipantau daripada peringkat sebagai contohnya daripada peringkat universiti lagi mereka ini dilatih khas untuk menjadi pengamal undang-undang syarie yang baik.

Seterusnya juga saya mencadangkan supaya melantik peguam syarie sebagai pendakwa jenayah untuk meningkatkan profesional dan mengurangkan kes-kes tertanggung. Seterusnya juga mewujudkan jawatan penasihat undang-undang syariah di semua negeri sebab pada hari ini kita cuma ada *state LA* ataupun penasihat undang-undang sivil di semua negeri tetapi kita tidak ada jawatan penasihat undang-undang syariah di mana-mana negeri. Jadi kalau diwujudkan perkara ini mungkin boleh diletakkan di bawah JAKIM ataupun kementerian agama

sekiranya dipersetujui untuk memastikan semua hal perundangan yang membabitkan undang-undang syariah mendapat maklum balas serta penerangan sewajarnya di peringkat negeri.

Saya juga ingin mencadangkan untuk memperbaiki enakmen ataupun Akta Undang-undang Keluarga Islam di Wilayah Persekutuan serta negeri untuk memperkenalkan satu lagi seksyen iaitu upah hadanah bagi mana-mana wanita atau ibu yang diberikan hak menjadi hadinah ataupun penjaga semasa perkahwinan dan juga selepas perceraian kerana semasa ini hak ini belum lagi diiktiraf dari segi enakmen walaupun perkara ini ada dalam Al-Quran. Ini merupakan satu hak dan *privilege* yang perlu dinikmati oleh semua wanita dan bukanlah sebagai suatu hak *employment* ataupun ibu yang bekerja dinafikan perkara ini. Ini merupakan satu hak yang akan menyebabkan ibu serta ayah ini lebih memahami bahawa mereka ini adalah orang yang bertanggungjawab dari segi syarie dan sivilnya untuk menjaga anak mereka.

Begitu juga saya ingin mencadangkan kepada pihak yang akan membuat pindaan kepada enakmen untuk memperkenalkan satu proviso pemotongan nafkah dibuat daripada akaun KWSP ataupun wang pusaka penghutang bagi mana-mana nafkah anak ataupun isteri serta tunggakan penghakiman nafkah anak atau isteri sebelum wang KWSP ini ataupun wang pusaka ini diagihkan.

Kita juga memerlukan penasihat undang-undang syarie di peringkat negara kerana saya difahamkan terdapat lebih kurang 60 kes di Mahkamah Sivil yang tidak dapat dijalankan kerana melibatkan kes-kes yang melibatkan perbankan Islam yang mana perkara ini tidak dapat diputuskan oleh pihak Peguam Negara secara rasmi. Jadi, kalau perkara ini benar-benar wujud kita mohon agar pihak kerajaan mengambil tindakan secepatnya dengan mewujudkan sama ada *mix bench* yang mempunyai ahli-ahli ataupun hakim-hakim yang mempunyai pelbagai bidang daripada Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil bagi menghakimi mana-mana kes yang melibatkan kes-kes syariah.

■ 1210

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan resolusi daripada perbincangan Kokus Undang-undang Syariah yang telah dijalankan oleh IKIM sebelum ini dan membuat pindaan sewajarnya kepada Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah 1984 kerana terdapat beberapa akta dan hukuman dalam mahkamah sivil dan syariah yang mempunyai hukuman yang berbeza tentang kesalahan yang sama. Jadi perkara ini bila tidak diseragamkan orang akan memandang Mahkamah Syariah ini berada di kelas kedua. Sebagai contohnya kes yang melibatkan kes liwat. Hukuman yang dibenarkan di bawah Mahkamah Syariah adalah jauh berbeza dengan hukuman untuk kesalahan yang sama di mahkamah sivil.

Jadi perkara ini sepatutnya diseragamkan dan ini hanya boleh berlaku apabila dibuat pindaan kepada Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah 1984 dan saya kira dalam masa 24 tahun ini telah banyak isu yang telah berlaku. Perkara yang perlu diubah dan dipinda daripada

akta ini perlu mendapat perhatian kerajaan. Kita tak hendak dengar bila datang lagi menteri yang bertanggungjawab ke Parlimen berkata akan buat sebab perkara ini bukan setakat perlu menyatakan akan buat. Kalau boleh dinyatakan tempoh masa bagi menyelesaikan banyak isu yang melibatkan Mahkamah Syariah.

Saya juga ingin agar pihak kementerian atau pihak JAKIM menyatakan adakah pernah dibuat sebarang kajian tentang bilangan kunjungan dan pengunjung remaja Islam ke konsert-konsert hiburan atau kelab malam berbanding dengan masjid. Ini dalam usaha menaik tarafkan konsep memasyarakatkan masjid. Hari ini kita lihat kalau untuk ke konsert kita boleh bilang melalui tiketnya, hendak ke masjid mungkin cara lain. Jadi kita bimbang kalau tak dibuat sebarang kajian dan tidak ada sebarang tindakan, remaja dari semasa ke semasa akan menjauhi masjid sebagaimana kita lihat dalam aktiviti Rakan Muda iaitu Rakan Masjid yang mungkin tidak mendapat sambutan yang sewajarnya berbanding kalau kita wujudkan rakan kelab malam. Jadi perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana konsep untuk memasyarakatkan masjid ini telah pun dilancarkan oleh kerajaan beberapa tahun yang lepas. Jadi kita ingin tahu apakah perkembangan konsep memasyarakatkan masjid ini khususnya kepada generasi muda.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak JAKIM khususnya tentang program solat di kalangan kakitangan kerajaan dan juga di kalangan rakyat kerana sekarang ini kita hendaklah menyedarkan kepada semua rakyat solat ini merupakan asas kepada agama dan sebarang kealpaan untuk menunaikan solat akan memberikan implikasi sebenarnya kepada sahsiah kakitangan kerajaan mahupun swasta dalam usaha ini untuk menambahkan integriti pekerja kerana ini merupakan amalan asas.

Jadi perkara tentang solat ini perlu diberi perhatian khusus kerana ini merupakan perkara Rukun Islam yang hendaklah pihak kerajaan sendiri beri perhatian sebagaimana pihak kerajaan boleh membuat undang-undang serta enakmen yang berkenaan tentang mana-mana orang yang tak berpuasa boleh ditangkap, mana-mana orang yang tak solat Jumaat boleh ditangkap tetapi tidak ada peruntukan undang-undang untuk mana-mana orang yang tak solat fardu ditangkap sedangkan kefardhuan solat sama hukumnya dengan kefardhuan berpuasa di bulan Ramadhan. Jadi perkara ini hendaklah diberi perhatian sewajarnya. Saya minta dinyatakan program khusus.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana dalam bulan lepas kita telah tengok dalam akhbar-akhbar disiarkan bahawa mana-mana orang yang mempunyai akaun di Tabung Haji boleh menggunakan perkhidmatan di Bank Islam untuk mengeluarkan wang. Ini juga menjadikan Tabung Haji sebagai salah satu daripada pilihan untuk bank komersial ataupun institusi kewangan komersial yang boleh digunakan oleh orang Islam.

Saya ingin tahu perkembangan dan peratusan penggunaan pelanggan dan perkhidmatan lain yang turut sama dibekalkan oleh Tabung Haji dengan kerjasama dengan Bank Islam dan

adakah mereka hanya akan mewujudkan kerjasama ini dengan Bank Islam sahaja atau akan mewujudkan kerjasama dengan semua bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam.

Berkenaan dengan JPM juga saya ingin bertanya kalau Sabah sudah dibatalkan penyaluran ataupun penstrukturan JPPS bilakah pula negeri Kelantan akan menikmati perkara yang sama kerana pelanggaran kepada semangat demokrasi dengan wujudnya JPP di bawah Kerajaan Kelantan oleh Kerajaan Pusat untuk menyumbangkan atau menyalurkan mana-mana bantuan. Ini telah dialami dan dideritai oleh rakyat Kelantan selama 19 tahun dan kalau kita sudah melahirkan anak, anak ini sudah besar dan menghabiskan pengajian di universiti.

Jadi bilakah pula Kerajaan Pusat akan menimbangkan untuk membatalkan JPP kepada Kelantan kerana dilihat kepada perkara yang berlaku di Kelantan diberikan contoh semalam oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah -... tidak ada contoh diberikan bahawa Kerajaan Kelantan ini adalah kerajaan yang amat tidak prihatin ataupun zalim kerana dalam keadaan ini saya rasa semua Kerajaan Pakatan Rakyat menyedari mereka adalah kerajaan yang dilantik oleh rakyat.

Jadi kena berikan perkara yang sama yang dinikmati oleh negeri-negeri lain dan dalam konteks ini penjelasan yang perlu diberikan oleh pihak yang sepatutnya diberikan kebenaran yang sama untuk mereka membuat dan memberikan potensi adakah rakyat mereka telah memilih kerajaan yang betul dalam masa pilihan raya. Kita tak naklah bila perkara ini tidak dilakukan dengan baik ia akan menjadi konsep politik balas dendam.

Berkenaan dengan Institut Integriti Malaysia saya ingin mencadangkan agar Institut Integriti ini diletakkan langsung di bawah Parlimen dan diberikan kuasa yang lebih sebagaimana juga kalau kita sudah wujudkan Suruhanjaya Anti Rasuah agar Institut Integriti Malaysia ini dinaikkan pangkat dan dimartabatkan dan diletakkan di bawah Parlimen kerana ini merupakan isu yang amat sensitif yang amat langsung terlibat dengan rakyat. Jadi perkara ini kalau tidak dijaga dengan betul kita akan lihat Malaysia akan membangun dalam keadaan pembangunan material yang baik tetapi tidak mempunyai ataupun kosong di dalam. Jadi kalau boleh dinaikkan taraf institut ini dan menetapkan pegawai khusus dalam semua jabatan yang bertanggungjawab untuk melaporkan kepada jabatan integriti ataupun Institut Integriti untuk dipantau dari semasa ke semasa.

Saya juga ingin mencadangkan agar dibuat satu peraturan ataupun syarat di mana perakuan majikan dan kakitangan tentang integriti hendaklah diadakan sebelum mana-mana kenaikan pangkat dibuat. Kalau boleh kita juga ingin memohon agar Institut Integriti ini memperluaskan ruang lingkup daripada yang difahami oleh kebanyakan orang bahawa integriti ini menyentuh tentang soal rasuah tetapi sebenarnya kalau kita faham tentang konsep integriti, integriti ini bermaksud keseluruhan. Jadi dalam konsep ini kalau kita orang Islam konsep yang diguna pakai sebenarnya konsep makruf dan juga konsep alkhair. Jadi kalau bila mereka ini menentang perkara yang jahat perkara dosa perkara ini merupakan sebahagian daripada

integriti. Integriti bukan hanya bercakap soal rasuah. Jadi kalau soal rasuah orang ingat tak apalah tapi disebabkan dalam Islam ini ia adalah satu ini ia adalah satu konsep yang dipanggil [*Menyebut dalam Bahasa Arab*] yang bermaksud sekiranya perkara itu halal sekalipun ia perlu ada kebertanggungjawaban ada *accountability*. Walaupun duit itu duit kita tak bermaksud kita boleh membazirkan duit yang kita ada. [*Menyebut dalam Bahasa Arab*] bermaksud haramnya akan dikenakan tindakan. Jadi kalau perkara haram ini mungkin ramai yang akan memberi tindakan tetapi bila perkara ini halal juga perlu dipantau sama ada oleh individu itu sendiri ataupun oleh pihak kerajaan.

Berkenaan dengan cadangan saya sebelum ini tentang pindaan kepada Civil Law Act 1956 hari ini merupakan hari yang paling sesuai untuk saya sekali lagi mencadangkan dan menggesa pihak kerajaan untuk membuat pindaan besar-besaran kepada seksyen 7 dan 8 untuk Civil Law Act 1956 kerana ini melibatkan pindaan umur kepada pencen kakitangan awam di Malaysia. Ini kerana dalam seksyen 7 dan 8 digunakan umur 55 tahun sebagai faktor pendarab untuk diberikan sebarang kehilangan ganti rugi kepada mana-mana orang yang terlibat dalam kemalangan sama ada lumpuh sepenuhnya ataupun hilang upaya ataupun mati. Jadi dengan sekarang umur sudah ditingkatkan kepada 58 sebelum ini 56 pun tidak ada pindaan kepada undang-undang ini. Sepatutnya bila 58 pindaan yang seharusnya hendaklah dibuat kepada seksyen 7 dan 8 untuk akta ini kerana perkara ini melibatkan rakyat di seluruh Malaysia yang terlibat dengan kemalangan jalan raya.

Saya juga sekali lagi ingin mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat pertambahan kepada jumlah ganti rugi kesedihan daripada RM10,000 yang telah ditetapkan pada tahun 1984 kepada jumlah RM20,000 atau mana-mana jumlah lain yang lebih berpatutan sebab angka RM10,000 ini adalah angka yang ditetapkan untuk kesedihan pada tahun 1984 dan tarikh ini telah amat lama 24 tahun dari segi kadar nilai wang itu sendiri pun telah jauh berbeza.

■ 1220

Begitu juga dengan cadangan untuk memberikan hak yang sama rata dalam tuntutan kesedihan untuk mana-mana anak yang meninggal dunia akibat kemalangan bagi anak-anak yang masih belajar, yang berusia melebihi 18 tahun. Ini kerana pada masa sekarang, undang-undang hanya membenarkan ibu bapa untuk menuntut hak kesedihan ini sebanyak RM10 ribu. Sekiranya anak mereka meninggal dunia kalau anak mereka berumur kurang 18 tahun. Untuk orang yang 18 tahun ke atas hanyalah pasangan ataupun suami isteri kepada orang yang meninggal dunia tersebut boleh mendapatkan hak ini.

Jadi bagaimana pula dengan anak-anak yang berusia 18 tahun, yang berada di universiti dan terlibat dalam kemalangan. Mereka ini tidak akan mendapat apa-apa. Ibu bapa mereka langsung tidak diberikan sebarang perlindungan dari segi undang-undang untuk mendapatkan

hak-hak kesedihan. Jikalau perkara ini dapat dijalankan, saya mohon pihak kerajaan dengan serius melakukan perkara yang sama.

Ini kerana kita sedari, kadar kemalangan di seluruh negara membabitkan rakyat kita adalah amat banyak. Perkara ini sebenarnya memberi impak yang cukup besar. Ini merupakan janji saya sebenarnya dan hasrat saya bagi perkara ini dijalankan di Parlimen kerana perkara ini telah lama dirungutkan oleh orang ramai sebenarnya.

Berkenaan dengan JPA, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk turut sama menilai dan memberi peluang kepada profesional bukan hanya PTD untuk kenaikan pangkat atau untuk dilantik sebagai duta ke mana-mana negara. Ini kerana mereka juga sebenarnya mempunyai kebolehan yang sama dengan PTD untuk diberikan atau mendapat layanan yang sama.

Berkenaan dengan B.62-Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin mencadangkan tentang keperluan yang diperlukan oleh negeri-negeri Pakatan Rakyat. Saya ingin bertanya tentang akhbar harian. Apakah kriteria yang diperlukan oleh mana-mana negeri untuk mendapatkan permit akhbar harian bagi menyenangkan mereka menyampaikan maklumat-maklumat yang perlu difahami secara segera oleh rakyat mereka? Ini kerana, hari ini bilamana tidak ada akhbar harian yang dibenarkan untuk diterbitkan sendiri oleh parti ataupun oleh negeri masing-masing. Ini sebenarnya menyebabkan banyak benda yang tidak sepatutnya berlaku, berlaku kerana mereka silap faham.

Jadi penyampaian maklumat secara segera ini perlulah diberikan satu perhatian yang lebih dan kalau perkara ini boleh diminta, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk meluluskannya? Serta adakah dalam kes ini mana-mana kerajaan berhak untuk mendapatkan hak percetakan ini?

Berkenaan dengan polis. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis kerana telah melancarkan program BAKA untuk program agama dan kaunseling di peringkat anggota polis.

Walau bagaimanapun jawapan yang saya terima dalam jawapan bertulis, menerangkan bahawa daripada 1,503 jawatan yang dibenarkan serta diluluskan oleh JPA sehingga kini tidak sampai 157 jawatan yang diisi. Jadi saya ingin tahu apakah faktor utama pengisian jawatan dalam BAKA tidak dapat dipenuhi dalam waktu setahun? Ini kerana kita lihat sebagaimana yang telah diungkapkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong sebelum ini ada orang lulusan agama yang datang berjumpa dengan beliau untuk minta kerja, gajinya RM750 pun tidak apa, asalkan dapat kerja.

Jadi kalau kita di sebelah sana ada kebanjiran lulusan agama yang boleh ataupun yang masih menganggur, yang boleh menjadi ahli kepada perjawatan ini kenapa mereka tidak dapat dipenuhi untuk diisikan bagi jawatan ini?

Begitu juga saya ingin bertanya, adakah untuk perkara ini bagi mengatasi masalah ini pihak kerajaan ada membuat MoU dengan mana-mana universiti tempatan atau swasta untuk

mendapatkan sumber tenaga kerja khusus untuk BAKA? Ini kerana keseriusan masalah integriti sebagaimana yang telah dilaporkan sebelum ini bahawa kebanyakan aduan yang dibuat kepada polis, 93% adalah berkaitan dengan integriti.

Jadi kalau pihak polis memerlukan lebih ramai guru-guru ataupun orang-orang yang mempunyai kepakaran tentang moral dan agama sepatutnya MoU lebih awal boleh dibuat dengan semua universiti tempatan untuk membekalkan tenaga-tenaga kerja yang mahir dari segi moral dan dari segi agama untuk *directly* dibekalkan kepada BAKA.

Berkenaan dengan yang ketiga, apakah model serta *syllabus* pendidikan agama dan moral yang diperkenalkan dalam BAKA ini?

Berhubung dengan pendatang tanpa izin dan juga tenaga kerja asing. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian ataupun pihak kerajaan agar mana-mana majikan yang ingin mendapatkan tenaga kerja asing disyaratkan untuk mengiklankan secara terbuka iklan keperluan pekerja-pekerja asing ini di akhbar utama dalam negara. Ini kerana akan memberikan peluang kepada orang ramai menyedari, apabila mereka tidak *apply* kerja ini, orang lain boleh masuk. Jadi kalau perkara ini disiarkan, sekurang-kurangnya kita minta selama tiga hari disiarkan secara terbuka iklan keperluan ini dan perkara ini akan memberi peluang kepada pihak-pihak yang lain ataupun pihak-pihak berkenaan untuk membuat bantahan secara rasmi dan menyenangkan kita memantau secara umum kemasukan tenaga kerja asing ke dalam negara.

Saya juga ingin memohon agar pihak kerajaan menjelaskan secara spesifik mekanisme untuk mengurangkan risiko pendatang asing tanpa izin atau pelawat yang tidak pulang ke negara mereka. Apakah kesan ini kepada negara?

Berkenaan dengan pelacur asing. Saya ingin mendapatkan jawapan daripada kerajaan, berapa ramai 'bapa ayam' ataupun orang yang menguruskan pelacur-pelacur ini yang telah didakwa di mahkamah di bawah Akta Anti Pmerdagangan Orang yang telah pun digubal tahun lepas 2007. Setakat ini yang kita dengar mereka ini hanya didakwa di bawah Akta Imigrasi kerana di bawah Akta Anti Pmerdagangan Orang 2007, hukuman yang dikenakan adalah lebih berat. Ini kerana kita tidak mahu lagi tuduhan yang dibuat oleh pihak asing bahawa Malaysia merupakan hab pmerdagangan orang ini akan dikatakan kali kedua. Jikalau perkara ini kita tidak buat secara serius. Jikalau undang-undang telah digubal, berapa orangkah yang telah didakwa di bawah akta ini?

Berkenaan dengan RELA. Kita difahamkan telah wujud, isu-isu di Parlimen negara lain khususnya negara Indonesia yang mengatakan terdapat anggota RELA yang dianggotai oleh bukan warga negara Malaysia. Jadi kalau perkara ini benar, ataupun tidak benar, apakah tindakan kerajaan untuk menjelaskan isu ini. Sebab RELA ini merupakan sebahagian daripada anggota keselamatan secara sukarela. Jadi kalau boleh kita ingin isu ini dijelaskan secara rasmi.

Berkenaan dengan wanita ataupun lelaki yang diambil sebagai *courier* dadah oleh pihak-pihak antarabangsa ini. Saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk menyatakan

siapakah pihak yang dilantik untuk membuat kajian secara spesifik atas cadangan baik oleh Menteri Luar Negeri agar surat kebenaran ibu bapa ataupun penjaga diperoleh terlebih dahulu oleh mana-mana lelaki ataupun perempuan yang berumur kurang daripada 20 tahun sebelum mereka ke luar negara. Jadi kalau kita kata akan ambil tindakan, kita hendak tahu siapakah atau agensi manakah yang akan mengambil tindakan ini.

Berkenaan dengan B.21- Pertanian dan Asas Tani. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berapakah jumlah keluasan Ladang Merdeka di Kelantan dan adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan lagi projek Ladang Merdeka ini? Berapakah hasil padi dan beras yang didapati ataupun dikeluarkan oleh Ladang Merdeka? Bagaimanakah pihak kerajaan mendapatkan mekanisme untuk memantau keluaran padi dan jangka masa yang lebih mapan dan *viable* untuk tujuan dalam negara dan juga untuk komersial? Ini kerana setakat ini kita mendengar jawapan-jawapan yang agak umum. Kita ingin mendapat jawapan yang lebih spesifik.

Berkenaan dengan biodiesel. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dibuat oleh kerajaan? Adakah telah diwujudkan Lembaga Biodiesel Negara bagi menampung kekurangan atau mengurangkan kebergantungan negara kepada petroleum? Walaupun perkara ini mungkin lagi baru lagi di negara kita. Akan tetapi dari segi jawapan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan II bahawa kita akan hilang minyak pada tahun 2014 atau minyak sudah tidak ada tahun 2014. Sepatutnya langkah ini menjadi langkah sokongan atau susulan untuk dibuat.

Saya juga ingin bertanya, apakah senarai tanaman biodiesel bukan berasaskan makanan yang berdaya saing untuk dijadikan sumber baru kepada biodiesel dalam negara kita?

Berapakah jumlah projek dan keluasan tanah yang disewa oleh agensi kerajaan bagi aktiviti ini dan juga bagi aktiviti pertanian makanan.

Saya juga ingin mencadangkan kalau dibuat di peringkat negeri, cadangan pengurangan ataupun pemansuhan premium tanah yang dikerjakan untuk aktiviti pertanian. Sebab kalau tanah-tanah terbiarlah lainlah ceritanya tetapi tanah yang dibuat untuk aktiviti pertanian sepatutnya diberikan pemansuhan ataupun pengurangan premium dalam usaha kita untuk menggalakkan pertanian.

■1230

Berkenaan dengan pertanian juga tapi ada kaitan dengan agama, saya ingin mendapatkan jawapan secara rasmi daripada pihak kerajaan, adakah dibuat sebarang kerjasama ataupun program bagi memastikan jabatan agama ataupun mana-mana majlis agama untuk menggalakkan orang Islam yang menjadi petani mengeluarkan zakat pada masa penuaian. Ini kerana perkara ini menjadi satu hukum, rukun yang sepatutnya iaitu [*Berucap dalam bahasa Arab*] pada hari penuaian itu dibuat, kalau kita bimbang masalah makanan yang terjadi ini ada juga sumbangannya kerana tidak berkat kerana kita yang membuat pertanian tetapi tidak mengeluarkan zakat yang sepatutnya dibuat. Kalau di masa yang dahulu, perkara ini merupakan

perkara yang selalu dibuat oleh orang Islam iaitu mengeluarkan terus zakat pada hari mereka menerima hasil tuaian.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah mana-mana syarikat ataupun berapakah jumlah syarikat yang membuat *pellet* makanan ternakan tempatan kerana isu kita menggalakkan petani-petani kita menternak binatang ini ada kaitan rapat dengan *pellet* ini. Ini kerana isu halal *pellet* juga merupakan isu yang utama kerana sebelum ini kita mendengar bagaimana ada pihak yang mendakwa bahawa *pellet* ini sebenarnya dihasilkan daripada enzim babi. Jadi kalau boleh *pellet* ini dibuat sendiri oleh orang tempatan, InsyaAllah perkara ini tidak akan menjadi satu perkara yang besar dan tidak akan menimbulkan keraguan kepada orang Islam untuk makan makanan yang dihasilkan daripada ternakan ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah ataupun apakah agenda Kerajaan Pusat berkenaan dengan makanan dan pertanian yang disalurkan secara spesifik kepada kerajaan-kerajaan negeri. Kalau sebelum ini mungkin tidak ada pemantauan secara spesifik, tetapi dalam keadaan krisis makanan ini rasanya perlu dibuat kerjasama secara rasmi antara Kerajaan Pusat dan negeri untuk menghasilkan secara spesifik dan dibuat jangkaan secara spesifik apakah kadar-kadar stok makanan untuk rakyat ini benar-benar sesuai ataupun benar-benar mampu untuk menampung keperluan rakyat.

Berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, B.13 berkenaan dengan kes Pulau Batu Putih. Kita ingin mengetahui sejauh manakah penggubalan Akta Pemetaan dan Zon Maritim yang telah dibentangkan tahun lepas sebenarnya berjaya mengurangkan risiko dan masalah yang terhasil daripada masalah pemetaan melibatkan kes Pulau Batu Putih. Bilakah jangka masa yang diputuskan hab Zon Maritim dan sempadan Pulau Batu Putih ini akan dibuat secara rasmi pemisahan sempadan bagi membolehkan nelayan dan rakyat kita memperoleh manfaat hasil keputusan ICJ tempoh hari.

Berkenaan juga dengan Kementerian Luar Negeri, saya ingin bertanya apakah polisi yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kecelaruan imej dan hak cipta nusantara antara budaya iaitu antara negara kita dengan negara-negara lain di ASEAN kerana kerap kali isu-isu sebagai contohnya Lagu Rasa Sayang, Lagu Terang Bulan yang melibatkan negara-negara ini menimbulkan demonstrasi di negara-negara lain kerana mereka mengatakan bahawa kita telah mengambil produk ataupun hak cipta daripada negara mereka.

Jadi, sepatutnya isu seni ini kita boleh selesaikan dengan lebih tertib. Tak perlulah sampai demonstrasi kerana negara kita ini negara majmuk. Ada rakyat kita yang asalnya daripada Indonesia, Singapura, dan Thailand. Jadi, bagaimanakah di peringkat negara dan di peringkat ASEAN, kita boleh menyelesaikan masalah kecelaruan imej dan hak cipta nusantara yang sebenarnya perlu kita kongsi bersama. Berkenaan dengan kewangan, P.10. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, selain daripada Ar-Rajhi Bank yang telah pun menyatakan hasrat mereka untuk melabur di Wilayah Iskandar, adakah lagi bank-bank asing yang turut sama

menyatakan hasrat mereka untuk melabur di wilayah-wilayah koridor ekonomi yang telah dilancarkan di seluruh negara. Begitu juga dengan kes bas Rapid KL yang dikatakan dimiliki oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad sebagai pemilik berdaftar, berapakah anggaran hasil lelongan 1000 yang tersadai yang dikatakan akan dilelong oleh pihak Prasarana Negara Berhad baru-baru ini.

Seterusnya berkenaan dengan ARB (Amanah Raya Berhad). Saya ingin bertanya jumlah bayaran zakat yang telah dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad kepada negeri. Yang pertamanya berapakah jumlah bayaran zakat yang dikeluarkan oleh ARB daripada tahun 2000-2007. Yang kedua, di manakah zakat ini dibayar sama ada di bayar di ibu pejabat di Kuala Lumpur atau dikeluarkan mengikut negeri.

Yang seterusnya berkenaan dengan satu agensi yang diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi kaunseling tentang kewangan kepada rakyat. Saya ingin tanya berapakah ataupun sejauh manakah respons yang diberikan oleh rakyat dalam mengunjungi kaunseling kewangan yang telah dibekalkan oleh negara ini kerana kita bimbang promosi gaya hidup hutang yang telah berlaku dalam negara kita ini akan menjadi satu gaya hidup yang berkekalan.

Jadi kalau pihak Kementerian Kewangan ingin mempromosikan gaya hidup bebas hutang dan gaya hidup sepadan dengan pendapatan dan ikut keperluan, sepatutnya aktiviti ataupun keaktifan pusat ini haruslah dibuat di semua peringkat. Ini kerana rakyat ini perlu juga diajar ataupun diberikan perubahan paradigma tentang bagaimana mereka ini menguruskan pendapatan.

Berkenaan dengan B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Selain daripada gaya-gaya serta cara-cara pendekatan subsidi, Jawatankuasa Inflasi yang ditubuhkan di semua peringkat oleh kerajaan, saya juga ingin mencadangkan agar pendekatan dari sudut keagamaan dibuat dalam usaha untuk kita menyedarkan dan mengatasi masalah inflasi ini kepada rakyat.

Seharusnya dibuat kaitan ataupun dilibatkan pihak-pihak agama sama ada agama Islam atau agama-agama lain untuk melahirkan gaya hidup dan gaya pengurusan makanan dalam konteks jimat, berkualiti, berkat, cara makan, cara pembahagian supaya perkara ini menjadi satu perkara yang akan diamalkan oleh kanak-kanak dan juga oleh orang dewasa. Perkara ini saya minta dijadikan satu *syllabus* tambahan dalam semua tadika-tadika serta sekolah-sekolah dan juga IPT-IPT tentang cara pengurusan makanan. Jadi perkara ini harus dijadikan satu *syllabus* tambahan dalam keadaan kita nak mengatakan langkah jangka pendek kerajaan boleh buat tapi langkah jangka panjang dalam lima hingga sepuluh tahun hendaklah dibuat oleh rakyat sendiri.

Berkenaan dengan P.29 – Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar dipantau pendidikan yang dilahirkan daripada semua saluran-saluran TV yang dikawal oleh mereka. Ini kerana kita melihat cara filem ataupun drama ini sebenarnya adalah cara pendidikan emosi yang kita boleh lihat bagaimana orang yang

melihat filem akan terbuai ataupun akan mengikut arus yang dibuat oleh pengusaha filem. Perkara ini tak boleh kita salahkan pengusaha filem sebab mereka orang berniaga, tapi orang yang nak menyiarkan itu mestilah benar-benar bertanggungjawab. Saya mencadangkan untuk Akademi Kesenian Kebangsaan mewajibkan kelulusan ataupun kecemerlangan dalam subjek agama dan moral. Mestilah ada guru yang bertanggungjawab atau pensyarah yang bertanggungjawab untuk membincangkan dari segi nilai estetika yang akan dilahirkan oleh mana-mana pelajar yang menjadi graduan Akademi Seni Kebangsaan itu untuk mereka ini lulus dengan cemerlang subjek berkaitan dengan agama dan moral. Ini kerana ia merupakan satu tenaga kerja yang akan turun ke masyarakat untuk benar-benar melahirkan filem-filem yang berwibawa.

Jadi kalau kandungan ini tak dipantau dengan cara baik, kita akan melihat hanya mengeluarkan pelakon-pelakon tapi filem kita tak ada mutu. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta pihak Kementerian Penerangan untuk membuat penyiaran filem dan drama Islamik tempatan yang disiarkan bukan cara bermusim. Sekarang ini kalau musim Hari Raya, Maulidur Rasul, drama pun Maulidur Rasul tetapi kalau hari lain, dramanya tidak membayangkan keislaman sedangkan Islam ini bukan hanya ikut musim. Jadi sepatutnya drama ini disiarkan secara sepanjang tahun. Kita lihat rancangan-rancangan yang dikeluarkan oleh filem Indonesia sebagai contohnya Rapi Filem mengeluarkan siaran yang boleh dilihat daripada bulan Januari sampai bulan Disember. Tiap-tiap hari boleh tengok. Jadi kenapa filem-filem kita yang jauh kadang-kadang lebih bermutu hanya disiarkan terhad. Untuk malam Hari Ibu, untuk malam Hari Bapa sedangkan perkara ini...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Roslan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat yang membawakan unsur-unsur agama, tapi tidakkah Yang Berhormat mengetahui bahawa ada satu saluran khusus kalau tidak saya, 106 melalui ASTRO yang sentiasa memberi gambaran-gambaran agama. Ini salah satu kehendak Yang Berhormat. Apakah ianya masih lagi tidak memenuhi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih kepada yang bertanya. Kita berterima kasih kepada ASTRO kerana menyediakan satu rancangan ASTRO Oasis tetapi dalam konteks ini, kita hendaklah memahami dari sudut kuliah bukan dari sudut juz'iyah. Kita bukan hanya mengharapkan satu siaran menyiarkan rancangan tentang agama sebab agama ini bukan hanya ibadat ritual.

■ 1240

Perkara yang akan menyentuh kita *time* solat lima waktu sebab kalau kita sembahyang, lima waktu, sehari 25 minit sahaja. Kita hidup 24 jam. Bagaimana *balance* 23 jam 35 minit lagi yang kita jadi *balance* itu. 23 jam 35 minit, bagaimanakah perkara itu hendak dibuat? Jadi kalau kita hanya mengasingkan hanya satu siaran dan siaran-siaran lain tidak perlu dipantau dari segi

agama, tidak kena. Satu siaran untuk agama, bagus, tetapi siaran-siaran lain juga harus dipantau, jangan lari daripada unsur-unsur agama sebab agama ini [*Menyebut perkataan Arab*], sebahagian daripada cara hidup. Bukannya hanya hidup untuk masa tertentu sahaja ataupun *time* tertentu. Perkara ini harus difahami dari sudut konsep atau paradigma yang lebih luas. Agama ini mendasari setiap keputusan, setiap tayangan, setiap polisi yang kita buat. Bukan hanya yang tertentu.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Sekali lagi minta laluan. Adakah saluran-saluran yang lain lari daripada agama? Adakah rangkaian pertama, kedua, ketiga dan sebagainya, ia merupakan lari daripada asas agama Islam itu? Pada hujah Yang Berhormat menunjukkan bahawa kesemua yang dilakukan oleh pihak kerajaan ini tidak betul. Dari segi hujah yang diberikan bahawasanya agama itu merupakan segala-galanya untuk hidup. Saya percaya.

Dari segi keseluruhannya, saya tengok dari segi program-program di televisyen ini, adakah ianya bercanggah? Macam diberi oleh Yang Berhormat, "Jelatang", itu saya setuju. Satu program yang betul-betul membawa kemusnahan dari segi moral, tetapi janganlah kerana satu itu, nila setitik, katakan kesemuanya tidak betul. Jadi mungkin ada ke tahap yang kita ada sekarang ini, pengetahuan Islam yang kita ada sekarang ini, datangnya daripada mana. Tidakkah ianya datang daripada kerajaan yang ada sekarang yang telah mendidik kita termasuk Yang Berhormat sendiri yang boleh bercakap begitu baik tentang hal-hal keagamaan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya sama sekali tidak mengatakan bahawa keseluruhan yang disiarkan oleh TV1, TV2, TV3 itu tidak *Islamic* tetapi ingin saya mengatakan dengan jelas bahawa kalau kita cuma menyiarkan satu ataupun memantau satu daripada sepuluh, ianya tidak boleh mendidik rakyat sebab pendidikan ini, hendak mengajar orang jadi baik ini kena pendidikan yang bersepadu. Tidak boleh hanya sedikit dan tidak boleh walaupun satu filem "Jelatang", mesti kita tentang kerana kalau contohnya, HIV ataupun penyakit selesema burung, walaupun kena satu orang, satu negeri bising. Yang kena selesema burung, mungkin lima orang sahaja tetapi kenapa perlu kita kuarantin. Sebab lima orang ini boleh merebak menjadi satu sindrom.

Dalam keadaan ini, gejala sosial yang kita tengok dalam keadaan ini, budaya hedonisme yang kita lihat, bagaimana kita hendak atasi melainkan dengan cara filem sebab orang muda tidak tengok, tidak datang Parlimen, orang muda tidak tengok berita, mungkin tengok jarang-jarang sahaja, separuh sahaja tengok tetapi kalau filem ini, satu pendekatan yang lebih santai, yang orang boleh terima secara halus.

Jadi sepatutnya saya minta dibuat pemantauan dan dipastikan keseluruhan program itu yang baik, contohnya dari segi Akademi Al-Quran. Perkara ini perkara baik, tidak ada masalah tetapi yang lain pun, walaupun namanya Akademi Fantasia, tetapi janganlah langgar agama. Hendak menyanyi boleh, tetapi jangan sampai kita hendak buka baju, hendak buka apa,

tidak kenalah macam ini. Jadi perkara ini perlu dibuat satu pemantauan yang lebih baik. Jangan mereka ini buat satu pandangan bahawa terdapat perkara yang asing antara agama yang lain. Saya tidak nafikan tidak ada mana-mana kerajaan yang sempurna. Kita tidak nafikan bahawa banyak juga perkara-perkara agama yang telah dibuat oleh kerajaan, tetapi sebagai orang yang diberi tanggungjawab untuk membincangkan hal-hal ini di dalam Parlimen, kita hendaklah memberikan satu penekanan dan penelitian supaya perkara ini boleh *diimprove*.

Bukan bermakna kalau kita tegur Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan tidak bagus. Saya tegur Kementerian Penerangan, Kementerian Penerangan tidak bagus tetapi teguran ini adalah teguran berbentuk kritis untuk kita pastikan pemahaman ini dibuat secara terperinci. Sebagai contoh yang saya hujahkan sebelum ini berkenaan dengan mahram. Bagaimana kita orang Islam sendiri kalau hendak pergi Mekah, pakai mahram tetapi kenapa kita orang Islam tidak boleh terima hendak pergi China, tidak payah pakai mahram. Ada ke hukum dalam Islam kata pergi China tidak payah pakai mahram? Tidak ada. Sebab kita fikir macam itu sahaja.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini JAKIM sedang menganjurkan satu anugerah AMIN iaitu mengajak semua pengusaha-pengusaha filem dan juga penerbit-penerbit televisyen yang ada unsur-unsur Islam, lebih daripada 100 program telah kita adili, kebetulan pada minggu ini dan ini adalah satu daripada sumbangan JAKIM bagi tujuan untuk menggalakkan lagi banyak program-program Islam. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya sebenarnya cukup suka dengan AMIN kerana...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat selepas menjawab soalan ini, Yang Berhormat menggulung ucapan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya minta dalam 10 minit lagi. Rancangan seperti AMIN ini merupakan rancangan yang baik, maka memberi promosi yang baik kepada Islam. Ucapan tahniah saya kepada pihak kerajaan tetapi perlu diperbanyakkan lagilah rancangan seperti ini kerana kita lihat anugerah-anugerah dari segi seni muzik ini banyak lagi anugerah. Kalau dari segi Islam, satu sahaja. Kalau boleh, kita perbanyakkan.

Saya juga ingin meminta kepada pihak kementerian untuk membuat kajian terperinci dengan frasa masa tertentu dengan meniadakan program ataupun segmen-segmen pelajar ponteng, biadab, dibuang sekolah dan memperbanyakkan filem-filem *happy* ataupun memastikan banyak lagi filem-filem *happy ending* dan *very positive script* disiarkan untuk kita lihat dari segi kesan kepada orang ramai. Jadi kalau perkara ini kita buat, kita akan boleh lihat.

Berkenaan dengan prosedur tapisan dan luar kawalan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, cadangan oleh Ahli-ahli Parlimen sebelum ini agar semua TV berbayar juga mesti

melalui Lembaga Penapisan Filem yang dilantik oleh kerajaan dan keanggotaannya juga mesti pelbagai sebagaimana cadangan daripada Datuk Nor Hayati supaya diletakkan juga wanita.

Berkenaan dengan ASTRO, saya ingin bertanya kepada pihak ASTRO, kenapa memberhentikan siaran Al-Jazeera Arab kerana isu pemberhentian ini menimbulkan kemarahan pelancong Arab yang sekarang ini menjadi golongan utama penyumbang dalam sektor pelancongan di negara kita. Hak mereka untuk mendapat berita dalam bahasa mereka tidak harus disekat kerana biasanya mereka ini atau pelancong-pelancong Arab ini berada di negara kita dalam tempoh yang lama. Jadi kita minta diberikan jawapan yang khusus kenapa perkara ini diberhentikan.

Saya juga ingin bertanya apakah kelebihan dan bilakah secara spesifiknya ASTRO akan dimasukkan di bawah Akta Komunikasi 1998 kerana tadi kita dengar jawapan timbalan menteri mengatakan bahawa sehingga kini ASTRO masih belum lagi diletakkan di bawah akta ini – kenapakah dan bilakah masa yang spesifik ASTRO akan diletakkan di bawah SKMM.

Saya juga ingin bertanya tentang iklan di bawah semua televisyen. Saya menyarankan untuk diharamkan iklan makanan segera dan kita boleh juga mengikut langkah yang dibuat oleh Kerajaan Arab Saudi mengharamkan iklan susu formula di TV untuk menggalakkan semua rakyat kita ini terlibat ataupun menyusukan anak kerana perkara ini memberikan impak.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memantau papan-papan tanda yang diletakkan di sepanjang jalan raya di seluruh negara kerana contohnya, baru-baru ini kita lihat di papan-papan tanda terdapat gambar wanita yang tidak pakai baju secara sempurna yang hanya pakai baju ada tali begini yang riba anaknya. Yang diiklankan ialah papan lantai. Kenapa hendak iklan papan lantai, emak tidak payah pakai baju secara sempurna. Kalau emak pakai baju kurung pun tidak ada masalah. Jadi kita hendak iklan, bukan kita hendak iklan emak dia. Kita hendak iklankan dia punya papan lantai. Jadi perkara ini memalukan negara kitalah. Hendak iklan papan, emak kena pakai baju seksi. Apa hal pula ini?

Berkenaan juga iklan mandian susu bayi. Hendak diiklankan ialah pemakaian dan penggunaan mandian ini kepada bayi, kenapa ditonjolkan bentuk tubuh ibu dengan begitu sekali. Jadi perkara ini hendaklah diperhatikan walaupun perkara ini kecil tetapi mungkin yang melakonkan itu tidak rasa apa-apa tetapi orang lain yang melihat itu rasa malu. Hendak iklan mandian bayi, iklannya, tetapi biarlah bayi itu nampak montel, nampak gebu, bukan emak dia.

Pendidikan melalui media. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, setakat ini bila mana kerajaan telah mengiklankan penahanan pembuat panggilan palsu di dalam TV, berapakah penurunan panggilan palsu yang telah diterima oleh pihak kerajaan dan adakah orang yang telah didakwa di mahkamah selepas kerajaan mengiklankan iklan ini.

Berkenaan dengan kesihatan, B.42, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan universiti dan kolej jururawat yang khusus bertujuan untuk menampung kekurangan jururawat yang kurang di negara kita dan juga apakah intensif

untuk memanggil pulang jururawat-jururawat kita yang telah berkhidmat di luar negara, di hospital-hospital yang menawarkan jumlah gaji yang lebih tinggi. Begitu juga dengan rawatan tradisional, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, baru-baru ini kalau tidak silap saya, Perdana Menteri ada melancarkan sebuah hospital yang mengamalkan rawatan tradisional di Kepala Batas.

■1250

Jadi, berhubung dengan perkara tersebut, adakah kerajaan bercadang untuk mengenal pasti secara rasmi kaedah-kaedah dan ubat-ubat perubatan tradisional tempatan untuk dipaten oleh kerajaan sebelum diambil oleh negara lain, dan apakah tempoh masa yang ditetapkan. Begitu juga dengan penglibatan agensi seperti MRI dan MARDI serta agensi yang diperkukuhkan untuk isu perkhidmatan dan rawatan alternatif ini, kerana negara kita ini adalah negara majmuk. Jadi kita ini mempunyai banyak potensi dan banyak pengetahuan yang boleh dipelbagaikan dan dikomersialkan khususnya dalam ubat-ubatan.

Kita boleh libatkan Tok Batin serta Orang Asli dalam penghasilan ubat-ubatan di negara kita ini, kerana ini merupakan satu daripada sumber asli yang ada di negara kita. Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan konsep perubatan tradisional ini di tempat-tempat lain, dan adakah respons yang diterima di hospital di Kepala Batas ini baik? Adakah diwujudkan lembaga pemantau rawatan tradisional di peringkat kebangsaan. Saya juga ingin bertanya adakah wujud sebarang *networking* ataupun penyelarasan di setiap negeri tentang jenis perubatan yang diiktiraf.

Saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk diwujudkan *brain library* kepada pengamal perubatan Islam dan tradisional, kerana ramai pengamal perubatan Islam dan tradisional ini merupakan orang yang telah lanjut umurnya, khususnya bidan kampung dan orang yang seumpama dengannya, kerana kaedah dan rawatan alternatif seperti ini kadang-kadang banyak melibatkan perkara-perkara yang tidak baik ataupun boleh memudaratkan pesakit-pesakit sendiri. Jadi perlu kepada pemantauan secara baik oleh pihak kerajaan. Apakah hak serta perlindungan kepada pesakit dan pengamal perubatan tradisional ini, dan apakah cara untuk kita mengesahkan kelayakannya. Berkenaan dengan kanser...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat gulungkan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Baik, berkenaan dengan kanser saya ingin mencadangkan, bahawa sebelum ini pihak kerajaan telah pun membenarkan diskaun atau subsidi kepada pengesanan melalui kaedah *mamogram* untuk kes-kes wanita yang mempunyai sejarah keturunan kanser.

Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberikan subsidi pemeriksaan dan saringan kepada wanita ini melalui cara MRI, kerana didapati daripada kajian saringan yang dibuat oleh *mamogram* tidaklah berapa tepat khususnya untuk wanita-wanita yang mempunyai

sejarah keluarga dan mereka ini perlu melalui saringan MRI yang memakan jumlah dan kos yang tinggi. Okey, saya rasa yang lain insya-Allah saya akan sentuh dalam perbahasan lain dan saya dengan ini turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin.

12.52 tgh.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008. Seperti mana yang kita telah dimaklumkan bahawa di dalam akta ini mempunyai beberapa kementerian untuk memohon tambahan peruntukan. Saya hanya akan menyentuh dua kementerian sahaja iaitu pertama ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan kedua ialah Kementerian Dalam Negeri.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sekarang ini dipanggil Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun diperuntukkan satu peruntukan tambahan sebanyak RM1,550,000 bagi tujuan untuk dibangunkan Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan atau nama ringkasnya ASWARA, melaksanakan program pengajian-pengajian ijazah. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, ASWARA sebelumnya ialah Akademi Seni Kebangsaan yang hanya mengeluarkan diploma sahaja, tetapi sekarang ini telah pun dinaikkan taraf oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan pada ketika itu menjadi sebuah, bertaraf universiti dan mengeluarkan ijazah.

Di dalam kementerian ini juga mempunyai, saya ingin menyentuh mengenai pengajian perfileman dan Jabatan Perfileman itu ialah di bawah Jabatan Sinematografi. Apa yang hendak saya kemukakan, ialah perkara yang sedang berlaku sekarang ini ada banyak kementerian, seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi yang telah mewujudkan berbagai-bagai pengajian di dalam bidang perfileman, tetapi apa yang terjadi ialah di manakah graduan-graduan ini akan bekerja sekiranya mereka telah lulus daripada Kementerian Pengajian Tinggi ini, beberapa buah universiti yang telah juga mengadakan pengajian-pengajian perfileman termasuklah ASWARA juga kursus-kursus pendek yang dilaksanakan oleh FINAS.

Apa yang penting ialah bagaimana dan di mana mereka ini akan mendapat pekerjaan, dan akan wujudlah nanti pengangguran jika sekiranya kita tidak menyediakan tempat-tempat dan juga usaha untuk menambahkan lagi pekerjaan dalam bidang perfileman. Apa yang berlaku sekarang ini, kalau kita lihat stesen-stesen televisyen kita semuanya termasuk stesen RTM, TV3 dan ASTRO banyak mengimport filem-filem asing, juga drama-drama asing yang boleh dianggap terlalu banyak, sehingga menyebabkan pengusaha-pengusaha filem tempatan tidak dapat menerbitkan filem-filem bagi tujuan untuk mengisi program-program sedemikian.

Maka itu kita mengharapkan supaya kerajaan mengambil satu langkah mengkaji semula bagaimana dan berapa ramai graduan yang lulus daripada pusat-pusat pengajian tinggi,

termasuklah juga ASWARA dan di manakah mereka ini akan mendapat pekerjaan. Ini akan membawa kita kepada satu usaha bagi tujuan menjadikan mereka ini tidaklah menjadi penganggur. Oleh itu, saya melihat bahawa ini amat serius kerana kita lihat hari ini, RTM sendiri pun banyak menerbitkan program-program yang dibawa masuk. Program-program seperti dari Indonesia, drama-drama dari Indonesia, daripada South Korea, daripada Thailand, daripada negara-negara lain untuk ditayangkan di stesen-stesen kita.

Jadi untuk itu juga termasuklah stesen yang lain, apatah lagi kalau kita tengok di ASTRO juga mempunyai banyak *channel* yang dibawa programnya daripada luar negara. Oleh itu, saya mengharapkan supaya perkara ini dapat dikaji semula, sebab di antara perkara-perkara yang tentunya akan melibatkan banyak graduan yang telah belajar selama tiga tahun atau empat tahun di pusat-pusat pengajian tinggi ini akan kembali, dan akhirnya mereka tidak mendapat tempat untuk menerbitkan filem, dan juga filem-filem yang hari ini ditayangkan di stesen-stesen TV ada di antaranya mereka telah menyuarakan kepada persatuan, bahawasanya dibeli secara *outright*.

Ini adalah bertentangan dengan *Intellectual Properties Organization*, kerana *Intellectual Properties Organization* baru-baru ini telah mengadakan seminar, bahawa setiap *copyright*, dengan izin mestilah dimiliki oleh tuan punya yang menerbitkan filem itu. Apa yang berlaku sekarang ini apabila dibeli *outright*, maka dengan sendirinya di tayang semula mereka tidak mendapat apa-apa hasil daripada tayangan semula atau ulang tayang. Begitu juga kalau dijual ke luar negara, dijual ke Indonesia, ke Thailand dan sebagainya, maka penerbit-penerbit tidak mendapat apa-apa hasil daripadanya. Kita mengharapkan supaya dapat stesen-stesen TV ini seperti mana yang pernah saya sarankan supaya ianya mempunyai 70% sekurang-kurangnya adalah bahan tempatan.

Untuk itu barulah kita dapat menampung graduan yang telah belajar dan dapat keluar daripada universiti-universiti ini, dan dapat berusaha untuk menerbitkan filem atau bekerja di syarikat-syarikat perfileman, supaya mereka dapat menerbitkan banyak lagi program-program yang boleh kita jadikan ia 70%. Hari ini kalau kita lihat hanya ada 45% atau 50% sahaja di stesen televisyen RTM dan disasarkan supaya dia mencapai hasrat 80%. Untuk mencapai hasrat 80% tentunya kita harus membanyakkan lagi program-program tempatan. Untuk membanyakkan program-program tempatan, tentulah kita akan membanyakkan lagi pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Ini haruslah dikaji semula dan juga oleh sebab banyak program asing ini, kita juga selalunya menyelaraskan bahawa program-program yang telah pun disiarkan di televisyen ini akan menjadi sesuatu yang boleh menjejaskan kepada anak-anak muda kita yang melihat program-program ini, dan bagaimana kita hendak ada jati diri, budaya bangsa supaya mereka benar-benar memahami tentang budaya negaranya sendiri, daripada kita mendedahkan program

daripada luar. Untuk itu kita harus ada maruah sendiri bahawa anak-anak muda kita haruslah diberi pendedahan kepada program-program tempatan.

Saya ingin menyarankan supaya kita mengadakan satu kajian tentang, berapakah program-program yang perlu kita lahirkan dalam negara ini supaya dianya dapat memberikan impak yang boleh mendekatkan diri kepada budaya kita sendiri. Kalau kita lihat stesen ASTRO, kalau kita lihat mereka juga sama seperti stesen-stesen lain seperti stesen RTM dan juga TV3. Kenapa tidak kita mencadangkan supaya ASTRO tidak lagi menjadi stesen berbayar, dan ia boleh juga menjadi seperti stesen lain yang tidak perlu dibayar lagi, kerana mereka juga memungut hasil daripada iklan-iklan seperti juga stesen RTM dan juga TV3, memungut hasil.

Jadi hasil itu sudah cukup boleh menampung program-program yang disiarkan. Jikalau itu dapat dilaksanakan bahawa ia telah menyumbang kepada negara ini, kerana ia merupakan sebuah stesen berbayar, tetapi dianya juga mengambil hasil daripada itu. Saya difahamkan juga baru-baru ini ada beberapa teguran bahawa lesennya juga agak mahal dan lebih tinggi, dinaikkan dari semasa ke semasa. Jadi kalau ini boleh kita laksanakan, saya percaya ianya akan menjadi satu sumbangan kepada negara kita, bahawa kita tahu program-program yang disiarkan oleh ASTRO ini banyak daripada luar negara dan kita tahu perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin sila sambung ucapan.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung dan meneruskan perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2008 dengan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta beberapa kementerian yang ada kaitan dengan Industri Perfileman.

Saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau KTAK. Apakah dasar dan syarat-syarat yang dikenakan kepada pemilik-pemilik stesen televisyen untuk melindungi pengusaha-pengusaha tempatan bagi menampung graduan-graduan yang lulus daripada pusat-pusat pengajian tinggi khususnya dan juga ASWARA, yang mana telah pun membelanjakan wang yang agak besar bagi tujuan untuk melahirkan modal insan yang berilmu dalam bidang perfileman? Jadi dengan adanya itu, kita

dapatlah menampung mereka ini. Jadi kalau ada syarat-syarat itu dengan sendirinya kita tidak lagi perlu untuk mendapatkan pekerjaan, maka mudahlah mereka ini untuk mendapat pekerjaan.

Di antara stesen-stesen TV kebanyakannya menerbitkan program-programnya sendiri dan ada di antaranya mengimport banyak program-program daripada luar. Saya telah menerima satu memorandum yang telah menyampaikan hasrat mereka iaitu penerbit-penerbit filem. Pembelian hak cipta sebagai contoh, saya telah sebutkan tadi dan juga kewujudan penerbit-penerbit stesen TV yang telah membuat, penerbit membuat sendiri dan tidak beri peluang kepada orang lain.

Peluang-peluang itu agaknya tersekat, kerana banyak filem-filem yang diimport daripada luar negara. Kalau kita tengok filem-filem dan slot-slot yang sepatutnya diberikan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan, drama-drama swasta, banyak *airtime* dengan izin, telah diberikan kepada program-program yang datang daripada luar. Inilah rungutan-rungutan yang diberikan.

Begitu juga satu sistem yang telah diwujudkan sebelum menteri yang baru ini mengambil alih. Telah diwujudkan satu sistem tender kepada program-program televisyen dan ini merupakan sesuatu yang amat sukar kerana program ataupun sistem tender ini kepada produk-produk seni ini biasanya agak sukar. Kerana produk seni yang kreatif ini kalau kita tender, kadang-kadang kita tidak boleh mendapat hasil kerana yang masuk tender itu mungkin mereka bukan daripada yang terlibat secara langsung atau mempunyai pengalaman-pengalaman dalam bidang ini.

Jadi tidakkah kementerian memikirkan untuk difikirkan dan dikaji semula sistem ini, supaya ianya mungkin kita boleh mencadangkan satu sistem rundingan. Ini akan memberikan kesempatan kepada penerbit-penerbit filem tempatan bagi menerbitkan drama-drama yang bermutu dan mereka yang benar-benar mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam bidang ini.

Jadi garis panduan ini juga haruslah disatukan dengan stesen-stesen TV yang lain. Penyiaran-penyiaran yang dikeluarkan oleh stesen-stesen TV ini, mereka juga telah boleh dianggapkan ada di antaranya, tidak perlu saya sebut satu persatu. Di antaranya telah memonopoli, memiliki stesen TV, menerbitkan filem, membuat drama dan dia juga mengimport filem. Ini satu monopoli yang boleh menyekat daripada pengusaha-pengusaha filem tempatan untuk menerbitkan, kerana mereka menguasai seluruh bidang itu.

Jadi satu sistem telah dibuat dahulunya, di dalam Akta FINAS, Akta 244, kita telah menyarankan di dalam akta itu supaya ada *Anti Trust Law*, dengan izin. Jadi bererti tidak ada mana-mana syarikat boleh menguasai seluruh bidang itu. Hanya dua bidang sahaja yang dibenarkan bagi memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk menerbitkan filem. Jadi dia tidak boleh ambil ketiga-tiga bidang.

Jadi ini di antara perkara yang harus kita kaji semula, untuk memberi kepada mereka yang sedang di dalam bidang ini. Kita mempunyai lebih dari 300 syarikat-syarikat perfileman

yang ada di antaranya sudah gulung tikar kerana, tidak ada peluang untuk membuat program-program baru.

Jadi saya mengharapkan daripada memorandum yang diserahkan kepada saya ini, untuk dikemukakan supaya kementerian dapat memikirkan soal ini... [*Menunjukkan dokumen berkaitan*] Ramai di antara para seniman, karyawan-karyawan filem telah tidak ada pekerjaan sekarang ini, kerana program-program ini telah dibeli daripada luar. Jadi saya mengharapkan supaya perkara ini dapat dikaji semula dan dalam masa yang sama kita melihat artis-artis kita yang dahulunya amat banyak menyumbangkan tenaga mereka kepada bidang ini.

Maka itu kerajaan telah pun mengisytiharkan Hari Seniman bagi mengingati dan juga menghargai para seniman dan karyawan seni setelah mereka berkarya sekian lama. Ada di antara mereka hari ini pun sudah tidak lagi dapat berkarya oleh kerana tidak ada program-program yang khusus bagi mereka. Itulah diharapkan juga ada dahulunya kita telah pun mengemukakan dan kementerian yang berkenaan...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Dalam hal filem ini saya tertarik hati kepada beberapa komen mengenai Lembaga Penapisan Filem yang dicadangkan supaya mengkaji semula garis panduan yang telah lama kita pakai kerana keadaan sekarang memerlukan mungkin satu garis panduan yang lebih baik, yang lebih sesuai dengan keadaan semasa.

Dalam hubungan ini saya juga ingin meminta pandangan Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan filem-filem, TV terutamanya, yang memberi perhatian kepada masalah-masalah yang ada hubungannya dengan cerita-cerita seram, cerita-cerita yang mengandungi ciri-ciri khurafat dan sebagainya? Tidakkah ini sudah tidak sesuai dengan masyarakat moden kita Yang Berhormat? Terima kasih.

■1440

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kalau kita lihat ada filem-filem yang ditayangkan atau drama-drama yang ditayangkan banyak mengandungi unsur-unsur khurafat. Perkara ini haruslah kita meminta supaya Kementerian, khususnya Kementerian Dalam Negeri yang mengendalikan Lembaga Penapis Filem untuk menambah ahli-ahli Lembaga Penapis Filem supaya ianya dapat menangani sekian banyak filem-filem yang sekarang ini ditapis oleh Lembaga Penapis Filem, filem-filem cerita, filem-filem iklan, filem-filem daripada CD, DVD, video dan sebagainya dan lain-lain arca bergerak semuanya ini melalui penapisan filem kecuali sepertimana yang saya telah sebutkan ASTRO. Dia mempunyai lembaga yang tersendiri.

Jadi dengan menambahkan kakitangan ini mungkin kita boleh mengatasi masalah ini kerana terlalu banyak filem-filem yang hendak ditapis, maka mungkin ada di antaranya terlepas pandang. Ini kerana saya difahamkan dari Kementerian Dalam Negeri, *Censor Board* setiap filem yang ditayangkan tiga ahli yang menontonnya dan kemudiannya akan di bawa kepada pengerusi untuk diluluskan.

Mungkin kita boleh menambah ahli-ahlinya supaya lebih daripada tiga, sekurang-kurangnya tujuh orang untuk menonton setiap filem yang ditayangkan. Dalam masa yang sama kita harus melihat bahawa penapisan filem ini amat penting kerana ianya boleh merosakkan dan juga ada di antara filem-filem yang kadang kalanya terlepas pandang dan boleh menjadi satu isu kepada masyarakat yang kadang-kadang tidak berpuas hati dengan filem yang ditayangkan.

Ada beberapa isu yang telah berlaku, Lembaga Penapisan filem terpaksa panggil balik filem itu dan dilihat semula. Perkara seperti inilah maka saya ingin menyarankan supaya kita tambah, bukan sahaja tambah dari ahlinya dalam berbagai bidang tetapi juga seperti mana yang disarankan juga oleh Yang Berhormat Hayati mengatakan bahawa supaya ada juga kaum wanita duduk di dalam ahli lembaga ini.

Ia kerana ada kaitannya juga dengan kaum wanita kerana kita tahu filem-filem iklan selalunya kita lihat filem-filem iklan ini banyak menggunakan wanita. Kadang-kadang yang dia *advertised* dengan izin, yang diiklankan itu ialah bateri tapi diletaknya seorang wanita yang tidak pakai baju pun ada, yang pakai seluar pendek pun ada. Apa yang hendak di *advertised*nya itu bateri tapi mungkin mereka menganggap bahawa bateri ini mempunyai kuasa, maka wanita itu agaknya ada *power* dengan izin sebab itu diletakkan wanita sebagai satu iklan.

Banyak lagi kalau kita lihat di akhbar dan di televisyen dan juga di panggung-panggung wayang, pawagam juga mempunyai iklan-iklan yang menggunakan banyak wanita. Jadi perlulah juga ada kaum wanita duduk di dalam Lembaga Penapis Filem yang angkanya mungkin 30 -70 barangkali untuk membolehkan mereka menyuarakan sesuatu yang bertentangan dengan nilai-nilai yang juga menggunakan wanita sebagai alat untuk mengiklankan bahan-bahan.

Kita tahu di dalam majalah-majalah juga dari segi iklan ini memang kita dapat lihat kadang-kadang yang diiklankan itu hanya beg tangan tetapi dia tidak pakai baju, tidak pakai apa pun sehingga ternampak seluar dalam. Ada saya tengok dalam buku iklan kita kalau kita naik pesawat penerbangan ada buku dalam penerbangan itu ada. Iklannya ialah beg tangan tapi yang dia iklankan wanita yang...

Tuan Yang di-Pertua: Dia suruh pilihlah itu, hendak tengok beg ke hendak tengok itu...
[Ketawa]

Tan Sri Datuk (Dr) Jins Shamsudin: Hendak tengok itu, itulah dia. Jadi itu mungkin tidak sesuai kerana dia adalah sesuatu yang boleh menggugat, kerana hukum kita mengatakan tidak boleh mendedahkan aurat orang-orang khususnya yang beragama Islam. Silakan? Tidak jadi? Terima kasih.

Saya teruskan sedikit sahaja lagi dan saya telah menyebutkan tadi tentang artis-artis ataupun seniman, seniwati yang telah tidak lagi dapat menjalankan tugasnya di atas sebab-sebab tertentu. Maka kita telah mengadakan satu program khususnya Persatuan Seniman Malaysia telah mendapat peruntukan 200 jam daripada Kementerian Penerangan untuk menerbitkan drama-drama bagi tujuan untuk memberi sumbangan kepada artis-artis yang tidak mampu lagi ini.

Begitu juga ada dua buah syarikat juga telah diberikan peruntukan 200 jam bagi tujuan untuk membela artis-artis yang telah lagi berkemampuan. Apa yang telah terjadi pada bulan 4 tahun lepas dibatalkan. Jadi apabila dibatalkan maka peruntukan yang setiap bulan kita salurkan lebih kurang RM20 ribu ini telah terhenti, maka mereka telah mengadu hal dengan kami mana dia peruntukannya. Oleh kerana RTM telah berhentikan program itu, walaupun peruntukan itu masih ada.

Jadi saya haraplah Kementerian Penerangan dapat memberikan pertimbangan semula di atas menteri yang baru dilantik ini dapat memberi pertimbangan semula. Saya sebut ini menteri yang dulu. Jadi dapat memberi pertimbangan semula supaya meneruskan *hours* atau jam yang telah diberikan kepada seniman dan juga kumpulan-kumpulan artis bagi tujuan untuk membantu para seniman, seniwati ini dapat diberi semula.

Jadi dengan itu, dapatlah kami membantu kerana ada di antara mereka yang amat uzur, ada yang berada di hospital, ada yang ada di atas *wheel chair* dengan izin, ada yang sudah meninggal baru-baru ini pun. Jadi ini adalah sumbangan yang sepatutnya kita juga sama-sama memberikan sokongan kepada pertubuhan ini bagi tujuan membantu.

Jadi saya harap juga dalam masa mereka penerbit-penerbit yang sama ada penerbit TV ataupun filem ini dapat memberikan satu sumbangan kepada artis-artis atau seniman, seniwati serta karyawan seni yang sekarang ini tidak mempunyai apa-apa *income*. Kita sekarang ini juga sedang merancang sesuatu dan telah pun bertemu dengan Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia atau GAFIM telah bertemu dengan KWSP untuk mewujudkan satu skim.

Satu skim yang dapat membantu mereka setiap kali mereka berlakon, mereka hendaklah diberikan sumbangan atau mencarum kepada KWSP; kerana mereka para seniman, seniwati dan karyawan seni bukanlah pekerja tetap tetapi pekerja sambilan dan juga secara kontrak. Di dalam peraturan KWSP mereka hanya yang bekerja makan gaji yang diberi sumbangan daripada tuan punya syarikat dan juga pekerja.

Dalam hal ini kami meminta supaya Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan juga supaya adakan satu skim yang membolehkan para *producer* atau penerbit mencarumkan kepada KWSP bagi tujuan untuk masa tua mereka. Dari itu mereka tidaklah parah lagi perlu lagi meminta-minta apabila mereka sudah tidak lagi terdaya untuk berlakon atau membuat kerja-kerja seni ini.

Jadi ini telah pun diadakan dan diadakan pada 20 November 2007 dan wakil daripada GAFIM yang dipengerusikan oleh Presiden GAFIM sendiri iaitu Datuk Mustafa Maarof bersama dengan Presiden KWSP dan telah pun bersetuju untuk membincangkan perkara ini dan membawa perkara ini kepada Kementerian. Dengan itu, saya ingin mendapat maklumat maklum balas tentang perkara di atas dan sejauh manakah perkembangannya bagi tujuan untuk kita menyalurkan semula kepada para karyawan seni yang memerlukan bantuan seperti ini dan kalau tidak maka mereka akan mengharap kepada bantuan yang itu.

Itulah saja perkara-perkara yang hendak saya kemukakan kerana selainnya saya telah dimaklumkan sahabat-sahabat yang lain iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah pun membincang perkara ini dan saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato Idris Buang, kemudian Dato' Musa, kemudian Tuan Vijayratnam, kemudian Puan Loga Chitra, kemudian Tuan Zamri.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Tuan Rawisandran.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007. Beberapa isu telah dibentangkan merangkumi banyak perkara tapi saya tertarik dengan beberapa isu termasuk isu kestabilan dalam negeri ataupun dalam negara kita. Kestabilan politik, kestabilan ekonomi, kestabilan perpaduan kaum dan keamanan iaitu *security* dengan izin.

■1450

Baru-baru ini kita telah digemparkan juga dengan kisah mat rempit yang dah menjadi lebih ganas daripada biasa. Isu mat rempit ini bukan kerana ia jadi *headline* hari ini saya nak perkatakan di Dewan yang mulia, bukan. Akan tetapi kerana ia telah menghantui kita begitu lama dan saya pun turut merasa hampa dan dukacita, turut sama perasaan dengan pihak polis yang walaupun telah bertungkus-lumus tetapi belum mempunyai kejayaan dalam merempuh atau merempitkan mat rempit ini.

Saya hanya berharap dan saya ingin memberi sokongan moral pada pihak polis dan minta kawan-kawan, Yang Berhormat yang lain turut serta untuk mereka teruskan peperangan mereka untuk bukan sahaja mat rempit ini, peperangan untuk membasmi jenayah sebagai perang yang benar-benar perlu dihabiskan dengan apa cara pun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap mengenai perkara B.62 ya?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Ya, kerana ia menyentuh Perbekalan Tambahan juga kepada Kementerian Dalam Negeri. Mungkin ia melibatkan kos yang lebih tetapi saya rasa pihak polis mesti cari jalan. Mungkin perlu mereka bentuk sistem ataupun kaedah untuk memerangi beberapa perkara dalam jenayah ini, mat rempit mungkin mempunyai cara yang berlainan daripada menangani jenayah yang lain. Mungkin pihak polis perlu berinovasi lagi, memerlukan

anggota yang tahu budaya mat rempit ini, boleh mendampingi mereka dan membawa mereka keluar.

Mereka pun manusia, kadang-kadang anak-anak kita yang dah terpesong ke arah ini mungkin perlu bimbingan, mungkin ada masalah yang membawa mereka ke kancah itu yang perlu kita tahu. Akan tetapi tidak ada sistem, tidak ada kajian yang khusus, saya rasa telah dibuat mengenai mereka ini. Saya rasa kalaulah pihak polis merangka sistem tertentu mungkin hasilnya berbeza.

Selain daripada mat rempit, saya pun merasa kecewa mendengar dan mengetahui beberapa kes-kes rompakan bersenjata api dan bersenjata parang dan sebagainya yang boleh menjejaskan nama baik negara kita. Di Kuching, ibu negeri Sarawak sendiri beberapa bulan lepas, rompakan berkumpul seramai 10 orang atau 8 hingga 7 orang. Mereka datang pada waktu yang tidak disangka, waktu orang nak turun ke pejabat, nak turun sekolah, nak hantar budak sekolah, mereka datang terus bawa parang, heret semua orang masuk dalam rumah dan ikat, ambil semua harta benda.

Ini berlaku dalam tahun yang lepas dan tahun ini saya rasa boleh kata tiap-tiap bulan. Pada satu ketika, dalam masa dua minggu seorang Ahli Yang Berhormat ADUN, rumahnya kena rompak dengan cara yang sama. Ada seorang penolong menteri muda di Sarawak pun pernah diikat macam itu juga. Pihak polis bukan tidak buat kerja tetapi dah buat terlalu banyak kerja tetapi kita perlu sokongan orang ramai untuk membantu polis. Apakah yang kita boleh buat untuk membantu polis? Mungkin dari segi maklumat, mungkin dari segi kita sendiri mengaturkan kampung kita ataupun taman perumahan yang kita diami itu. Mungkin kita perlu mempunyai kejiranan yang sama-sama, boleh bekerjasama.

Jadi saya perlu, rasa saya mengatakan iaitu pihak polis akan gagal jika orang ramai tidak membantu. Berapa banyak wang pun kita beri kepada polis, jenayah tidak dapat dibasmi hingga sifar dan sebagainya, tidak. Ia adalah satu *moving target*, dengan izin. Jadi saya mohon kalau dapat pihak polis selain daripada berinovasi dengan cara yang baru, membuat sistem, perlulah juga pihak-pihak rakyat itu sendiri, orang ramai itu sendiri dengan polis cari jalan macam mana kita saling bantu antara satu sama lain.

Satu lagi cara saya rasa ialah pihak NGO dan pihak swasta boleh menyumbang pada dana tertentu yang boleh dikhususkan pengendalian dan pengurusannya oleh pengamanah yang berwibawa dan bertauliah untuk memberi kokurikulum seperti Kadet Polis kah, Rakan Cop kah di sekolah-sekolah dengan lebih luas lagi. Supaya anak-anak muda dari kecil mereka akan benci dengan jenayah, mereka akan benci dadah. Mungkin *Superman* dalam komik, mungkin Kapten Marvell dalam komik yang kita lihat sekarang ini, *Spiderman* dan sebagainya, itu rekaan oleh cendekiawan barat untuk mencetuskan minda kita benci kepada yang tidak baik, yang *morally wrong* dengan izin, atau *legally wrong*.

Kita ada juga Keluang Man dan sebagainya, yang baru ini *Cicakman* tetapi itu mungkin kaedah cara kita mendekati minda anak-anak. Dari bangku sekolah lagi, mereka akan benci pada jenayah dan suka pada hero-hero yang melawan jenayah. Pihak seniman dan pihak kementerian KeKKWa pun boleh ambil peranan. Dan kita boleh kaitkan dengan polis seperti mana mereka buat dalam TV, Gerak Khas dan sebagainya. Itu baik, teruskan tapi mungkin diperluaskan di mana anak-anak sekolah, melibatkan mereka sendiri di dalam membenci jenayah. Itu satu cara.

Ada yang mengatakan pihak polis tidak ada cukup anggota, 60,000 kekurangannya. Kita letak sejuta polis pun kalau rakyat tidak membantu, tak ada hasilnya kerana yang kita tahu jenayah ini *moving target*, dengan izin. Jadi kita perlu kalau boleh cari jalan. Mungkin ada bekas-bekas askar yang saya dengar hendak diambil, diserapkan dalam polis, itu cara *short-term, major* dengan izin, baik di mana kita boleh mengurangkan kos untuk latihan dan sebagainya untuk membawa, menyerapkan mereka ini masuk ke dalam polis dan memberi sedikit induksi kepada mereka supaya mereka mempunyai pemikiran dan minda seorang polis yang dapat menjalankan tugas dengan jaya, dengan tanggungjawab, itu cara yang baik.

Akan tetapi kalau boleh diperluaskan, dipercepatkan juga pada bukan sahaja bekas-bekas askar, mungkin bekas guru sekolah pun yang sudah habis kontraknya dan sebagainya. Orang-orang dalam perkhidmatan awam yang lainnya, yang mempunyai latar belakang disiplin yang baik, yang telah menjawat jawatan yang bertanggungjawab, mereka pun boleh diserapkan.

■ 1500

Saya rasa kita tidak boleh sekat apa cara pun, kita tidak boleh sekat mengambil orang yang baik untuk diserap ke dalam pasukan polis. Di dalam Akta Polis pun, ada peruntukan mengenai pengambilan polis rizab, polis simpanan, *auxiliary police* atau polis *auxiliary*, polis tambahan.

Penting untuk diperluaskan, cara membayar mereka, mereka mengenai tugas mereka dan sebagainya. Itu mungkin dapat dikaji oleh pihak kerajaan dengan sedalam-dalamnya seperti yang saya katakan tadi, kita tidak boleh mengambil *security problem* ataupun dengan izin, masalah sekuriti, masalah keamanan ini, ringan sahaja kerana ia melibatkan kesan kepada negara.

Siapa yang akan datang ke negara kita untuk melabur, siapa akan datang ke negara kita kalau jenayah begitu tinggi. Saya tidak mahu sebut tempat-tempat mana di dunia ini. Kita sendiri boleh buat kajian. Kalau jenayah kita tinggi tidak ada siapa yang akan datang. Itu akan merugikan kita, rakyat akan merasa resah. Suasana begitu muram dalam negara kita, politik pun mungkin menjadi resah juga. Orang lempar kepada kerajaan padahal kerajaan buat sehabis-habisnya untuk kebaikan rakyat tetapi mungkin kesannya tidak menjadi kerana kaedah itu perlu ditukar. Cara kita bekerja perlu ditukarkan. Itu satu perkara yang saya ingin ketengahkan.

Jadi, pihak polis perlu penggunaan alat-alat yang canggih. Berilah mereka secanggih-canggih alat kalau boleh seperti CCTV di dalam kereta mereka, kerja yang lebih cepat dan laju, motosikal yang lebih hebat, berilah. Saya rasa itu tidak akan menjadi sia-sia.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah juga mengenai Kementerian Luar Negeri yang ada peruntukan tambahan RM46 juta. Baru-baru ini kes Pulau Batu Puteh telah kita ketahui. Saya ingin tahu, berapa banyak perbelanjaan untuk membela Pulau Batu Puteh itu? Saya rasa, mungkin perbelanjaan yang tinggi tetapi itu satu pengajaran kepada kita kerana untuk mempertahankan kedaulatan negara kita, apa jua wang pun kita mesti keluarkan, tidak kisah. Hanya, kita ambil iktibarlah daripada kisah Pulau Batu Puteh ini. Janganlah pisang berbuah dua kali. Kita minta kementerian yang berkenaan menjaga semua bukti-bukti yang menunjukkan kedaulatan kita kepada setiap inci tanah Malaysia ini. Kalaulah kita berhati-hati, tidak akan menjadi kes yang telah berlalu seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya mohon izin sampaikan satu peringatan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Saya hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya minta izin sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi Ahli-ahli Yang Berhormat telah mempersetujui usul supaya Dewan tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Saya sedia maklum bahawa sebahagian besar dari Yang Berhormat-Yang Berhormat ada majlis yang cukup penting pada petang ini. Hakikatnya saya lihat tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri hendak berucap. Saya dapat perhatikan, bagaimana apabila sudah mula berucap seolah-olah terlupa terhadap perkara tiga yang saya sebut sebelum ini.

Jadi, sekarang pilihan kepada Yang Berhormat supaya majlis yang akan diadakan itu akan dihadiri oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat atau tidak kerana Yang Berhormat telah luluskan usul supaya kita boleh teruskan sehingga pukul 12 malam.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Ada satu minit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya gulung. Terima kasih di atas panduan Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertahanan mempunyai RM157 juta tambahan kepada perbelanjaan yang lepas. Jadi, saya ingin sarankan di dalam usaha kita hendak menjaga kedaulatan negara daripada musuh atau ancaman musuh, di dalam suasana kita tidak ada menempuh apa-apa peperangan mungkin pihak Kementerian Pertahanan dapat membantu untuk menjaga dengan lebih rapi lagi setiap penjuru, setiap inci sempadan Malaysia dengan jiran-jiran seperti di Sarawak dan Sabah di mana kita mempunyai sempadan dengan Indonesia.

Kes rompakan yang saya katakan yang berlaku banyak kali di Kuching dan beberapa bandar di Sarawak ada kaitan dengan pencerobohan masuk oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Jadi saya rasa pihak pertahanan dan pihak polis haruslah bekerjasama mungkin berkongsi maklumat dan sebagainya. Dengan cara ini mungkin kita dapat membasmi rompakan

yang telah terjadi itu. Membasmi kemungkinan-kemungkinan berulangnya rompak-rompak sebegini. Ini adalah kerana, saya rasa kita terlalu terdedah. Jadi, penyeludupan senjata api dan sebagainya sudah pun dikesan, begitu juga dengan dadah dan sebagainya. Saya mintalah kerjasama kedua kementerian ini di perhebatkan dan diperhalusi sebaik-baiknya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong *Supplementary Bill 2007*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Musa.

3.09 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba pendekkan. Yang pertama tentang subsidi.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini, suka saya tambah sedikit penjelasan Yang Berhormat. Selepas rang undang-undang ini, Dewan akan mempertimbangkan dua lagi rang undang-undang. Kedua-dua rang undang-undang ini adalah berkenaan satu perkara. Perkara pencen, jika Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak banyak hendak bercakap mengenai rang undang-undang yang berikutan ini maka bolehlah Yang Berhormat panjang-panjang sedikit. Namun, kalau banyak hendak bercakap dalam hal pencen juga, maka terpaksa dihadkan masa secara sukarela kerana usul telah pun dipersetujukan tadi.

Walau bagaimanapun, peruntukan di bawah peraturan mesyuarat membolehkan saya menempohkan mesyuarat yang mana kuasa tersebut saya tidak mahulah guna tempoh pergi kepada perjumpaan yang dimaksudkan, kemudian balik semula bersidang. Saya tidak mahulah guna peruntukan itu. Terima kasih. Sila Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peringatan tersebut. Jadi, tentang subsidi, kita minta Kementerian Kewangan supaya mengawasi subsidi-subsidi ini. Kita tidak mahu, subsidi-subsidi yang diberikan misalnya beras apabila beras diberi kepada pemborong...

■ 1510

Kita tidak mahu pemborong untung besar, peruncit untung kecil. Kita juga mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri juga masuk menyiasat, jangan hanya di bandar, luar bandar, dalam kedai-kedai di kampung kena masuk lihat. Berapakah subsidi yang diberi kepada pemborong ini yang dimanfaatkan oleh peruncit dan juga pengguna?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang kita lihat pada hari ini kerajaan selalu membuat perkara *ad hoc basis*. Kita lihat dua tahun dahulu, besi dan keluli ini dengan izin, *steel bar* dan simen menjadi begitu runcing sekali. Namun begitu hari ini kita melihat bahawa kerajaan telah pun menghapuskan harga siling iaitu besi, keluli dan juga simen. Namun begitu kita hendak pelaksanaannya.

Kita lihat hari ini, walaupun besi dan keluli telah pun diumumkan pada seminggu dua dahulu, tetapi kalau kita lihat pada pelaksanaannya, kalau kita hendak import masuk besi dan

keluli ini di dalam negara kita, bahawa kastam akan mengatakan belum mendapat kelulusan daripada kementerian ataupun kelulusan daripada kerajaan. Jadi inilah kita hendak pelaksanaannya dijalankan dengan serentak. Kita tidak mahu, apabila kerajaan kata harga siling telah pun dihapuskan, maka kita menjadi lagi kelam kabut kerana kita tidak mahu pengilang-pengilang mengambil kesempatan di atas penghapusan harga siling ini dengan menaikkan harga lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi baru-baru ini di dalam ucapan saya. Tentang membahaskan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu tentang dua perkara yang saya berucap tidak pun diambil perhatian oleh Kementerian Kewangan. Saya tidak tahu, mungkin Kementerian Kewangan iaitu Menteri Kewangan tidak mahu menjawab soal ini. Namun saya lihat satu iaitu pembelian *Bank Internasional Indonesia* oleh Malayan Banking. Harganya RM86 bilion. Saya minta Kementerian Kewangan ambil perhatian. Dia ada di dalam dasar kerajaan Indonesia ini, iaitu *Sales and Purchasing Policy* atau SPP.

Semalam kita lihat, Khazanah, CIMB dan juga Lipo Bank telah menandatangani satu perjanjian, telah pun mengambil alih Lippo Bank. Kita tidak mahu, apabila ada dasar kerajaan Indonesia ini, kita telah pun beli dan mengambil alih bank dengan harga RM86 bilion. Walaupun harga buku ataupun *book value*, 45 kali ganda daripada yang kita beli. Tidak sampai pun *value* nya RM2 bilion tetapi kita telah pun membeli dengan harga RM86 bilion.

Jadi, saya hendak Kementerian Kewangan supaya mengawasi perkara-perkara ini supaya kita tidak mahu apabila Kementerian Kewangan sendiri, kerajaan sendiri suruh rakyat berjimat cermat, tetapi kita sendiri, syarikat GLC tidak mahu, menghabiskan wang ini merugikan kerajaan. Jadi biarlah, kalau kita melabur di luar negara, kita juga ada masalah dalam negara. Jikalau Malayan Banking hendak melabur di luar negara, dia kena jaga juga rakyat-rakyat di dalam ini. Jikalau ada peminjam daripada orang perseorangan ataupun daripada syarikat-syarikat, begitu susah sekali. Kita tidak mahu apabila masalah berlaku kepada Malayan Banking ini, Maybank ini di luar negara maka mereka akan mengambil kesempatan. Dia nanti caj tidak tentu pasal kepada rakyat di negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan sendiri iaitu tentang pelaburan harta tanah bumiputera ini yang diumumkan RM1 bilion. Di mana harta tanah ini, yang pelaburannya adalah untuk membangunkan bumiputera di kawasan bandar, membeli tanah, membeli rumah ataupun kedai-kedai untuk memberi peluang kepada bumiputera untuk berniaga ataupun mengambil kesempatan di dalam bandar. Kita juga ingin tahu RM1 bilion ini, berapakah yang telah pun kita belanjakan? Saya tidak mahu kerana saya mendapat tahu bahawa RM400 juta telah pun digunakan untuk membeli sebuah bangunan kepunyaan sebuah syarikat. Ini satu lagi pembaziran dan saya berharap kepada Kementerian Kewangan supaya

mengambil inisiatif tentang perkara-perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Siapa yang berdiri tadi? Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid.

3.14 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon izin untuk turut sama dalam perbahasan peruntukan tambahan ini dengan menyentuh hanya beberapa perkara sahaja.

Yang pertama, B.1 - Parlimen. Saya rasa kita semua memang berhasrat untuk memasyarakatkan Parlimen. Dalam erti kata, kita mahu dan berharap lebih ramai lagi rakyat dalam negara kita faham tentang kedudukan Parlimen, kuasa-kuasa yang ada padanya dan sebagainya.

Namun begitu, tidaklah saya rasa sampai kepada satu peringkat di mana Parlimen dan kawasannya menjadi seperti pasar ataupun menjadi seperti dewan serba guna, seperti yang terjadi baru-baru ini di mana orang boleh merayakan hari jadi, menyanyi dan sebagainya. Ahli Parlimen kita, Ahli Dewan Negara kita ada juga buat, tetapi secara kecil-kecilan sahaja di kafeteria.

Dalam hubungan ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah menjaga masalah keselamatan Parlimen ini. Pada pagi tadi, salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat ada menyebut bahawa terjadi kecurian lap top daripada Parlimen. Ini menunjukkan kawasan Parlimen ini tidak begitu terjaga ataupun tidak begitu selamat. Ada kemungkinan orang boleh menyeludup, meletakkan bom di mana-mana sahaja dalam kawasan Parlimen ini dan kejadian-kejadian yang tidak diingini boleh berlaku. Janganlah kita hanya akan bertindak apabila kejadian-kejadian tidak diingini berlaku, barulah sesuatu hendak diambil. Jadi saya rasa, terpaksa kita memberi perhatian kepada Parlimen dan kawasan-kawasan ini.

Akhir-akhir ini, kita perhatikan bahawa pelawat-pelawat yang datang ke Parlimen bertambah ramai. Dalam beberapa waktu yang lalu, saya pernah mencadangkan supaya sebuah buku berhubung dengan Parlimen dalam bentuk yang lebih mudah, barangkali lebih ringkas disediakan untuk diberi kepada pelawat-pelawat yang datang ke Parlimen ini. Termasuklah anak-anak kita yang datang dari sekolah-sekolah menengah supaya mereka juga merasa tertarik hati untuk mengetahui lebih lanjut berhubung dengan perjalanan Parlimen kita.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebutkan di sini iaitu berhubung dengan masa yang diperuntukkan kepada sidang Dewan Negara ini. Saya rasa, apalah salahnya kalau sidang seperti sidang yang ada sekarang ditambah daripada tujuh hari ditambah satu hari lagi. Saya merasakan, baru-baru ini sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, masa yang diperuntukkan hanya tiga hari untuk kita membahaskan cadangan usul ucapan terima kasih kepada Duli Tuanku kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri begitu sekali berhati-hati

mencatukan masa. Saya perhatikan, ada beberapa orang Ahli kita hanya dapat menyebut dua atau tiga perkara sahaja. Sedangkan saya percaya, mereka menyediakan banyak perkara, tetapi oleh sebab kesuntukan masa mereka tidak dapat berbuat begitu.

Jadi tidak hairanlah Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri merasakan Ahli-ahli Dewan Negara kali ini leceh belaka. Tidak ada seorang menyebut yang membangkitkan berhubung dengan Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya rasa ada. Mereka ada memasukkan dalam senarai yang hendak mereka ucapkan tentang pengangkutan, tetapi oleh sebab apa yang saya sebutkan oleh keterbatasan masa, maka mereka tidak dapat menyebutnya.

Jadi, saya rasa untuk menambahkan satu hari atau dua hari sidang, tidaklah memakan belanja yang begitu banyak. Sedangkan yang diperlukan, tambahan dalam usul yang kita bincangkan sekarang, lebih daripada RM1 juta untuk menjadi tuan rumah kepada satu persidangan parlimen dalam tahun 2007. Itu serba ringkas Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Parlimen.

■ 1520

Suka saya menyentuh berhubung dengan B.12 iaitu masalah kewangan, Perbendaharaan khususnya berhubung dengan royalti minyak. Dalam Dewan Rakyat sidang yang lepas, kalau saya tidak salah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Senator Datuk Amirsham semasa memberi jawapan kepada masalah royalti minyak dia ada menyebut bahawa telah dibayar kepada negeri Terengganu sebanyak RM4 bilion dalam masa dua, tiga tahun.

Jadi, apa yang saya hendak dapatkan penjelasan daripada Menteri Kewangan khususnya, bila disebut "telah dibayar" ertinya royalti kepada negeri Terengganu ini telah pun diserahkan balik, sedangkan di dalam waktu yang hampir sama, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu masih berharap dapat berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berbincang supaya royalti ini dikembalikan kepada negeri Terengganu. Inilah masalahnya. Adakah sebenarnya yang dimaksudkan "telah dibayar" itu dibayar dalam erti kata bahawa royalti telah pun dikembalikan kepada negeri Terengganu ataupun dalam bentuk yang macam masa digunakan perkataan "telah dibayar". Saya minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai B.44 iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang sekarang ialah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, sukalah saya menyebut sebagai tambahan kepada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin tadi iaitu pentingnya filem dalam kehidupan moden kita ini.

Saya hendak tekankan di sini peri pentingnya filem dalam usaha perpaduan di negara kita ini. Kebetulan perkara perpaduan ini telah diletakkan dalam satu kementerian yang sama dengan kebudayaan, dengan kesenian dan warisan.

Soalan saya kepada kementerian yang berkenaan apakah tidak boleh kita menggunakan filem dalam usaha kita menyatupadukan rakyat Malaysia dalam pelbagai bentuk yang difikirkan munasabah, yang menayangkan hal-hal perilaku kebudayaan, yang menayangkan hal-hal perilaku kesenian, yang menayangkan hal-hal perilaku warisan yang menunjukkan dengan jelas ada kemungkinan yang sangat besar bahawa perpaduan dalam negara kita ini dapat dipertingkatkan walaupun dalam masa yang sama kita sangat-sangat meraikan kepelbagaian.

Jadi, orang pun hendak...

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dan bersetuju di atas pandangan Yang Berhormat berhubung dengan filem boleh dijadikan alat untuk menyatupadukan kaum. Jadi, sudah tentu kita akan menerbitkan banyak lagi filem di negara ini yang dibuat dalam negara. Untuk itu tentulah galakan-galakan hendaklah diberikan kepada pembikin-pembikin filem tempatan bagi tujuan untuk menerbitkan filem.

Oleh kerana itu sekarang ini FINAS hanya diberi sebanyak RM50 juta peruntukan bagi memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan. Untuk kali ini amatlah kecil jika dibandingkan usaha kita untuk menambahkan lagi penerbitan filem dalam negara ini kerana hari ini kita hanya dapat menerbitkan kira-kira 25 buah filem. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah perlu kita ingin menambah sebanyak RM100 juta daripada Kementerian Kewangan bagi tujuan untuk memperbanyakkan lagi penerbitan filem di negara ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju ia ditambah, tetapi seperti yang diucapkan juga oleh Yang Berhormat tadi bahawa kenalah ada pasaran yang munasabah untuk pertambahan filem ini. Kalau sekarang TV-TV tempatan termasuklah ASTRO menayangkan hanya lebih kurang 45 atau 50% sahaja filem-filem, drama-drama tempatan dan sebagainya, maka untuk menambah peruntukan daripada RM50 juta kepada RM100 juta membanyakkan lagi filem-filem tempatan termasuklah filem-filem yang saya cadangkan yang berunsurkan perpaduan mestilah diubah selera penerbit-penerbit TV itu sendiri.

Saya agak terpanggil untuk menyentuh lebih lanjut hari ini iaitu berhubung dengan kecenderungan satu saluran iaitu TV3 yang mengeluarkan *in-house* filem ataupun drama sendiri sedangkan saya rasa apa salahnya kalau penerbitan-penerbitan ini diberi kepada pihak luaran yang boleh memenuhi selera kita tentang filem ataupun drama-drama yang hendak kita keluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perpaduan ini seperti yang saya katakan tadi, kita berhasrat dalam masa yang tidak berapa lama, kita telah pun menjalani atau menghayati kemerdekaan kita selama 50 tahun dan perpaduan kita pada saat-saat ini seperti yang telah

ditunjukkan baru-baru ini oleh keputusan pilihan raya amat kritikal. Kita berharap dalam masa 50 tahun yang akan datang satu keadaan yang lebih teguh yang menyatakan tentang perpaduan di negara kita. Namun kalau kita terus menerus menyanyikan lagu, meraikan kepelbagaian saya rasa barangkali kita akan mengambil masa yang lebih lama. Kemungkinan juga ia akan terjadi sebaliknya. Negara jiran kita, Indonesia yang terdiri dari pelbagai rumpun telah dapat menyatukan diri sebab itulah mereka memakai moto, *Bhineka Tunggal Ika*, ertinya berbagai-bagai tetapi satu.

Jadi, kita merasakan bahawa perlu dalam masyarakat kita ini kita meraikan kepelbagaian. Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah janganlah kita lupa kepada hasrat untuk mencapai satu perpaduan untuk kebaikan dan keharmonian hidup rakyat kita. Jadi, jangan sangat kita menyanyi dan meraikan kepelbagaian yang saya rasa tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Mengenai B.62 saya cuma hendak menyebut berhubung dengan *Visa On Arrival* atau VOA. Dalam masa persidangan ini ada dua kenyataan yang saya rasa agak bercanggah. Menjawab pertanyaan saya pihak Kementerian Dalam Negeri menyatakan bahawa cuma 12 buah negara sahaja yang layak diberikan VOA iaitu Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, China, Comoros, Hong Kong, Special Administrative Regions (SAR), India, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sri Lanka dan Taiwan, tetapi dalam satu jawapan kalau saya tidak salah dua, tiga hari yang lalu menyebut pentingnya kita memberi VOA kepada pelancong-pelancong daripada Arab Saudi. Ia satu kenyataan yang agak berlawanan.

Kedua, pada pagi ini kita diberitahu oleh kementerian yang sama bahawa daripada jumlah yang agak besar diberikan VOA terdapat lebih daripada 60 ribu pelancong yang gagal keluar dengan cara rasmi, hilang begitu sahaja tanpa dikesan sama ada bekerja, menjadi isteri orang atau suami orang atau bagaimana yang terjadi. Ia tidak dapat dikesan oleh sistem keselamatan kita.

■ 1530

Akan tetapi apabila saya bertanya, sebagai jawapan kepada kementerian yang berkenaan mengatakan daripada 1,575,950 orang pada tahun 2007, hingga 30 April 2008 seramai 508,225 orang telah diberi VOA. Kementerian ini menunjukkan bahawa keputusan kerajaan memperkenalkan VOA telah berjaya menyumbang ke arah sektor pelancongan negara khususnya dari aspek fasilitasi kemasukan pelancong. Daripada masa yang sama jawapan yang diberi kepada kita pada pagi ini menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena menyebabkan begitu ramai pelancong yang tak keluar balik ke negeri masing-masing. Jadi ini dua perkara yang saya rasa seharusnya mendapat perhatian dan penjelasan yang jelas daripada kementerian yang berkenaan.

Itu sahaja perkara yang hendak saya sebut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Wan Nordin.

3.31 ptg.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2008. Tuan Yang di-Pertua, isu pokok dalam akta ini ialah perbahasan kita di sekitar anggaran belanjawan yang dibentangkan pada September 2007 dan kelulusan yang diberikan terhadap perbelanjaan belanjawan itu dan akhirnya hari ini kita telah dikemukakan dengan satu lagi perbelanjaan tambahan. Maksudnya kita telah membelanjakan lebih daripada yang telah dipersetujui pada September 2007.

Tuan Yang di-Pertua, isu di sini ialah sama ada perbelanjaan tambahan yang dipohon ini menepati kaedah seperti mana yang diperturunkan dalam piawaian *accounting* iaitu lebih kurang tiap-tiap *variant* atau perbezaan dengan ini hendaklah dihadkan pada sekitar 10%. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk kita membentuk satu belanjawan yang tepat memanglah sukar. Kita akui bahawa kita tidak dapat mungkin menganggarkan apa yang akan berlaku selepas kita meluluskan belanjawan tersebut tetapi Tuan Yang di-Pertua untuk menjadi *prudent* dalam persediaan belanjawan yang akan datang maka kita haruslah memperakui bahawa tidak melebihi daripada 10% belanjawan yang dibentangkan. Ini terkandung dalam *budgetary control* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua yang menjadi soal pokok kita hanya meluluskan perbekalan tambahan tetapi Tuan Yang di-Pertua kita tidak dibentangkan dengan hasil-hasil kutipan pendapatan negara untuk dibahas dan mungkin kita dapat melihat secara terperinci bagaimana pendapatan negara ini dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sebelum kita hendak belanja kita mesti mengenal pasti sumber-sumber perbelanjaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang merunsingkan kita di dalam isu belanjawan ini ialah kita tidak mahu ekonomi negara ini ditakluki oleh negara-negara asing. Ini soal kita dapat pelajari apa yang berlaku di Thailand, kejatuhan Thaksin daripada pemerintahan negara Thailand dan akhir-akhir ini kita telah digembar-gemburkan dengan pembelian. Saya beberapa tahun lalu telah mengikuti bahawa Temasik telah pun membeli saham Telekom Malaysia dan baru-baru ini kita melalui Malayan Banking telah membeli saham Temasik dalam bank di Indonesia dan juga usaha-usaha bagaimana ada negara-negara asing yang sungguh menaruh minat yang begitu besar terhadap terutamanya dalam projek hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar dan ini telah meningkatkan kebimbangan kita. Kita takut, kita bimbang ekonomi kita akan 'dijajahi'. Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan ini haruslah diperjelaskan kepada rakyat supaya kebimbangan ini dapat diredakan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi masalah yang besar yang sekarang menghantui negara kita ialah gejala-gejala sosial yang termasuk jenayah-jenayah yang telah kian meningkat dan harapan kita ialah satu memperkuat daya ketahanan rakyat bagi menentang gejala-gejala ini dengan cadangan kita memperbanyakkan institusi yang dapat mempertahankan nilai

moral rakyat tak kira kaum dan agama. Umpamanya kalau orang Islam kita perkuatkan benteng keislaman kita untuk memastikan bahawa rakyat sentiasa berada di tahap yang terpelihara. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin memohon untuk menyokong rang undang-undang ini. terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Siw Chun. Kemudian Ir. Haji Zamri.

3.36 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk berbahas dan menyokong perbekalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu membentangkan Bajet 2008 pada September lalu Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengumumkan untuk meningkatkan daya tarikan negara sebagai destinasi pelancongan utama dengan memperuntukkan RM858 juta bagi pelaksanaan pelbagai program termasuk penyediaan dan peningkatan kemudahan pelancongan serta mempelbagaikan produk pelancongan. Saya akan sentuh satu sahaja perkara mengenai dengan Kementerian Pelancongan iaitu B.31.

Soalan saya adalah, apakah perancangan kementerian dan pendekatan yang akan diambil bagi meningkatkan kualiti produk pelancongan sedia ada secara berterusan serta membangunkan produk pelancongan baru bagi mendapatkan bahagian lebih besar daripada pasaran pelancongan. Industri pelancongan negara sebenarnya memang sentiasa mencatatkan prestasi baik dari segi pertumbuhan ketibaan pelancong dan pendapatan pelancongan.

Pembangunan pelancongan juga menyumbang secara positif kepada perkembangan aktiviti dalam subsektor terutamanya industri perhotelan, restoran, peruncitan dan pengangkutan. Apa yang membanggakan lagi ialah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sektor ini juga telah mewujudkan 451,000 peluang pekerjaan. Ini membuktikan bahawa industri pelancongan semakin menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan pertukaran asing dunia sekali gus menjadikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Persoalannya sejauh manakah perkembangan pelancongan yang berasaskan pertanian, kesihatan dan juga pendidikan sejak ianya dilancarkan. Berapakah bilangan pusat penggalakan pendidikan Malaysia yang di luar negara telah ditubuhkan setakat ini? sila nyatakan nama negara-negara yang berkenaan dan juga perbelanjaan pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kepelbagaian etnik, budaya dan sejarah warisan boleh dieksploitasi dan di integrasi menerusi sektor pendidikan ke arah menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Produk pendidikan antara tarikan terbaru sektor pelancongan yang mampu di manfaat sepenuhnya bagi menarik pelajar asing ke negara ini.

■1540

Saya ingin tahu dan dapat penjelasan dari pihak kementerian, setakat ini berapakah bilangan asing yang telah berdaftar dan belajar di institusi pengajian tinggi di negara kita melalui kempen-kempen yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah fungsi-fungsi Majlis Tindakan Pelancongan yang ditubuhkan di setiap negeri? Pihak manakah sebenarnya yang bertanggungjawab yang membayar gaji kepada anggota pentadbiran bermula dari pengurus besar, pegawai-pegawai dan seterusnya pentadbiran rendah. Adakah peruntukan atau bantuan kewangan yang disalurkan kepada MTPN di setiap negeri mencukupi bagi menampung ataupun membiayai gaji bagi anggota-anggota pentadbiran yang saya maksudkan, dan juga peruntukan pembiayaan program-program tahunan yang telah pun disusun atur di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan isu ini kerana perasaan dukacita saya selaku Presiden Persatuan Siam Malaysia, merangkap Yang di-Pertua Persatuan Siam Malaysia Negeri Perlis. Semasa menganjurkan Pesta Songkran peringkat negeri Perlis, bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Tuanku Raja Perlis yang ke-65, yang berlangsung selama 10 hari 10 malam, di mana penganjuran ini adalah di antara Persatuan Siam Malaysia Negeri Perlis dengan MTPN. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Pesta Songkran yang disambut pada tahun ini adalah yang paling besar dan lama dalam sejarah Malaysia, di mana ianya juga merupakan satu pesta yang amat diminati dan dapat sambutan hebat dari semua kaum, dengan tidak mengira peringkat umur, agama, bangsa, budaya dan juga bahasa.

Ini adalah satu kisah benar yang berlaku di negeri Perlis. Tuan Yang di-Pertua, apa yang mendukacitakan saya dan juga masyarakat keturunan Siam di negeri Perlis amnya, apabila pihak MTPN negeri Perlis menyatakan bahawa pihak kementerian yang diterajui oleh menteri baru ini telah mengeluarkan Pesta Songkran daripada senarai program bagi tahun 2008. Maka tidak ada peruntukan yang akan disediakan oleh pihak kerajaan bagi mengadakan pesta ini. Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi sambutan pesta Songkran bagi tahun 2007 yang telah diluluskan oleh MTPN negeri Perlis pun belum dijelaskan lagi. Saranan dari kepimpinan negeri termasuk Exco Pelancongan adalah minta supaya saya menghadap menteri baru dan pohon terus dari kementerian dan telah pun saya lakukan.

Maka saya dengan rendah diri merayu kepada pihak kementerian supaya dapat memberi perhatian dan meneliti serta memberi pertimbangan sewajarnya terhadap perkara ini. Janganlah sewenang-wenangnya mengeluarkan satu-satunya program kaum etnik minoriti Siam dari senarai program tahunan negeri yang sememangnya telah berjaya menarik pelancong dari dalam dan luar negara dan anggaplah ianya salah satu aset ataupun produk pelancongan bagi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang ingin saya kemukakan untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu ucapan atau luahan hati?

Puan Siw Chun a/p Eam: Dua-dua sekali.

3.44 ptg.

Ir. Haji Zamri Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan seluruh ahli Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang untuk turut terlibat dalam perbincangan tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008, bagi Bacaan Kali Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan tambahan yang disebutkan di sini yang lebih daripada RM17 bilion ini merupakan satu peratusan pada saya cukup tinggi untuk kita kategorikan sebagai tambahan. Seperti juga rungutan yang disebutkan oleh teman-teman yang lain tadi, kita mungkin boleh bersetuju Tuan Yang di-Pertua setelah dibentangkan secara terperinci setiap perbelanjaan. Namun kita berharap agar Kabinet dan pemerintah akan lebih berhati-hati apabila membuat perancangan dan juga pelaksanaan.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja selain daripada yang telah disentuh oleh Yang Berhormat yang lain tadi, pertamanya berkenaan dengan B.12 iaitu Kementerian Kewangan sebagai peruntukan yang terbesar. Saya melihat sebahagian perbelanjaan yang besarnya adalah untuk projek pembangunan, prasarana yang tidak boleh kita nafikan. Itu merupakan satu projek yang asas yang memang kita perlukan hampir di seluruh pelosok Malaysia. Cumanya kita yang rasa terkilan, ialah kenapa sebahagian besar projek-projek yang bernilai besar ini tidak dijalankan secara tender terbuka, walaupun ianya disebut-sebut beberapa kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang konsep tender terbuka. Akan tetapi kita melihat memang banyak bilangan tender terbuka, tetapi bagi yang berskala besar masih lagi dijalankan secara rundingan terus.

Yang mungkin niatnya juga bagus asalnya rundingan terus boleh berunding untuk kepentingan dan kebajikan rakyat untuk kepentingan kerajaan. Tetapi dalam banyak rundingan terus yang dapat kita lihat, harga yang ditawarkan adalah harga yang cukup tinggi. Oleh sebab itulah kita minta dan mohon sekali lagi, agar pihak kementerian dapat bantah kepada Dewan yang mulia ini bilangan projek-projek yang dilaksanakan secara tender terbuka, dan juga secara konsep rundingan terus berserta dengan nilai kontraknya sekali. Kerana bukan sahaja kita hendak tengok bilangan, tetapi kita hendak tengok nilai kontrak yang terdapat dalam dua-dua konsep yang dilaksanakan oleh kementerian khususnya sejak empat tahun yang terakhir ini.

Yang keduanya, berkenaan dengan Kementerian Kewangan, saya mendapat rungutan daripada kawan-kawan yang meminta, kenapa tidak dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga melaksanakan satu konsep pelaburan dan pengurusan yang boleh meniru ala Tabung Haji, yang mana pelaburan dan juga tempat-tempat yang dikeluarkan kewangan tersebut

kemudian pulangnya juga telah dibayarkan zakat membolehkan ianya lebih konvensional. Maksud konvensional bagi saya ialah, kita menghormati agama rasmi negara, jadi biarlah lebih ramai yang mendapat manfaat daripada simpanan ini, ia agar menyimpan khusus untuk dikeluarkan pada hari tua mereka ini merasa penggunaan mereka tanpa waswas.

Saya rasa sudah tiba masanya kita mohon Kementerian Kewangan pertimbangkan, kerana konsep yang sedang digunakan oleh Tabung Haji ini ternyata juga berkesan, dan memberikan pulangnya yang baik dari segi pengurusan dan juga pelaburannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Luar Negeri melalui B.13 itu, kita melihat permintaannya yang sekitar RM5 juta, perbelanjaan tersebut bagi tujuan sumbangan kepada Pertubuhan Antarabangsa. Jadi melalui Dewan yang mulia ini, kita mohon supaya keseluruhan sumbangan yang disampaikan oleh Kerajaan Malaysia melalui Wisma Putra ini sebolehnya kita perelaskan tentang di mana dibayar dan bilangan banyak mana dan apakah komitmen lagi, komitmen ke hadapan kita terhadap pertubuhan yang kita sampaikan sumbangan kita ini melalui B.13.

Sedikit tentang B.21 berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Melalui bil ini saya ingin menyebut kita mengucapkan terima kasih kepada kementerian ini, kerana telah memberikan satu komitmen untuk memberikan peruntukan bagi mengusahakan semula sawah terbiar dan juga sawah-sawah yang boleh kita tingkatkan potensinya. Secara khususnya saya sebut mengenai negeri Kedah melalui agensi kerajaan MADA yang telah disebut peruntukan RM602 juta bagi tempoh tiga tahun sehingga 2010. Disebut secara spesifik tentang jumlah bilangan pada tahun 2008 sahaja, ialah RM29 juta bagi membaik pulih kawasan-kawasan supaya sawah itu menjadi potensi dan juga sawah yang sebelum ini hanya boleh dilaksanakan mengikut musim hujan, setahun sekali dapat kita tingkatkan potensi ini. Jadi saya menyeru dan meminta agar kementerian ini dengan komitmen yang telah diberikan menunaikan janjinya, melaksanakan program ini kerana ianya kepentingan umum, kepentingan semua dan kepentingan beras negara bagi masa hadapan.

Yang berikutnya B.25 berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit tentang peraturan yang baru ini, yang disebut tentang mengehadkan penjualan petrol dan diesel di kawasan sempadan dengan negara jiran dan secara khususnya disebut di situ adalah negara Thailand dan juga Singapura. Akan tetapi yang ingin kita persoalkan, ialah kerana tidak ada ketidakseragaman pelaksanaan penguatkuasaan ini, kerana di selatannya diberikan kembali, mungkin stok tidak sampai 24 jam, tetapi dibenarkan kembali penjualannya kepada tetamu-tetamu kita dari negara selatan, tetapi di negeri utara telah dikuatkuasakan tidak dibenarkan penjualan petrol dan diesel kepada kenderaan daripada jiran-jiran kita di utara.

■1550

Jadi yang saya nak bincangkan ialah bagaimana proses penguatkuasaan ini juga kita rasakan satu perkara yang sukar, yang mungkin sukar untuk dilaksanakan kerana bagi kita, bagi saya khususnya, saya merasakan penguatkuasaan ini hanya boleh dilakukan secara bermusim sahaja. Tidak mungkin kita dapat meletakkan penguat kuasa di setiap stesen di kawasan sempadan di utara itu untuk sepanjang masa untuk mengawasi benda ini, kerana apakah jaminan kita?

Jaminan kita tentang keselamatan pengawal penguat kuasa yang kita letakkan di situ. Dia boleh berlaku dua perkara. Kemungkinan boleh berlaku dia menerima kekerasan kalau dia berkeras untuk mempertahankan undang-undang kita, dan yang keduanya mungkin juga dia terbuka ruang kepada rasuah sekiranya mereka amat memerlukan untuk mendapatkan bekalan diesel dan petrol tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon melalui perbincangan ini, memohon kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna cuba supaya mempertimbangkan balik tentang kaedah, carilah mekanisme yang terbaik kerana kita melihat melalui statistik yang dibentangkan oleh Kementerian Pelancongan, antara negara yang menyumbang kedatangan yang paling ramai juga adalah daripada negara utara kita iaitu dari Thailand.

Ini merupakan tetamu kita, biarlah kita mencari mekanisme yang terbaik yang kita tidak menghalang pelancong-pelancong untuk masuk ke Malaysia dari utara. Dalam masa yang sama juga kita memang mengawal keperluan barangan yang telah kita berikan subsidi dan peruntukan yang terbaik untuk rakyat Malaysia. Ini juga dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Dalam kes ini juga saya nampak beberapa laporan sebelum ini tentang tangkapan kepada penyeludupan. Baik daripada jalan darat mahupun jalan laut yang berlaku di kawasan utara. Jadi saya nak minta dan mohon kerjasama daripada kementerian supaya penguatkuasaan ini lebih diberikan tumpuan kepada penyeludupan ini yang kuantitinya besar, yang tujuannya perniagaan, tujuannya mencari untung.

Biar mereka inilah yang sebaiknya dan sepatutnya menerima balasan dan tekanan dalam kes ini, berbanding dengan pelancong dan tetamu kita yang datang mungkin sekadar untuk menziarahi keluarga mereka yang sangat berjiran ini, yang kita rasakan perlu diberikan ruang dan peluang untuk memberikan mereka melihat Malaysia, supaya mereka lebih gemar untuk datang ke Malaysia ini. Jadi maksud saya itulah, biarlah kita tumpukan kepada penyeludupan yang mengaut untung daripada hasil minyak kita ini berbanding dengan pelancong yang hadir daripada utara ini.

Dalam kaitan kes ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bawa juga satu perbincangan tentang perkataan 'subsidi' ini, yang saya tengok bila dibincangkan oleh kementerian-kementerian, khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan

juga lain-lain yang banyak menggunakan perkataan subsidi. Peruntukan, subsidi tapi hasilnya adalah perbelanjaan. Cuma yang saya lihat bila setiap kali disebutkan peruntukan itu berkait kepada pembangunan, berkait kepada hal-hal yang lain, disebut sebagai peruntukan. Akan tetapi bila perbelanjaan itu berkait secara langsung kepada kepentingan rakyat, selalu disebut subsidi.

Ini mungkin boleh kita pertimbangkan balik apakah benar perkataan itu digunakan dengan tepat, supaya kita tidak dilihat bahawa rakyat kita ini dalam keadaan sentiasa memintaminta. Yang dibagi kepada rakyat adalah subsidi, yang dibelanjakan yang lain adalah peruntukan. Jadi biarlah penggunaannya lebih baik dan kita tidak dilihat sebagai sebuah negara yang rakyatnya hanya menunggu untuk mendapat subsidi, sedangkan rakyat inilah sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara.

Jadi saya juga sekali memohon supaya setiap kali bila kita sebut tentang perbelanjaan negara khususnya yang berkaitan dengan perbelanjaan, peruntukan untuk kegunaan minyak petrol dan diesel dalam negara kita, biarlah kementerian juga turut menyebut keuntungan yang diperoleh oleh Petronas. Bila kita sebut kenaikan harga minyak antarabangsa, kita akan menyebut "perbelanjaan yang perlu diperuntukkan oleh kerajaan untuk menampung kegunaan minyak tempatan". Akan tetapi dalam masa yang sama juga seharusnya kita juga menyebut "dengan kenaikan harga minyak antarabangsa ini juga menyumbang pada pendapatan negara melalui Petronas dan juga royalti yang dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Malaysia".

Jadi, berikutnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan B.27 – Kementerian Kerja Raya sebagai satu lagi kementerian yang juga memohon tambahan sebanyak lebih daripada RM76 juta untuk menampung penambahan perbelanjaan berikutan perubahan kadar penyelenggaraan jalan Persekutuan di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Jadi sekali lagi kepada Kementerian Kerja Raya ini juga kita ingin mengingatkan supaya mengamalkan konsep yang terbaik, konsep tender terbuka supaya kita dapat harga yang kompetitif, supaya lebih ramai kontraktor kita boleh terlibat berbanding dengan mereka yang hanya mempunyai rekod kewangan ataupun rekod kenalan untuk mendapatkan konsep rundingan terus, yang akhirnya kita terpaksa membelanjakan belanja yang lebih besar.

Jadi tentang perkara yang keenam Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Pelancongan, B.31. Melalui Tourism Malaysia ini saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, walaupun tadi ada sedikit masalah di Perlis tetapi komitmen yang kita baru terima daripada Kementerian Pelancongan bahawa mereka akan meneruskan program pelancongan di negeri Kedah yang dianggarkan projeknya bernilai RM60 juta, dan komitmen itu disebut akan diteruskan. Sebahagian projek telah pun berjalan dan ada lagi sembilan yang akan dilaksanakan untuk tahun ini.

Kita mengharapkan komitmen ini diberikan terus, kerjasama ini dieratkan walaupun apabila Tourism Malaysia membatalkan atau menghantar surat secara rasmi memberhentikan

kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah, maka kita pun menubuhkan Tourism Kedah. Akan tetapi sekarang dengan perkembangan terbaru, maka kita telah mengadakan kerjasama, perbincangan antara Tourism Malaysia dan Tourism Kedah dan insya-Allah kita mengharapkan komitmen ini diteruskan supaya sekali lagi kepentingan umum, kepentingan rakyat negeri Kedah secara khusus dan juga rakyat Malaysia dan juga pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dapat kita berikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka.

Jadi dengan beberapa perkara, perbincangan yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Dato' Vijayaratnam, nak bercakap? Sebab Yang Berhormat gerak tak, duduk bangun, duduk bangun...

3.57 ptg.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...Yang terakhir. Jadi adakah saya boleh fahamkan bahawa yang akan berucap yang terakhir ialah Dato' Vijayaratnam. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah sedia untuk menjawab dan menggulung.

Puan GK Loga Chitra: [*Bangun*]

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat Loga Chitra selepas Dato' Vijayaratnam, ya.

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara berbangkit dengan satu atau dua kementerian sahaja. Nombor satu ialah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, yang minta wang sebanyak RM175.2 juta, bagi pembayaran emolumen dan sebagainya. Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah ini adalah satu permintaan yang wajar dan perlu oleh kerana kita harus menghargai sumbangan yang diberi oleh Pihak Polis Diraja Malaysia, ialah sebagai salah satu badan penguat kuasa undang-undang untuk menjaga keselamatan negara, ketenteraman dan keamanan awam, dan kita juga menghargai kesusahan, risiko dan pengorbanan yang dijalankan oleh pihak polis.

Misalnya, kita nampak polis trafik kita masa hujan, masa panas waktu tengah hari, mereka terus bertugas, bernafas atau menyedut asap dan habuk di jalan raya. Oleh kerana demikian Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengalu-alukan kertas cadangan Skim Perkhidmatan PDRM yang telah dikemukakan kepada JPA, dan di antara perkara-perkara yang diminta oleh pihak polis ialah latihan dan kemajuan kerjaya, penstrukturan semula pangkat dan gred dan skil gaji baru berdasarkan kepada skop dan penghuraian tugas.

■ **1600**

Ini adalah sebagai pengiktirafan kepada jasa dan bakti PDRM mengekalkan keamanan dan keselamatan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya harap Polis Diraja Malaysia akan menjalankan tugasnya dengan menghormati kepentingan dan hak-hak orang awam, khususnya hak asasi manusia. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita pun

sudah dengar satu kelakuan di Bandar Mahkota Cheras di mana kita faham satu jalan akses ataupun *access road*, dengan izin, telah dibina oleh pemaju dari taman perumahan Bandar Mahkota Cheras ke jalan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kajang.

Apabila jalan itu dibina, pihak *concessionaire* dari Grand Saga pun membina satu dinding untuk melarang kenderaan jalan di situ. Selepas itu dinding itu pun dirobohkan oleh penduduk-penduduk, dibina balik oleh pihak *concessionaire* dan dirobohkan balik oleh dua, tiga, empat kali dan keadaan di situ pun telah menjadi sesuatu yang kurang baik.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, suasana pun dijejaskan oleh emosi. Mengikut kenyataan selepas siasatan awal ataupun *initial investigation*, dengan izin, oleh SUHAKAM iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, sebuah kereta swasta dengan tiga atau empat penumpang dikatakan diserang lebih daripada 20 anggota FRU. Gambar videonya pun disiarkan melalui laman web. Ada juga penumpang-penumpang dan pemandu kereta tersebut dcederakan.

Tuan Yang di-Pertua, tugas pihak polis adalah menjaga dan melindungi rakyat. Mungkin apa yang berlaku di Cheras baru-baru ini boleh jadi insiden terpencil ataupun *isolated incident*, dengan izin, tetapi ia dikecewakan dan merosakkan imej kerajaan. Perasaan-perasaan yang timbul akan ditunjuk semasa pilihan raya. Saya ingin mengambil kesempatan ini merayu kepada pihak polis agar bersabar dan mengawal emosi-emosi sendiri apabila menghadapi situasi-situasi macam tersebut. Jika pihak polis melakukan kesengitan, itu sesuatu yang kita tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pihak polis juga dan memandangkan peningkatan jenayah di negara, saya juga ingin merayu kepada pihak kerajaan, kalau boleh, menambah lagi bilangan anggota-anggota polis. Buat masa sekarang nampaknya kurang anggota polis di beberapa tempat. Pada suatu ketika dulu kita boleh nampak perondaan polis berjalan kaki atau dipanggil *police beat*, dengan izin, di jalan-jalan di bandar dan di kampung-kampung juga, tetapi masa sekarang saya kurang nampak polis ronda jalan kaki.

Kita hanya boleh nampak pondok polis di tempat-tempat tertentu dan kereta ronda atau *patrol car* sahaja, dengan izin. Akan tetapi saya rasa lebih berkesan kalau *police beat* tersebut atau ronda berjalan kaki, satu pasang sahaja di tempat-tempat tertentu, khususnya terutama sekali di kawasan-kawasan perlakuan jenayah yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi perkara iaitu yang dihuraikan oleh ramai rakan-rakan di Parlimen iaitu tentang subsidi minyak dan macam dikatakan tadi oleh sahabat saya, Ir. Haji Zamri. Saya berasa langkah yang diambil oleh kerajaan iaitu melarang kereta-kereta dari Thailand dan Singapura, dilarang mereka isi minyak di dalam radius 50 kilometer.

Ini satu langkah yang baik di atas kertas tetapi sangat susah, Tuan Yang di-Pertua, untuk menguatkuasakannya. Bukankah lebih baik kalau kita melaksanakan satu caj levi untuk kereta-kereta yang bukan masuk – masuk boleh dengan percuma tetapi apabila dia keluar di

sempadan, bila dia balik ke Singapura, balik ke Thailand, kita boleh caj satu levi, fi. Terpulang kepada berapa hari kereta ada di negara kita. Ini dijalankan oleh Kerajaan Singapura.

Mengapa kita tidak boleh jalankan caj levi ini. Ini lebih berkesan, senang dilaksanakan dan mereka bayar. Kutipan wang itu untuk kerajaan kita dan bukan sahaja untuk petrol yang bersubsidi dijual di sini tetapi untuk cukai jalan juga mereka gunakan jalan kita, mereka gunakan lampu jalan kita. Saya percaya ini satu langkah yang lebih berkesan untuk menghadapi masalah ini, masalah kereta-kereta asing membeli minyak yang bersubsidi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara-perkara yang saya ingin sentuh dan dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Puan Loga Chitra.

4.08 ptg.

Puan GK Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007(2008). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan perbekalan tambahan bagi Kementerian Luar Negeri. Dalam Lampiran Akta - nota penjelasan, Perkara 4(2) di mana permintaan untuk menampung kenaikan sewa *chancery* kediaman rasmi ketua perwakilan di luar negara, saya ingin berkongsi sedikit pengalaman saya semasa saya berada di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada tahun 2007.

Saya dapati bahawa bangunan misi tetap Malaysia adalah milik Kerajaan Malaysia. Saya rasa bangga kerana bangunan tersebut terletak di satu kawasan yang elit di New York, berhampiran dengan bangunan Bangsa-bangsa Bersatu. Kementerian Luar Negeri harus berusaha untuk membeli aset seperti itu di luar negara.

Bila kita memberi tumpuan kepada perbelanjaan tambahan sebanyak RM11 juta untuk menampung kenaikan sewa kediaman rasmi ketua perwakilan, saya ingin menyarankan di sini perkara ini dikaji semula dari sudut perlukah membeli ataupun menyewa dan memberikan pertimbangan yang sewajarnya sebelum membuat apa-apa keputusan bagi membeli kediaman rasmi bagi perwakilan kami di luar negara.

■1610

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Perkara B.31 iaitu Perbekalan Tambahan bagi Kementerian Pelancongan iaitu sebanyak RM10 juta. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pelancongan kerana berjaya mencatatkan kedatangan pelancong pada tahun 2007 seramai lebih 20 juta orang yang telah memberi pulangan sebanyak RM44 bilion. Sektor ini seharusnya diberikan perhatian kerana bukan sahaja dapat menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negeri tetapi dapat memberikan peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan sekali gus dapat menaikkan imej negara.

Saya ingin menyarankan supaya kalendar pelancongan dapat mengambil kira promosi untuk mempopularkan kawasan seperti Lebu Ampang dan Brickfields di Kuala Lumpur, kerana

kawasan-kawasan ini memang terkenal dengan produk, makanan, pakaian, aksesori wanita, muzik, komuniti India. Pakej-pakej khasnya perlu digubal oleh agensi pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong ke kawasan-kawasan ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana sekarang Kementerian Pelancongan telah dipimpin oleh seorang wanita. Saya memohon bahawa infrastruktur berkaitan dengan pelancongan khasnya kemudahan tandas, kadar bilik, kos cenderamata dan perkhidmatan diberi perhatian dan kalaulah pelancong-pelancong puas hati dengan layanan yang diberi di Malaysia mereka sendiri akan menjadi duta kecil kami untuk membawa lebih ramai pelancong.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Bekalan B.42 iaitu Bekalan Tambahan bagi Kementerian Kesihatan yang telah memohon sebanyak RM200 juta. Sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Gooi semalam di Dewan yang mulia ini tetapi saya ingin menyentuh serba sedikit tentang peningkatan kos yang begitu tinggi dalam bidang perubatan yang sangat kita bimbang. Kerajaan perlu mengambil perhatian terhadap caj bayaran yang tinggi yang dikenakan oleh hospital swasta. Bayaran yang tinggi tidak sama sekali membantu golongan berpendapatan rendah sederhana. Kadangkala ada golongan miskin terpaksa pergi ke hospital swasta kerana sebab-sebab yang tertentu kemungkinan kerana tidak ada doktor-doktor pakar di hospital kerajaan.

Kementerian Kesihatan perlulah mewujudkan satu mekanisme di mana dapat mengawal harga yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh hospital swasta dan juga memastikan bahawa kesemua rakyat mampu mendapatkan perkhidmatan yang saksama dan juga ada keseragaman di dalam bil dan caj kesihatan.

Perkara yang seterusnya ialah Bekalan B.7 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam di mana lebih RM22 juta adalah untuk menampung kenaikan kadar biasiswa dan juga pertambahan bilangan biasiswa. Diharapkan bahawa kerajaan akan mengambil insentif untuk menambah bilangan penajaan kepada semua pelajar cemerlang tanpa mengira kaum kerana pelajar-pelajar cemerlang adalah aset negara dan adalah elemen yang penting sebagai pembangunan modal insan untuk mencapai misi negara, kerana baru-baru ini kita mendapati bahawa ada banyak pelajar-pelajar yang telah mendapat kelulusan cemerlang tetapi tidak mendapat kemudahan biasiswa. Di sini saya sangat mengharapkan bahawa perkara ini akan diberikan perhatian yang serius. Akhir kata saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2007/2008. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali mengucapkan terima kasih kepada lebih dari 10 orang Ahli Yang Berhormat yang

telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007/2008 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan di dalam Rang Undang-undang tersebut. Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh Perbekalan Tambahan yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan isu mengenai peruntukan tambahan yang tinggi dan prinsip pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya maklumkan di sini bahawa kerajaan sememangnya mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap, berkesan dan berhemah. Segala perbelanjaan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen dan mematuhi segala perundangan dan peraturan yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini suka saya memaklumkan di sini bahawa kerajaan mengamalkan prinsip defisit perbelanjaan pada paras yang terkawal iaitu 3.2% pada tahun 2007 dan 3.1% pada tahun 2008. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan tambahan ini sebanyak RM18.016 bilion tidak memberi sebarang kesan kepada defisit 3.2% GTP pada tahun 2007. Peruntukan yang diluluskan dalam tahun 2007 termasuk tambahan yang pertama adalah RM124.5 bilion untuk belanja mengurus dan RM45.6 bilion untuk belanja pembangunan. Manakala perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus ialah RM123.1 bilion atau 99% dari bajet yang diluluskan.

Jadi itu ada satu *shortfall* dan perbelanjaan sebenar pembangunan ialah RM40.6 bilion atau 89% dari yang diluluskan, itu juga satu *shortfall* dari jumlah bajet yang diluluskan.

Maka adalah jelas bahawa kerajaan tidak berbelanja lebih daripada peruntukan keseluruhan yang diluluskan. Tambahan belanja mengurus yang dipohon pada kali ini iaitu sebanyak RM18.016 bilion merupakan satu jumlah yang besar. Walau bagaimanapun sebilangan besar daripada jumlah tersebut iaitu RM16.6 bilion merupakan pindaan lebihan hasil iaitu jumlah hasil tolak perbelanjaan mengurus kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Pindaan hasil ini bukan merupakan permohonan peruntukan tambahan tetapi merupakan sebahagian daripada pembiayaan bagi perbelanjaan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di bawah Bajet 2007. Dengan demikian peruntukan tambahan sebenar yang dipohon ialah RM1.215 bilion di mana RM471 juta daripada jumlah itu merupakan perbelanjaan tanggungan. Maka hanya bakinya sebanyak RM744 juta merupakan tambahan di bawah bekalan iaitu hanya lebih kurang 0.5% sahaja daripada jumlah peruntukan tahun 2007 dan bukan seperti apa yang disebut Yang Berhormat 30% melebihi apa yang dibajetkan.

■ 1620

Saya harap penerangan ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai permohonan tambahan ini. Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin juga membangkitkan isu mengenai perkhidmatan kesihatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang telah...

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat, pohon laluan. Penjelasan yang saya inginkan, telah pun dijelaskan. Semalam saya menganalisis perbelanjaan ini dan ia sebenarnya bukan perbelanjaan tambahan. Saya sedia maklum. Jadi apa yang saya pinta daripada Kementerian Kewangan supaya salah faham itu tidak timbul lagi. Bermakna dalam kertas perintah mungkin satu tambahan yang menggariskan, memberi maklumat yang sewajarnya, bukan sahaja di Dewan yang mulia ini, di Dewan Rakyat supaya orang tidak memainkan. Agar ditunjukkan hasil anggaran yang semalam telah saya rujuk kepada Bank Negara. Jadi jelas bahawa Kementerian Kewangan memang menepati sasaran dan tujuan, dan objektif perbelanjaan yang ditunjukkan.

Jadi itu adalah pohon dari Kementerian Kewangan supaya cara lama itu ditambah baikkan supaya satu kertas lain di sebelah. Tak payah, semalam saya rujuk sini, rujuk dan tak dapat angka yang sebenarnya bahawa sebenarnya RM744 juta sahaja perbelanjaan tambahan. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin. Sebenarnya saya juga faham bahawa Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin adalah pakar iaitu ejen selama ini. Saya sebenarnya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin kekeliruan yang timbul oleh kerana cara bajet tambahan ini dibentangkan, tetapi kita tidak ada pilihan yang lain kerana dalam Perlembagaan Negara kita yang di mana kita perlu membentangkan perkara ini. Kalau kita hendak ambil wang dari *consolidated fund* iaitu Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan-perbelanjaan seperti perbelanjaan pembangunan dan sebagainya. Sebenarnya pada mula-mula saya menjadi Ahli Parlimen, saya juga keliru. Mengapa setiap kali kita meminta begitu banyak bajet tambahan, sebenarnya itu tidak benar, tetapi ini sahaja untuk mematuhi Perlembagaan Negara kita yang ada pada masa sekarang.

Jadi saya harap kita semua dimaklumkan berkenaan dengan perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, berkenaan dengan kesihatan di antara langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah pengisian jawatan pegawai perubatan klinik luar bandar yang mengalami ketiadaan pegawai perubatan, kekurangan pegawai perubatan di Sabah dan Sarawak, dan penghijrahan pegawai perubatan ke sektor swasta ialah:

- (i) menambah bilangan tempat dalam melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang kepakaran;
- (ii) bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warga negara Malaysia yang berkepakaran yang bekerja

di luar negara pulang ke Malaysia untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan di hospital-hospital kerajaan;

- (iii) menggunakan khidmat pegawai perubatan pakar dari hospital swasta untuk bertugas di hospital-hospital kerajaan secara *seasonal* ;
- (iv) menambah baik firma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai perubatan dengan mewujudkan berbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik dan memperkenalkan lokum dan *full paying patient* serta elaun-elaun, insentif-insentif yang lebih menarik kepada pegawai perubatan; dan
- (v) mengambil pakar-pakar dalam bidang yang kritikal daripada luar negara.

Berkenaan isu 29% jawatan jururawat yang masih belum diisi, kementerian telah memulakan pengambilan jururawat kontrak dari luar negara, bermula pada tahun 2008. Kumpulan pertama jururawat kontrak ini akan berkhidmat di *facilities* kesihatan di seluruh negara. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menambah baik perkhidmatan dan pembangunan kerjaya pegawai perubatan bagi menarik dan mengekalkan mereka untuk bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Antaranya mulai tahun 2008, Kementerian Kesihatan telah bersetuju untuk mempercepatkan proses kenaikan pangkat pegawai perubatan selepas dua tahun *housemanship* setelah pegawai memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan.

Bagi perkhidmatan jururawat pula, kementerian telah memperkenalkan Skim Perkhidmatan Bersepadu yang membolehkan jururawat di negara ini menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam kumpulan pengurusan dalam profesional sehingga ke gred tertinggi. Kerajaan menerusi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan amat prihatin mengenai perlunya diwujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan yang bersesuaian untuk negara termasuklah cadangan mewujudkan insurans kesihatan nasional. Pelbagai model termasuk pengalaman luar negara telah diteliti oleh pihak kerajaan. Perancangan sistem ini juga telah mengambil kira kajian yang telah dikomersialkan oleh kerajaan sehingga kini dan juga input serta maklum balas dari pelbagai pihak termasuklah dari sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan.

Kerajaan juga mendapatkan khidmat pakar perunding bagi mengkaji secara terperinci mengenai pelbagai aspek berkaitan dengan mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini. Butir-butir terperinci mekanisme pembiayaan kesihatan negara tersebut termasuk tarikh pelaksanaan masih belum dimuktamadkan lagi.

Kerajaan menyedari bahawa terdapat berbagai-bagai implikasi atau halangan yang mungkin timbul akibat pelaksanaan mekanisme pembiayaan kesihatan negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan insurans kesihatan negara ini perlulah dilakukan dengan amat berhati-hati agar pelaksanaannya dibuat dengan teliti, kemas dan licin serta dapat diterima oleh semua

golongan rakyat. Beberapa implikasi perlu diambil kira yang meliputi aspek kesaksamaan dan kebolehcapaian terhadap liputan rawatan kesihatan yang menyeluruh. Kualiti perkhidmatan kos kepada rakyat, kerajaan dan majikan serta lain-lain impak mikro ekonomi yang berkaitan. Jadi bagi melaksanakan skim ini, kerajaan sedia mendengar pandangan dari pelbagai pihak.

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam berkenaan pengambilan ataupun penambahan anggota polis, sambutan yang diterima amatlah menggalakkan di mana permohonan yang diterima mencecah 16,000 hingga 35,000 bagi setiap kategori jawatan yang diiklankan. Sememangnya PDRM berusaha untuk mencapai sasaran ini dengan membuka pusat-pusat latihan yang baru supaya pelantikan calon-calon boleh dibuat dengan lebih ramai dan pusat-pusat latihan baru itu adalah di Langkawi, Kedah, di Bukit Beruntung, Selangor dan di Hulu Kinta, Perak.

■ 1630

Berkaitan dengan kepelbagaian kaum dalam pengambilan anggota polis. Jadi PDRM sememangnya mengamalkan pengambilan pelbagai kaum bagi setiap *exercise* yang diadakan. Permohonan dari bangsa Cina dan India masih berkurangan tetapi PDRM memberi keutamaan melatih mereka ini apabila mereka lulus dalam temu duga pengambilan dan semua pemohon dan calon mestilah memenuhi syarat kelayakan sebelum layak dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi yang membangkitkan banyak perkara yang merangkumi banyak kementerian juga.

Jadi berkenaan dengan Parlimen. Perkhidmatan doktor wanita di klinik di Parlimen. Jadi pihak Parlimen akan membincangkan perkara ini dengan pihak HKL sama ada ia boleh dilaksanakan pada masa yang ditetapkan.

Berkenaan dengan pemasangan CCTV. Kerajaan dalam perancangan untuk memasang dan menambah CCTV di seluruh kawasan Parlimen khususnya yang melibatkan pengawasan di perimeter untuk memudahkan tindakan mengesan dan mencegah pencerobohan di dalam kawasan dan bangunan Parlimen.

Berkenaan dengan susun atur kedudukan senator khasnya bagi wanita memudahkan mereka keluar masuk. Jadi Dewan akan mengkaji cadangan Yang Berhormat tentang perkara tersebut.

Berkenaan dengan penyediaan Hansard dengan kadar yang lebih segera. Untuk makluman Yang Berhormat, pengurusan Parlimen telah membangunkan sistem *Multimedia Indexing of Minute* atau MIM. Sistem ini telah banyak membantu mempercepatkan pengeluaran Hansard berbanding dengan masa lalu. Namun penambahbaikan akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kualiti penyediaan Hansard termasuk aspek sumber manusia apabila diperlukan.

Berkenaan dengan perkhidmatan orang ramai terhadap sistem Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit atau AKPK oleh Bank Negara. AKPK yang ditubuhkan ataupun dalam bahasa Inggeris *link*, yang ditubuhkan oleh Bank Negara pada tahun 2006 telah membuka tiga cawangan baru iaitu di melaka, Ipoh dan Kuantan pada tahun 2007. Selain pejabat wilayah sedia ada yang terletak di kelima-lima cawangan Bank Negara Malaysia dan dengan itu mengembangkan perkhidmatan kepada segmen penduduk Malaysia yang lebih luas. Pada akhir tahun 2007 hampir 50 ribu pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan AKPK.

Daripada jumlah ini lebih daripada 5,000 individu yang mempunyai hutang berjumlah RM478 juta telah menerima khidmat nasihat di bawah program pengurusan hutang AKPK. Selaras dengan mandatnya, agensi ini juga terus menyumbang ke arah peningkatan pendidikan kewangan di Malaysia sebagai langkah awal untuk menggalakkan pengurusan kewangan yang berhemah.

Pada tahun ini modul tentang pengurusan kewangan peribadi untuk diajar di universiti-universiti awam telah dihasilkan oleh AKPK untuk menyediakan golongan siswazah berdepan dengan cabaran menguruskan kewangan mereka dengan bijaksana pada permulaan kerjaya mereka.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membantu memperkenalkan AKPK kepada orang ramai khasnya mereka yang mempunyai masalah kewangan seperti mereka yang susah dapat pinjaman ataupun mengatur semula pemulangan hutang bank, *returning of loan repayment from the bank* dengan izin, dan banyak-banyak perkara yang lain supaya lebih ramai lagi penduduk dapat perkhidmatan dari AKPK.

Berkenaan dengan taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara, berkaitan dengan peranan Ahli Yang Berhormat dan tentang peruntukkan-peruntukkan perundangan berkaitan dengan perjalanan Parlimen sebelum sesuatu penggal bermula.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, satu sesi taklimat mengenai tatacara persidangan Dewan Rakyat telah disediakan untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat Parlimen pada 3 April tahun ini. Ahli-ahli Yang Berhormat turut dibekalkan maklumat terperinci melalui *e-Book*. Begitu juga Ahli Dewan Negara yang dilantik selepas tarikh Pilihan Raya Umum Ke-12 juga akan dibekalkan dengan *e-Book* tersebut. Kerajaan turut mengambil maklum mengenai cadangan mengadakan kursus untuk Ahli-ahli Parlimen dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Berkenaan dengan masalah kekurangan jururawat di hospital dan cadangan untuk mengadakan lebih institusi latihan jururawat. Jadi pada masa ini, sememangnya Kementerian Kesihatan telah mempunyai 14 buah Kolej Kejururawatan dan khas melatih jururawat-jururawat di negara ini. Selain itu di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, kemudian juga menawarkan program kejururawatan di tiga buah kolej di Sungai Buloh, Kuching dan Kota Kinabalu.

Selain daripada itu Kementerian juga telah melaksanakan program *outsourcing* jururawat di kolej-kolej latihan kejururawatan swasta bagi memenuhi keperluan ini.

Berkenaan dengan keanggotaan RELA yang bukan warganegara Malaysia. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, syarat untuk menganggotai pasukan RELA adalah semestinya warganegara Malaysia dan individu yang bukan warganegara Malaysia tidak layak menganggotai pasukan RELA.

Berkenaan dengan bayaran zakat oleh Amanah Raya Berhad dari tahun 2000 ke tahun 2007. Jawapannya ialah jumlah zakat yang dibayar adalah mulai:

TAHUN	JUMLAH ZAKAT (RM)
2003	31,642
2004	25,207
2005	276,462
2006	935,026
2007	563,210

Zakat Amanah Raya Berhad ini semua dibayar di peringkat Persekutuan sahaja.

■1640

Berkenaan dengan perkhidmatan teksi daripada Parlimen. Setakat ini tiada masalah untuk mendapatkan perkhidmatan teksi. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan untuk mendapatkan perkhidmatan teksi boleh diperolehi di kaunter pegawai blok utara Parlimen.

Berkenaan dengan cadangan tatacara pemilihan Ahli Dewan Negara dibuat melalui proses pilihan raya, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini belum ada cadangan untuk mengadakan proses pilihan raya untuk memilih Ahli Dewan Negara walaupun kita ada peruntukan dalam perlembagaan untuk berbuat demikian.

Berkenaan dengan pengeluaran makanan ternakan yang masalahnya ialah timbulnya isu halal. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 56 buah syarikat yang mengeluarkan palet makanan ternakan dan kaedah pengeluaran makanan palet mesti mematuhi piawaian halal.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang sama berkenaan dengan Ladang Merdeka di Kelantan, jadi untuk makluman Yang Berhormat, keluasan Ladang Merdeka di Kelantan ialah 800 hektar dan purata hasil keluaran di Ladang Merdeka di Kelantan ialah 5.5 tan metrik sehektar.

Cadangan supaya seksyen 7 dan 8 atau Undang-undang Sivil 1956 dipinda bagi mengambil kira umur persaraan yang telah dinaikkan ke 58 tahun, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengambil makluman tentang perkara ini dan akan mengkaji perkara ini.

Berkenaan dengan perkara Kementerian Pertanian menjalankan kerjasama dengan Jabatan Agama bagi menyediakan penerangan kepada pesawah-pesawah mengeluarkan zakat agar mendapat hasil yang berkat, jadi untuk makluman Yang Berhormat, sejak sekian lama Jabatan Agama telah menyediakan pegawai bagi menjalankan kerja-kerja mengutip zakat di

kawasan jelapang padi di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ataupun MADA di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan penyediaan oleh Majlis Agama Islam Kedah untuk MADA ini. Saya hendak tanya bagaimana negeri-negeri lain kalau di Kedah sudah ada pegawai ini, Alhamdulillah. Bagaimanakah dengan negeri-negeri lain? Adakah dibuat penyeliaan yang sama?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingat untuk perkara ini, kita akan ambil perhatian dan menyampaikan cadangan itu kepada pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat yang mencadangkan mengenai Kementerian Kesihatan tentang perubatan rawatan tradisional dan *complementary, there is traditional and complementary medicine*. Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama WIPO iaitu My Intellectual Properties Organization Malaysia sedang berusaha untuk mengadakan sistem digital dan dapat menyimpan dan melindungi harta intelek pengetahuan rawatan TCM, iaitu *Traditional Complementary Medicine*.

Projek tersebut dijangka mengambil masa dua hingga empat tahun dan tujuan perlindungan harta intelek atau pelan rawatan tersebut adalah penting untuk melindungi pengetahuan nenek moyang daripada ancaman rompakan luar negara.

Sementara menunggu kelulusan *Traditional and Complementary Healthcare & Practices Bill*, Kementerian Kesihatan telah berusaha untuk mewujudkan sistem pelarasan, pelajaran dan amalan *standard and quality* (TCM), sistem pendaftaran amalan dan kaji selidik, *it's research registration and practice* di bawah bahagian TCM Kementerian Kesihatan Malaysia yang selaras dengan dasar TCM negara untuk memastikan kualiti rawatan TCM.

Berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, adakah ia akan mewujudkan Lembaga Pemantau Rawatan TCM di peringkat kebangsaan dan memperluaskannya ke peringkat negeri-negeri, untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang menjaga kesihatan tradisional dan *complementary* akan diwartakan tidak lama lagi. Di dalam rang Undang-undang itu, sebuah majlis akan ditubuhkan dengan wakil dari tujuh badan pengamal yang diiktiraf dan wakil yang bersesuaian dari Kementerian Kesihatan.

Majlis atau TCM Council ini akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan ahli-ahli Majlis akan bersidang untuk membincangkan masalah salah laku atau aduan terhadap pengamal TCM. Kesemua badan pengamal yang tidak akan mempunyai wakil dilantik di setiap negeri untuk memantau perkhidmatan yang diberikan oleh pengamal TCM.

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat yang sama berkenaan dengan peluang pekerjaan bagi mereka yang lulus dari ASWARA, untuk makluman Yang Berhormat, ASWARA tidak menghadapi masalah graduan menganggur kerana graduan filem dan video ASWARA telah dilengkapi dengan ilmu kemahiran dan kepakaran yang dikehendaki oleh industri. Mereka

telah didedahkan dengan perkembangan teknologi semasa. Ramai graduan yang bekerja di syarikat-syarikat produksi filem tempatan diperbadankan iaitu FINAS dan menjadi tenaga pengajar di universiti-universiti tempatan.

Berkenaan dengan kursus agama Islam dan kokurikulum ASWARA, ASWARA tidak menyediakan kokurikulum khusus yang spesifik dalam bidang agama Islam. ASWARA menerapkan pengajian kepada semua siswa dan siswi ASWARA yang beragama Islam dan bukan Islam dalam semua bidang pengajian dengan unsur-unsur yang selaras dengan ajaran agama khususnya dalam pengajian wajib akademi yang merangkumi pengajian tamadun, pengajian budaya dan pembentukan nilai-nilai peribadi mulia kepada setiap pelajar dan graduan-graduannya.

■ 1650

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat yang sama berkenaan dengan apakah kriteria yang diperlukan bagi kerajaan negeri mengadakan akhbar harian sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat kriteria yang diperlukan bagi kerajaan negeri mengadakan akhbar harian sendiri mestilah mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta garis panduan penerbitan di mana akhbar harian kerajaan negeri hendaklah tidak menerbitkan apa-apa bahan, fotograf, artikel, atau perkara lain yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, moral, keselamatan, perhubungan dengan negara atau kerajaan asing atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya atau mungkin memudaratkan kepentingan negara. Akhbar itu hendaklah tidak dengan apa-apa cara salah nyata fakta-fakta perhubungan dengan kejadian-kejadian ketenteraman awam dan keselamatan yang berlaku di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Wan Nordin berkenaan dengan tindakan Maybank Berhad membeli bank Indonesia, *Bank International Indonesia*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembelian *Bank International Indonesia* oleh Maybank adalah melalui bidaan dan nilainya adalah di dalam julat. Itu bermakna *within the range* yang ditetapkan oleh konsultan yang dilantik iaitu BNP Paribas.

- (i) secara umum, harga pembelian ekuiti institusi kewangan bergantung kepada beberapa faktor seperti nilai francais yang ditentukan oleh faktor-faktor pelanggan, rangkaian, cawangan dan kepakaran kakitangan bank berkenaan;
- (ii) kekuatan bank berdasarkan saiz dan keuntungan;
- (iii) jumlah ekuiti yang dibeli, jumlah ekuiti yang lebih besar mungkin memerlukan premium yang lebih tinggi terutama bagi ekuiti yang memberi kawalan dan;
- (iv) tahap persaingan daripada pembida-pembida lain.

Pembelian tersebut telah pun dipersetujui oleh pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 15 Mei 2008.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Idris berkenaan dengan Kementerian Pertahanan dan PDRM bekerjasama dan berkongsi maklumat dalam menjaga keselamatan sempadan negara terutama di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat anggota tentera Malaysia sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa awam seperti PDRM, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam dalam menangani isu-isu keselamatan terutama di sempadan negara. Pada setiap masa, sebanyak 2 batalion ATM ditugaskan mengawasi di sempadan Malaysia-Indonesia di Sabah termasuk juga penempatan operasi pesisir pantai dan pulau-pulau di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kerana banyak jawapan yang diberi oleh pegawai-pegawai yang ada. Jadi, jawapan saya tidak akan ikut susunan perbahasan. Jadi, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Puan Loga Chitra berkenaan dengan tambahan bajet untuk *chancellery* di luar negara. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Luar Negeri memang berpendapat adalah sebaiknya jika aset dapat dibeli. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat bukan sahaja bergantung pada keupayaan pembeli kerana ada juga negara-negara yang ada undang-undang yang tersendiri yang tidak membolehkan *chancellery* kita atau duta-duta kita membeli aset ataupun harta di negara mereka.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat di negara-negara maju khususnya kos penyelenggaraan aset adalah sangat tinggi dan adalah tidak praktikal jika ianya dibeli berbanding dengan disewa. Jawapan dari Kementerian Pelancongan berkenaan dengan kalendar pelancongan mengambil kira promosi lebu Ampang dan kawasan Brickfields untuk menarik pelancong India dan perlunya pakej baru mengenainya dibangunkan. Kementerian Pelancongan menyambut baik terhadap cadangan tersebut dan akan mempertimbangkan bagi memasukkannya ke dalam kalendar promosi pelancongan pada masa yang akan datang.

Menjawab soalan dari Yang Berhormat Puan Loga Chitra berkenaan pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang tanpa mengira kaum. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah bilangan penajaan kepada semua pelajar cemerlang yang memenuhi syarat keputusan SPM 2007 iaitu 9A dan ke atas tanpa mengira latar belakang dan kaum. Yang melanjutkan pengajian ke tingkatan enam di sekolah bantuan penuh kerajaan dan pusat-pusat matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penajaan ini akan diteruskan sehingga ke peringkat ijazah pertama di IPT tempatan.

Di samping itu, kerajaan juga telah bersetuju supaya JPA memberikan tajaan kepada pelajar-pelajar yang mendapat tempat tahun pertama di universiti-universiti bertaraf Ivy League dan setara. Penajaan juga diberikan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang mendapat

tawaran tahun pertama untuk kursus-kursus kritikal terutama yang diiktiraf di kampus cawangan Monash University, Nottingham University, Swinburne University, dan Curtin University of Technology di Malaysia.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Puan Siw Chun, berkenaan dengan kejayaan kempen pelancongan berasaskan pertanian, kesihatan dan pendidikan memerlukan kerjasama daripada kementerian-kementerian berkaitan, iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelajaran. Setakat ini, usaha-usaha yang baik telah diperolehi supaya bidang-bidang pelancongan ini dapat terus dipromosi dan dibangunkan. Tuan Yang di-Pertua, tulisan ini susah baca sikit. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya pun faham Yang Berhormat. Bukan senang untuk menyelaraskan dan menjawab bagi pihak sebelas kementerian.

Dato' Kong Cho Ha: Jawapan untuk Yang Berhormat Puan Siw Chun, mungkin nanti saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin berkenaan dengan pencaruman KWSP bagi golongan artis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Wang atau KWSP, pekerja yang bekerja di sektor swasta dan pekerja yang tidak berpencen di sektor awam adalah diwajibkan untuk mencarum dalam KWSP. Walau bagaimanapun, caruman KWSP tidak dihadkan hanya kepada mereka yang diwajibkan di bawah akta. Jadi caruman secara sukarela juga adalah dibenarkan. Bagi pekerja berpencen di sektor awam, orang yang bekerja sendiri dan mana-mana orang yang bukan bekerja seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta KWSP 1991 dan bukan majikan termasuk seniman dan karyawan. Ada caruman sukarela minimum ialah sebanyak RM50 dan kadar maksimum ialah sebanyak RM5,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan perbekalan tambahan ini. Kebanyakannya juga pernah dibangkitkan dalam masa perbahasan Titah Ucapan Diraja dan juga dalam masa jawapan soalan lisan.

Jadi, atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, saya bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih dan sekiranya ada mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya memaklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara yang dibangkitkan. Jadi, atas jawapan-jawapan yang saya sempat beri, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua di atas kerjasama yang diberi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) Majlis Mesyuarat Dewan Negara, rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.09 ptg.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang yang bernama Akta Pencen (Pindaan) 2008 dibacakan kali kedua sekarang. Rang undang-undang yang dicadangkan ialah untuk meminda Akta

Pencen 1980, Akta 227 iaitu undang-undang yang mentadbirkan urusan persaraan dan pencen bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam, persekutuan dan negeri.

■ 1710

Secara khususnya pindaan undang-undang ini ialah untuk melaksanakan perlanjutan umur persaraan wajib bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan dan negeri daripada 56 tahun kepada 58 tahun mulai 1 Julai 2008. Beberapa pindaan berbangkit yang menyentuh umur persaraan wajib untuk dicadangkan. Pindaan undang-undang ini membolehkan semua pegawai yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 2008 berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun. Ia juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pegawai tetap yang sedang berkhidmat untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga mencapai umur 58 tahun atau bersara pada umur 56 tahun seperti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir umur persaraan wajib dinaikkan ialah pada 1 Oktober 2001 iaitu daripada 55 tahun kepada 56 tahun. Ketika itu hampir 1,400 pegawai telah memilih untuk kekal dengan umur persaraan wajib 55 tahun. Kini demi kesamarataan pegawai daripada golongan ini juga diberi peluang memilih untuk bersara wajib pada umur 58 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perlanjutan umur persaraan wajib kepada 58 tahun telah diputuskan oleh kerajaan selepas mengambil kira permintaan golongan-golongan tertentu di sektor awam yang berpendapat bahawa umur 56 tahun adalah terlalu awal untuk berhenti bekerja. Sebenarnya sebelum ini pun kerajaan telah membenarkan perkhidmatan melebihi 56 tahun tetapi hanya atas pelantikan kontrak selama satu atau dua tahun secara selektif iaitu bagi jawatan-jawatan tertentu atas kepentingan sesuatu jabatan. Sebaliknya pindaan yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini merangkumi semua pegawai tetap yang merasakan dirinya masih mampu untuk menyumbangkan perkhidmatan kepada kerajaan sehingga mencapai umur 58 tahun.

Dalam hal ini memandangkan umur persaraan wajib pegawai-pegawai yang telah memilih untuk tertakluk kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga diperuntukkan di bawah Akta Pencen 1980. Golongan ini juga dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun seperti rakan-rakan mereka di bawah skim pencen.

Tuan Yang di-Pertua, perlanjutan umur persaraan wajib kepada 58 tahun untuk semua pegawai tetap kerajaan adalah wajar memandangkan peningkatan taraf kesihatan yang telah secara langsung meningkatkan jangkaan hayat penduduk di Malaysia ini. Ini bererti bahawa pegawai-pegawai yang berumur 56 tahun masih cergas daripada segi fizikal serta pemikiran minda dan mampu berkhidmat secara produktif kepada negara. Perlanjutan umur persaraan wajib juga dapat memberi peluang optimum daripada perbelanjaan besar kerajaan untuk kursus dan latihan pegawai-pegawai melalui pengiklanan, pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlatih dalam sektor awam. Perubahan demografi negara menunjukkan trend peningkatan

jumlah penduduk yang berumur 56 tahun ke atas dan perlanjutan umur persaraan yang akan memanjangkan tempoh *grandful employment* golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pula sekiranya kesemua 31,000 anggota iaitu pegawai perkhidmatan awam dan pekerja-pekerja pihak berkuasa berkanun dan tempatan yang akan mencapai umur 56 tahun dan pada dua tahun pertama pelaksanaan dasar ini memilih untuk melanjutkan perkhidmatan sehingga umur 58 tahun ia akan dapat mendatangkan penjimatan pencen sejumlah RM412 juta di samping penangguhan pembayaran ganjaran jumlah sebanyak RM1.99 bilion.

Daripada sudut seorang pegawai yang dilanjutkan dua tahun perkhidmatan pula beliau akan menikmati sekurang-kurangnya penambahan nilai ganjaran kerana telah dibenarkan tambahan tempoh perkhidmatan selama 24 bulan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penelitian kerajaan penambahan dua tahun perkhidmatan tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan bagi generasi muda pada ketika ini. Walaupun persaraan wajib dilanjutkan peluang pekerjaan dalam sektor awam masih ada untuk menampung kekosongan yang sedia ada khususnya dalam bidang-bidang perubatan, keselamatan dan perguruan. Penjawat-penjawat baru juga diperlukan dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi mengisi kekosongan jawatan akibat persaraan awal, peletakan jawatan, pertukaran perkhidmatan serta kematian semasa dalam perkhidmatan.

Dasar baru ini juga akan menyebabkan seramai 31,000 anggota yang sepatutnya bersara pada tempoh 1 Julai 2008 sehingga 30 Jun 2010 berkhidmat dua tahun lagi. Buat masa ini pun terdapat sebanyak lebih 200,000 jawatan sektor awam daripada pelbagai gred dan perkhidmatan yang belum diisi dan jumlah ini jauh lebih besar daripada jumlah yang akan bersara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian opsiyen pula seseorang pegawai pada ketika ini ialah bahawa beliau akan mula menikmati ganjaran dan pencen apabila mencapai persaraan wajib 56 tahun. Oleh yang demikian selaras dengan perkara 147 Perlembagaan Persekutuan, perlanjutan umur wajib bersara yang membawa kesan penangguhan pembayaran ganjaran dan pencen hanya akan dapat dilaksanakan dengan pilihan atau opsiyen pegawai itu sendiri. Tempoh opsiyen sebulan difikirkan memadai untuk membolehkan pertimbangan semasak-masaknya oleh pegawai-pegawai kerajaan mengenai pilihan mereka. Mengambil kira pertimbangan-pertimbangan ini tarikh kuat kuasa yang paling sesuai untuk melaksanakan keputusan ini ialah pada 1 Julai 2008.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin melihat pegawai-pegawai yang berpeluang berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun boleh terus menyumbang perkhidmatan yang berprestasi tinggi sehingga ke hari terakhir perkhidmatan mereka. Malahan harapan kerajaan dan rakyat ialah supaya golongan pegawai yang telah melanjutkan usia dan mencurahkan pengalaman serta pengetahuan mereka kepada generasi muda di sektor awam demi

peningkatan kualiti perkhidmatan awam keseluruhannya. Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk menamatkan perkhidmatan melalui tindakan tatatertib atau persaraan awal ke atas mana-mana pegawai yang bermasalah sehingga menjejaskan prestasi kerja tidak kira apa umurnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kali ini juga bertujuan memanjangkan pemakaian dua jenis persaraan awal daripada pegawai yang telah memilih skim KWSP. Jenis-jenis persaraan yang dimaksudkan ialah persaraan demi kepentingan negara dan persaraan atas sebab kepentingan perkhidmatan awam. Persaraan demi kepentingan negara ialah bagi menamatkan perkhidmatan pegawai yang dipilih menjadi Pesuruhjaya Kehakiman. Persaraan atas alasan kepentingan awam pula adalah bagi menamatkan perkhidmatan pegawai yang berprestasi kurang memuaskan walaupun tidak menjurus kepada tindakan tatatertib. Antara keadaannya ialah masalah keluarga atau masalah kesihatan di luar kawalan pegawai itu tetapi ia menggugat prestasi kerjanya.

■1720

Di bawah rang undang-undang pencen yang sedia ada, dua jenis persaraan ini hanya diperuntukkan kepada pegawai-pegawai yang tertakluk kepada skim pencen, walhal berkemungkinan juga pegawai di bawah skim KWSP juga perlu dibersarakan awal atas sebab-sebab yang tertentu. Dengan pindaan yang dicadangkan pegawai-pegawai di bawah skim KWSP tidak perlu meletakkan jawatan bagi tujuan-tujuan yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, selaras dengan pilihan mereka, pesara-pesara KWSP hanya diberi caruman KWSP oleh kerajaan dan sebagai faedah persaraan. Terima kasih saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Rizuan.

5.21 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sekali lagi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang iaitu kali ini Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2008.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, perbincangan pada hari ini adalah bertumpu kepada menaikkan had umur persaraan wajib daripada 56 hingga 58 tahun iaitu meningkat dua tahun dan ianya akan berkuat kuasa pada bulan hadapan. Kali terakhir kita telah membincangkan perkara ini pada tahun 2001 iaitu meningkatkan umur 55

tahun kepada 56 tahun iaitu satu tahun kenaikan bagi bersara wajib dan timbul masalah orang merungut bahawa dengan kenaikan satu tahun ini banyak menggugat peluang bagaimana kakitangan baru ataupun yang baru keluar universiti ataupun kakitangan bawahan yang hendak bekerja dia tidak dapat bekerja dan terpaksa menunggu selama satu tahun.

Sebab itu ramai orang berkata bahawa umur 56 tahun itu tidaklah wajar kerana mereka masih sihat, otak mereka masih cergas dan minda mereka boleh berfikir dengan lebih waras. Ini kerana 56 tahun itu bagi orang-orang di Malaysia ini bukanlah had untuk dibersarakan awal. Saya difahamkan setelah kita menaikkan 55 hingga 56 kerajaan telah mengkaji bahawa permintaan daripada kakitangan awam, permintaan daripada semua pihak telah dipertimbangkan untuk menaikkan daripada 56 tahun ke 58 tahun.

Sebelum saya pergi lanjut dan berhujah dengan lebih terperinci saya ingin maklumkan saya siang-siang lagi hendak sokong pindaan ini; kerana ia memberi faedah kepada semua golongan termasuk semua yang mendapat pencen termasuklah kita Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Jadi semua yang mendapat pencen akan mendapat keuntungan daripada pindaan perlembagaan ini. Jikalau tak bersetuju maknanya kita tak akan mendapat apa-apa faedah.

Yang keduanya, kerajaan amat prihatin kerana dengan kenaikan umur persaraan ke 58 tahun sebenarnya kakitangan awam dan mereka yang berhak mendapat pencen itu sebenarnya mendapat durian runtuh. Saya hendak *elaborate* di sini. Yang pertama sekali kita dimaklumkan tadi, kita akan tambah pendapatan kita selama 24 bulan. Dahulu kita berhenti 56 sekarang kita dilanjutkan 58. Kita akan dapat 24 bulan. Cuba bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian RM4,112 kali 24 bulan. Banyak itu.

Kemudian dengan adanya perlanjutan sehingga 58 tahun ini tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira saya difahamkan telah dilanjutkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun. Kerajaan adil, kerana dahulu pencen 56 tahun diambil kira 25 tahun; tapi sekarang pencen 58 tahun dia kena berkhidmat 33 tahun jadi dia dinaikkan kepada 30 tahun. Dengan kenaikan ke 30 tahun ini iaitu dia akan dapat pencen penuh setelah bekerja 30 tahun maka dia akan dapat lebih sedikit ganjaran. Ini kalau tak betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong betulkan saya.

Dengan kenaikan 30 tahun ini maka bayaran pencen yang kita akan terima akan dinaikkan daripada 50% kepada 60%. Bermakna kalau kita pencen dengan gaji atau elaun sebanyak RM4,112 sebulan maka kita akan dapat pencen 50% iaitu RM2,056, tapi setelah dinaikkan sebanyak 60% kita akan dapat pencen sebanyak RM2,456. Jadi dengan sebab itu bukan sahaja kakitangan kerajaan mendapat ganjaran tetapi semua yang tertakluk dengan pencen akan mendapat ganjaran. Selain daripada itu, ini satu berita baik kepada semua orang termasuk rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang berada dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga saya dimaklumkan telah mempertimbangkan untuk menaikkan bayaran gratuiti. Ini kena tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri betul atau tak betul. Kalau sekarang ini Ahli-ahli Dewan Negara bersetuju untuk meluluskan pindaan ini kita

berkhidmat selama dua penggal iaitu enam tahun, sekarang ini kita akan diberi gratuiti sebanyak RM74,000. Akan tetapi, apabila kita bersetuju untuk meminda perlembagaan ini ke 58 tahun kita akan memperoleh gratuiti sebanyak hampir RM90,000. Saya hendak tanya kita setuju atau tidak.

Beberapa Ahli: Setuju!

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Setuju tepuklah sedikit! [*Tepuk*] Ini bermakna kita membahar usul ini...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Penjelasan, minta laluan Yang Berhormat. Saya rasa akta yang kita bincangkan sekarang ini tidak menjurus kepada kita Ahli Parlimen hendak tunggu, sebab kita dikawal di bawah akta yang lain. Itu sahaja. Mungkin Yang Berhormat boleh jelaskan. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Bila sebut pencen, sesiapa tak kira kakitangan kerajaan atau Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri ia tertakluk kepada Akta Pencen. Bermakna semua akan mendapat ganjaran dan tertakluk kepada akta ini. Masalah akan timbul, mungkin orang mengatakan bahawa dengan naiknya umur persaraan ini ke 58 tahun tambah lagilah orang-orang yang akan menganggur selama dua tahun. Sepatutnya dia bekerja awal tapi dia kena tunggu.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan kepada kita semua bahawa sebanyak 31,000 yang akan terlibat. Hanya 31,000 dan ada kekosongan jawatan sebanyak 200,000. Jadi tidak timbul masalah ada orang terpaksa menganggur kerana 200,000 tempat kosong itu boleh diisi bila-bila masa dan ada orang kata kenapa graduan ramai menganggur sedangkan ada 200,000 tempat kosong.

■1730

Sebenarnya kerja di mana pun di sektor swasta, kerja persendirian, di syarikat orang akan menilai kelayakan kita. Sektor kerajaan, sektor awam pun sama. Kalau mereka tidak layak bermakna mereka tidak akan dapat tempat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat, kalau boleh jangan panjang sangat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Selain daripada itu, adakah diharapkan bahawa...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang Berhormat boleh memberitahu rakan-rakan ahli Dewan yang mulia ini, bagaimana pindaan akta ini yang melibatkan 30,000 orang serta-merta ini boleh membawa kepada kebaikan kepada negara dari segi mutu kerja, bagaimana 30,000 lebih orang yang terlibat ini yang ditahan dua tahun lagi untuk bersara boleh menyumbang di hujung perkhidmatan mereka menyumbang dari segi minda, dari segi profesionalisme kepada jabatan ataupun tempat-tempat mereka bekerja dengan sebaik-baiknya. Kita harap pihak kementerian dapat mengikat mereka supaya memberi

yang terbaik di penghujung perkhidmatan mereka. Maklumlah orang tua-tua ini kadang-kadang masih gagah dan perkasa.

Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid: Yang Berhormat, sebenarnya saya boleh jawab soalan tersebut tetapi apabila saya dapat notis ini, saya minta timbalan menteri berkenaan menjawablah kerana ramai rakan-rakan lagi yang hendak berucap. Saya hendak pergi kepada satu dua perkara yang terakhir sekali.

Pertamanya adalah diharapkan dengan kenaikan umur persaraan ke 58 tahun kita sebenarnya harus bersyukur atau berterima kasih kepada kerajaan kerana faedah yang saya sebut tadi, tetapi apa yang paling penting ialah, kerja kita kena buat seperti biasa, walaupun kita kata umur kita 58 tahun kita boleh kerja, orang minta 60 tahun kita kuat lagi, hebat lagi, tetapi prestasi kita kena pertahankan.

Kalau kita tidak pertahankan, mutu kerja kita tidak dipertingkatkan bermakna kita juga akan dilihat oleh jawatankuasa, kakitangan awam akan dilihat oleh jawatankuasa tatatertib. Ia akan melihat prestasi kita. Kita ingat apabila dapat durian runtuh, kita semua ketawa besar. Pasal dapat faedah gratuity besar, lepas itu dua tahun goyang kaki. Hendak tunggu 58 tahun, tetapi kita kena ingat, kakitangan awam kita kena ingat, kerana benda kurniaan Allah itu kita harus bersyukur dan kita harus peringkatkan supaya orang tidak mengambil tindakan kepada kita.

Timbalan menteri sudah *elaborate* tadi ada jawatankuasa yang akan sedia melihat, menunggu dan memantau kita. Kalau ada masalah kesihatan, dia akan diberitahu kena berhenti awal, kalau ada masalah yang menyebabkan dia tidak boleh bekerja lagi dan dia rasa tidak sesuai lagi untuk bekerja, dia boleh ambil pilihan sama ada dia hendak berhenti 56 tahun atau 58 tahun.

Sebab itu saya percaya dengan adanya pindaan ini, maka kita harus memberi sokongan sepenuh-penuhnya kerana inilah yang diminta oleh kakitangan awam selama ini, inilah yang dimahukan oleh rakyat kerana faedahnya cukup besar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir saya hendak meminta penjelasan kepada pihak kerajaan, mengenai cadangan Skim Pencen Bercarum. Saya kurang jelas, tetapi apa yang saya difahamkan ini selalu didesak oleh CUEPACS. Saya ingin tahu kenapa CUEPACS ini sesak sangat. Yang saya tahu Skim Pencen Bercarum ini macam KWSP. Bila kita dapat pencen, pencen sudah separuh sudah 60% sekarang ini. Kemudian dia potong lagi 12%.

Kalau seseorang itu bergaji minimum yang dituntut oleh MTUC, gaji RM900, dia akan dapat pencen RM540 potong lagi 12%, tinggal RM490 apa dia hendak makan? Sebab itu kita lihat di mana-mana di Kuala Lumpur misalnya tidak cukup makan. Terpaksa bawa teksi, jadi pemandu teksi kemudian jual goreng pisang tepi jalan, buka warung nasi lemak kerana hendak menampung keluarga. Sebab itu saya percaya dengan pindaan ini dan dengan cadangan-cadangan daripada kerajaan, mengenai cadangan skim bercarum ini bolehkah kerajaan memberi pandangan supaya kita boleh tangguh dahulu perbincangan dengan CUEPACS ini kerana skim

ini boleh dikatakan merugikan kakitangan kerajaan. Inilah sahaja pandangan-pandangan saya dan dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Heng kemudian Tuan Khoo.

5.36 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang undang-undang untuk meminda Akta Pencen 1980. Ia bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi umur persaraan paksa dan wajib yang baru iaitu 58 tahun. Bagi pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa dalam perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, demi tujuan penambahbaikan, sebelum rang undang-undang ini diluluskan, implikasi positif dan negatifnya haruslah diteliti dan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan umur persaraan ini adalah bersesuaian dengan kadar jangkaan hayat Malaysia semasa iaitu 71.8 tahun untuk lelaki dan 76.3 tahun untuk wanita. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh rakan saya Datuk Haji Rizuan tadi. Ia juga dipercayai akan membantu mereka yang sepatutnya bersara pada usia 56 tahun untuk terus berpendapatan selama dua tahun lagi dan menambahkan wang simpanan untuk menyara hidup pada usia emas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, umur persaraan bagi kebanyakan negara di dunia pada ketika ini adalah 60 tahun. Ia juga akan membolehkan negara kita mendapat khidmat bakti pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berkebolehan untuk terus menyumbangkan tenaga dan kepakaran untuk pembangunan negara di samping meningkatkan motivasi pegawai-pegawai yang telah mencecah usia 50-an untuk terus menunjukkan prestasi positif. Justeru itu memberikan kesan positif kepada ekonomi negara dari segi pertambahan pendapatan boleh belanja yang boleh membantu merancakkan ekonomi domestik dan meningkatkan perbelanjaan *consumer*.

Walaupun bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga haruslah mengambil kira beberapa implikasi negatif seperti berikut; Pertama, pindaan ini akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan semasa - iaitu menurut laporan RTM, perubahan kepada dasar umur persaraan ini akan melibatkan 31,000 orang pesara dengan perbelanjaan tambahan sebanyak RM718 juta setahun;

Kedua, sekiranya pegawai-pegawai tidak menunjukkan prestasi perkhidmatan yang memuaskan, turut dibenarkan untuk terus berkhidmat tanpa peningkatan produktiviti. Ia bukan setakat membebankan kerajaan, malahan juga akan menjejaskan moral atau semangat kerja pegawai sektor awam secara keseluruhannya;

Ketiga, jawatan kosong ataupun peluang pekerjaan sektor perkhidmatan awam untuk graduan dan bakal graduan akan juga menjadi terhad disebabkan oleh peningkatan umur persaraan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan sebanyak 0.1% kadar pengangguran kepada 3.4% pada suku kedua tahun 2007 berbanding dengan 3.3% pada tahun 2006. Terdapat lebih daripada 369,000 orang penganggur di Malaysia dan daripada jumlah ini 47% daripadanya adalah merupakan pencari kerja buat pertama kali iaitu pemegang sijil SPM, STPM, pemegang diploma dan graduan walaupun menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terdapat 200,000 jawatan kosong yang masih ada dalam perkhidmatan awam sekarang

■ 1740

Keempat ialah peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai junior yang telah lama menunggu untuk kenaikan pangkat juga turut terjejas. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ketengahkan beberapa cadangan untuk pertimbangan bagi tujuan penambahbaikan:

- (i) penentuan bagi mereka yang layak untuk meneruskan perkhidmatan sehingga umur 58 tahun haruslah dikaji dengan teliti agar hanya mereka yang benar-benar produktif dan berkualiti sahaja dibenarkan untuk terus berkhidmat sehingga 58 tahun. Secara tidak langsung, ia akan memotivasikan semua pegawai untuk berkhidmat secara yang terbaik kepada rakyat; dan
- (ii) demi melindungi kepentingan ataupun peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai junior daripada terjejas berikutan pindaan rang undang-undang ini, tawaran pelantikan secara kontrak selepas persaraan haruslah dikaji semula. Bagi mereka yang berjawatan tinggi dan yang berada dalam kategori JUSA seperti ketua pengarah dan sebagainya tidak wajarlah dilantik semula untuk jawatan yang sama. Jika kepakaran mereka benar-benar diperlukan, maka lantiklah mereka sebagai penasihat ataupun perunding iaitu konsultan. Ini penting demi meningkatkan moral golongan pegawai junior di samping dapat menjana idea baru yang lebih inovatif, yang lebih kreatif ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti sistem pengurusan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Heng Seai Kie: Tak, sikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, peningkatan usia persaraan dalam sektor perkhidmatan awam ini sebenarnya tidak boleh dijadikan sebagai penyelesaian kepada isu penyaraan hidup rakyat Malaysia di usia emas. Yang lebih penting ialah untuk mencari satu mekanisme yang lebih berkesan agar mereka yang telah bersara tetapi masih mempunyai keinginan dan kesungguhan untuk bekerja diberikan peluang untuk terus menyumbangkan khidmat mereka kepada negara sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, jika umur persaraan di Amerika Syarikat adalah 65 tahun dan Singapura adalah 62 tahun maka tiada sebablah mengapa negara kita tidak boleh berbuat demikian. Bagaimanapun untuk berbuat demikian, kita haruslah mengemaskinikan infrastruktur ekonomi semasa kita agar pasaran buruh dapat menampung umur persaraan yang lebih tinggi tanpa membebankan kerajaan. Selain itu, mereka yang di usia emas perlu belajar kemahiran baru melalui program latihan semula seperti mana yang dilaksanakan di beberapa buah negara jiran dan juga negara-negara maju di dunia. Ini penting supaya rakyat yang berusia masih boleh terus bekerja selagi mereka mampu untuk berbuat demikian dan berkeinginan untuk terus bekerja. Secara tidak langsung, kita tidak menggalakkan *welfare state* dengan izin di mana rakyat kita hanya mengharapkan kepada pencen untuk menyara hidup mereka di usia emas. Maka dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Khoo Soo Seang.

5.46 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya boleh sampaikan mesej saya dalam kurang daripada 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya nak ambil kesempatan ini untuk ketengahkan satu masalah khusus yang berkaitan dengan persaraan guru. Sebenarnya perkhidmatan guru adalah satu perkhidmatan yang unik. Apabila seorang guru bersara pada pertengahan tahun, biasanya mungkin kita boleh cari GSTT ataupun Guru Sandaran Tidak Terlatih untuk ganti guru itu pada *bodynya* dengan izin tapi biasanya tugasnya tak boleh diambil alih sepenuhnya. Ini adalah kerana perkhidmatan perguruan itu perlukan kemahiran yang tertentu, perlukan pengalaman yang luas dan biasanya juga bergantung kepada perhubungan emosi di antara guru dan murid-murid.

Ini kita boleh nampak dalam majlis-majlis persaraan guru di mana kita tengok murid-murid menangis dan cikgu yang bersara juga menangis. Jadi apa yang berlaku sekarang ialah sekiranya seorang guru bersara misalannya kalau pada 15 Julai, jadi pada hari itu hingga ke akhir tahun, hendak cari seorang untuk ganti dia bukan senang, masalah yang pertama. Pada masa itu nak cari GSTT pun bukan senang. Yang kedua, biasanya tugas seseorang cikgu tak boleh dibahagi-bahagikan seperti kerani. Kalau kerani punya tugas, boleh dua tiga orang berkongsi tapi seorang cikgu punya tugas, kalau dia ajar Bahasa Malaysia misalnya kalau lapan waktu, dia tak boleh kata cikgu A ambil dua waktu, cikgu B ambil dua waktu, kemudian balik siapa tanda buku dan sebagainya dan kalau kita nak serahkan bulat-bulat lapan waktu ini kepada seorang cikgu, tidak mungkin oleh kerana tersangat membebankan cikgu yang berkenaan dan oleh itu, cadangan saya ialah kalau seseorang cikgu, dia bersara sebelum hari terakhir persekolahan tahun yang berkenaan, kita lanjutkan perkhidmatannya sehingga ke hari persekolahan yang terakhir bagi tahun yang berkenaan.

Misalnya kalau seorang guru bersara pada pertengahan Julai dan untuk tahun ini hari terakhir persekolahan ialah 13 November, apa salahnya kalau kita lanjutkan sehingga 13

November? Jadi ini akan mengatasi banyak masalah kepada sekolah, kepada ibu-bapa, kepada murid khususnya kalau seorang cikgu bersara menjelang akhir tahun, apabila peperiksaan umum menjelang dan kalau kita biarkan dia bersara pada masa itu, tinggal satu dua bulan, nak cari pengganti pun tak boleh. Oleh itu saya sebenarnya saya berharaplah bahawa kerajaan akan pertimbangkan tentang keunikan perkhidmatan perguruan itu dan berikan kemudahan ini kepada para guru. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz.

5.49 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya untuk sama membahaskan Akta Pencen yang dibukakan pada hari ini. Saya ingin mengemukakan beberapa soalan. Yang pertama berkenaan dengan hak pencen ini. Adakah pencen ini merupakan hak seorang pekerja kerajaan ataupun keistimewaan yang akan diberikan oleh kerajaan bila mana mereka tamat perkhidmatan? Pengetahuan tentang sama ada ini adalah hak ataupun keistimewaan adalah penting untuk diterangkan kepada semua kakitangan kerajaan ataupun pihak berkanun kerana kesilapan mereka untuk memahami perkara ini akan memungkinkan mereka akan hilang hak ini sekiranya mereka berpencen tanpa mereka memahami apakah implikasi-implikasi ataupun tindakan-tindakan yang mungkin dikenakan yang boleh menghilangkan sama ada hak ataupun keistimewaan ini.

■1750

Kedua, saya difahamkan terdapat kes di mana isteri kepada seorang kakitangan kerajaan tidak mendapat pencen semata-mata kerana suaminya gagal untuk mengemaskinikan borang peribadinya di JPA. Oleh yang demikian, sekiranya perkara ini benar bagaimanakah pihak kerajaan melakukan prosedur bagi mengingatkan kepada semua kakitangan agar mengemaskinikan segala borang peribadi di JPA setiap kali berlaku apa-apa perubahan tentang perkahwinan, isteri, penceraian atau isteri-isteri serta anak-anak mereka yang di bawah umur. Ini penting untuk kelancaran dan prosedur bagi pihak kerajaan membayar pencen.

Yang ketiga, sekiranya pihak kerajaan boleh memberikan opsyen kepada kakitangan untuk memilih berpencen ataupun mencarum KWSP, adakah kerajaan juga boleh memberikan satu opsyen kepada kakitangan kerajaan untuk mencarum diri mereka dalam PERKESO untuk insurans diri mereka sendiri atas bayaran sendiri oleh kakitangan untuk turut melindungi mereka, bukan sahaja dalam perkhidmatan mahupun selepas perkhidmatan dalam kadar yang lebih banyak. Ini kerana mungkinlah yang ditawarkan oleh PERKESO, PERKESO perlu merangka satu produk lain yang dikhususkan untuk pegawai-pegawai kerajaan.

Yang keempat, berkenaan dengan pengurusan kewangan, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan khusus untuk mendidik pengurusan kewangan kepada kakitangan sebelum mereka ini pencen. Oleh kerana difahami kadang-kadang ada kakitangan yang alpa ataupun cuai untuk memperolehi atau menggunakan sepenuhnya kemudahan pinjaman

perumahan ataupun kereta, sehingga mereka ini sudah sampai peringkat hampir pencen baru mereka hendak berbuat demikian. Ini akan menyebabkan kesusahan kepada mereka di masa akan datang. Sekiranya diberi satu panduan oleh pihak kerajaan kepada semua kakitangan, ini akan mendorong mereka untuk membuat perancangan dengan lebih baik.

Yang seterusnya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan keseluruhan bagi semua kakitangan kerajaan bagi setiap tahun di hospital-hospital kerajaan. Pemeriksaan kesihatan sebegini adalah penting untuk mereka mengesahkan dengan lebih awal keadaan kesihatan mereka kerana tidak munasabah kita hanya membuat pemeriksaan kesihatan dan mendapat perakuan doktor pada masa mereka ingin ditemu duga tetapi setelah mereka berkhidmat, kita lupa untuk *maintain* kita punya kakitangan.

Seterusnya cadangan berkenaan dengan pencen juga, kalau boleh bila mana pegawai kerajaan mendapat pencen, ada lagi ramai orang yang tidak mendapat pencen, orang yang bukan kakitangan kerajaan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar membuat insentif kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memberikan insentif kepada semua pembayar cukai yang menyumbang duit secara bulanan ataupun caruman bulanan kepada ibu bapa dan bukan hanya meletakkan syarat bahawa mereka boleh mendapat pengecualian sekiranya mereka membantu ibu bapa mereka yang sakit; kerana tidak munasabah kita hendak menjaga ibu bapa mereka, menunggu mereka sakit.

Berkenaan dengan pembahagian pencen, sekarang pencen diberikan kepada isteri, ibu dan anak-anak. Sepatutnya kalau dalam pencen, kita boleh dengan adilnya ataupun bila kakitangan itu meninggal dengan adilnya memberikan pencen kepada orang-orang yang berhak. Adakah kita mempunyai masalah sekiranya untuk peringkat gaji pun kakitangan kerajaan diperingatkan ataupun diminta untuk berbuat demikian. Jika kita melihat dalam angkatan tentera, mereka dengan sendirinya mempunyai peruntukan khas dalam gaji untuk dibayar kepada isteri.

Jadi kalau masalah penguatkuasaan nafkah masih berlaku di kalangan kakitangan kerajaan, kita mencadangkan agar kakitangan kerajaan membuat kajian tentang perkara yang sama. Berkenaan dengan pindaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk, Yang Berhormat. Saya telah mengikuti dengan teliti mengikuti ucapan Yang Berhormat yang penuh bersemangat yang membuatkan saya enggan ganggu. Namun setelah mengikuti ucapan, saya terpaksa mengingati Yang Berhormat bahawa di depan kita ialah satu masalah. Masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

Perbahasan kita ialah kalau saya gunakan peraturan mesyuarat dengan ketatlah, seharusnya dikhususkan kepada buruk baik pindaan ini dan bukan masa lagi untuk mencadangkan kerana inilah merupakan cadangan utama kerajaan. Kerajaan di bawah satu rang undang-undang mencadangkan untuk meminda Akta Pencen. Jadi kalau Yang Berhormat boleh kurangkan

cadang, cadang, cadang itu; bincang buruk baik, lulus atau tidak mahu lulus rang undang-undang yang merupakan masalah di hadapan kita sekarang.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Terima kasih atas pandangan Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya mengira bahawa perkara ini ada berkaitan dengan pencen dan kemungkinan kalau saya bantangan atau bahaskan cadangan-cadangan ini di peringkat bajet, mungkin orang rasa saya agak ketinggalan. Walau bagaimanapun saya mengambil kira tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mempertikai saya punya pendirian?

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Saya bukan pertikai tetapi saya takut nanti saya bahas masa bajet, orang akan ingat saya ini lari daripada tajuk sahaja.

Jadi berkenaan dengan perkara ini, dari segi penambahan daripada umur 56 kepada 58 itu merupakan satu perkara yang baik dan memang saya menyokong perkara tersebut dan saya rasa perkara ini sudah jelas, tidak orang yang sepatutnya membangkang perkara yang baik.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebelum ini, kita membuat beberapa peringatan ataupun cadangan bagi menjalankan perkara ini dengan lebih baik. Ini kerana kita bimbang, sebagai contohnya, bila mana pihak kerajaan melaksanakan bon warga emas dikeluarkan oleh Bank Negara, bagaimana kita melihat rungutan daripada warga emas agar perkara ini lebih banyak dibuat.

Jadi kita mencadangkan jugalah sekiranya ada pelaburan yang berkaitan dengan yang diberikan kepada warga emas, pihak kerajaan telah memantau agar orang-orang yang menerima wang pencen bila mereka ini pencen pada usia 58 tahun ini, tidak akan dijadikan satu kemudahan untuk orang lain mendapat untung secara mudah. Jadi perkara-perkara begini perlu diperingatkan ataupun diberi cadangan sebelum perkara ini menjadi lebih teruk ataupun benar-benar jadi kenyataan. Saya dengan yang demikian, turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan menggulung perbincangan di peringkat bacaan yang kedua.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya telah lihat perbincangan dan dengar perbincangan itu dengan teliti berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Terutama sekali berkenaan dengan pengangguran, peluang pekerjaan dan sebagainya. Ada sesetengah itu menyentuh beberapa perkara berulang kali, semua boleh dikatakan dua, tiga orang menyentuh berkenaan dengan perkara itu, berkenaan dengan kemampuan sama ada mampu atau tidak mampu untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia mendedahkan kelemahan saya. Saya patut tegur bila berulang. Yang Berhormat mengingati bahawa banyak hujah yang berulang kali. Kelemahan saya dia tegur. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Kalau saya hendak jawab, bermakna bererti saya mengulang-ulang perkara-perkara itu, tetapi walau bagaimanapun perkara-perkara yang dibangunkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, kita teliti dan kita ambil kira. Perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi ialah perkara-perkara yang dicadangkan yang tidak relevan.

Walau bagaimanapun, itu kita ambil kira juga kerana kerajaan memanglah kita sentiasa dari semasa ke semasa cuba memperbaiki apa juga sistem atau skim yang ada untuk ditawarkan kepada penjawat-penjawat awam yang ada, yang sentiasa memberi sokongan kepada kerajaan.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan yang disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan berkenaan dengan implikasi undang-undang yang sedang dipertimbangkan oleh kita sekarang ini. Pertama sekali, tadi berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat sentuh ialah berkenaan dengan pindaan kepada penjawat awam. Ini tidak melibatkan Ahli-ahli Parlimen. Jadi Ahli-ahli Parlimen kita boleh beri pertimbanganlah ke atasnya sekiranya kita perlu membuat pindaan iaitu pada Akta Pencen untuk Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Ia berasing daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat hendak pencen umur 58 tidak apalah. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Bolehlah. Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan juga sentuh berkenaan dengan kenapa CUEPACS membantah Skim Faedah Persaraan Caruman. Skim Faedah Persaraan Caruman sedang dalam pertimbangan dan belum diputuskan. Kerajaan hanya akan melaksanakan satu-satu dasar yang menguntungkan kepada semua pihak dan tidak memudaratkan mana-mana pihak. Jadi maknanya kita sedang pertimbangan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Khoo Soo Seang iaitu masalah guru. Masalah guru ini saya rasa ini bolehlah dipanjangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya dilihat perkara ini dan diberi pertimbangan yang wajar.

■1800

Lagipun mereka ini bolehlah diberi secara kontrak, dilantik secara kontrak. Mungkin dia boleh diberi pertimbangan selepas dia bersara. Katalah umur dia bersara pada bulan April, jadi daripada bulan April ke bulan itu mungkinlah disambung secara kontrak. Itu saya rasa boleh dibuat oleh pihak kementerian.

Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie menyatakan bahawa pindaan ini akan memakan perbelanjaan. Jadi saya rasa Yang Berhormat salah faham. Ini kita bincang berkenaan dengan umur, yang masuk pertambahan itu ialah pindaan seperti yang disebut oleh Datuk Haji Rizuan tadi iaitu mengenai tambahan jumlah perkhidmatan. Sekarang ini maksimumnya adalah pada 25 tahun, kemudian ini akan disambung kepada 30 tahun.

Gaji sekarang ini kalau pencen RM300, kali dengan RM600, kali gaji akhir. Itu dapat bulanan, tetapi bila buat pindaan esok, sekarang belum dibuat lagi. Sebenarnya itu cadangan dan itu ditambah kepada menjadi 30 tahun. Maknanya perkhidmatan itu ditambah kepada 30 tahun, servis sekarang ini setakat 25 tahun sahaja kita bayar. So, bila pindaan kelak ini iaitu kepada 30 itu akan melibatkan kewangan sebanyak RM700 yang disebutkan tadi. Ini bukanlah yang berkenaan dengan sekarang ini. Puan Hajah Puan Mumtaz menanyakan adakah pencen ini satu hak atau satu keistimewaan.

Pencen adalah satu keistimewaan dan bukan satu hak. Bolehkah anggota kerajaan dilindungi oleh PERKESO. Ini satu lagi pertanyaan. Jawapannya ialah anggota kerajaan diliputi oleh Skim Pemberian Ex-Gratia yang menyerupai skim PERKESO, maknanya adalah. Jadi selain daripada pencen ini, kalau pegawai-pegawai kerajaan ini dia boleh ambil insurans dan sebagainya. Ini bermaknanya itu atas hak dia sendirilah untuk masa depan dia.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris membangkitkan berkenaan bagaimanakah pindaan yang dicadangkan boleh mempertingkatkan prestasi sektor awam. Pindaan ini membolehkan anggota yang terlatih dan berkebolehan dikekalkan dalam perkhidmatan selama dua tahun.

Jadi, sebenarnya mereka-mereka ini sebelum ditawarkan untuk melanjutkan usia sehingga 58, mereka diberi peluang, opsyen sama ada sanggup, mereka setuju atau tidak. Maknanya mereka boleh tahulah kalau mereka itu sakit dan sebagainya, mereka tidak perlu sambung. Maknanya kita beri opsyen dan bukan diwajibkan kalau mereka tidak setuju. Selain daripada itu juga untuk pegawai kerajaan, sekiranya mereka ini mempunyai masalah, kita boleh memberhentikan mereka bila-bila masa melalui tindakan. Jadi selain daripada itu, ada juga yang sentuh berkenaan dengan kenaikan pangkat.

Kenaikan pangkat saya rasa tidak menjejaskan kerana kenaikan pangkat ialah selama ini kita membuat kenaikan pangkat atau mereka diberi pertimbangan atas sendiri. Maknanya kalau ada prestasi baik, mereka boleh dinaikkan pangkat walaupun mereka belum sampai ke umur 58 tahun. Ini bermaknanya tidak ada masalah tentang kenaikan pangkat.

Jadi, selain daripada itu pegawai-pegawai kerajaan juga pada tiap-tiap tahun mereka diwajibkan menghadiri kursus sebanyak tujuh hari. Maknanya dalam masa mereka perkhidmatan, setahun tujuh hari mereka terpaksa menghadiri kursus.

Jadi, maknanya kursus-kursus seperti ini *on going* untuk memastikan bahawa prestasi pegawai-pegawai kerajaan sama ada yang disambung melalui pencen atau tidak sentiasa diberi perhatian supaya perkhidmatan yang baik dapat diberikan kepada rakyat negara kita ini. Jadi itu sahaja Yang Berhormat yang, yang lain-lain kita ambil perhatianlah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN) 2008**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.08 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan dengan huraian.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang yang meminda Akta Pencen 1980, Akta 227 untuk membolehkan perlanjutan umur persaraan wajib pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri daripada 56 tahun kepada 58 tahun telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada mesyuarat ini.

Rang undang-undang yang saya cadangkan sekarang ini pula ialah untuk meminda Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239 bagi tujuan yang sama bagi pekerja-pekerja pihak-pihak berkuasa berkanun dan tempatan. Pindaan undang-undang ini bagi membolehkan semua pekerja tetap yang dilantik pada atau selepas 1 Julai 2008 berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun.

■ 1810

la juga membolehkan pemberian opsyen kepada semua pekerja tetap yang sedang berkhidmat termasuk pekerja-pekerja yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja untuk memilih melanjutkan perkhidmatan sehingga 58 tahun atau bersara umur 56 tahun seperti sekarang. Pekerja yang telah memilih kekal bersara wajib apabila mencapai umur 55 tahun pada tahun 2001 juga diberi peluang memilih umur persaraan wajib pada 58 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan sebab-sebab di sebalik keputusan kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota-anggota sektor awam kepada 58 tahun semasa membentangkan rang undang-undang bernama Akta Pencen Pindaan 2008 di Dewan yang mulia ini sebelum ini. Kini adalah memadai sekiranya diulangi harapan kerajaan dan rakyat agar anggota-anggota sektor awam yang dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun tidak menghampakan hasrat di sebalik keputusan melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka. Mereka hendaklah menganggapkan peluang menambahkan tempoh pekerjaan ini bukan sebagai peluang menambahkan peluang tempoh makan gaji tetapi sesungguhnya sebagai peluang keemasan untuk menambahkan jasa kepada negara dan rakyat sebagai penjawat awam yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja yang tidak berprestasi dan tidak ingin atau tidak mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat tidak kira umurnya akan diberi pertimbangan yang mencukupi untuk memperbaiki prestasinya. Sekiranya usaha memulihkan sedemikian tidak berhasil, perkhidmatan mereka akan ditamatkan sama ada secara persaraan awal atau buang kerja. Kerajaan yakin bahawa sebahagian besar golongan anggota sektor awam tidak akan mensia-siakan peluang untuk terus berkhidmat sehingga mencapai umur 58 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya lebih jelas, bermakna di bawah rang undang-undang yang baru dikemukakan ini, prinsip, rasional, kaedah, perkiraan, pelaksanaan semuanya serupa, cuma ianya akan melibatkan anggota badan-badan berkanun. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis seperti mana saya dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ialah rang undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas dan saya ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat tentu ingat, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat tentu ingat bahawa prinsip, rasional, kaedah, perkiraan, pelaksanaan, semuanya serupa daripada rang undang-undang yang baru diluluskan. Dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.14ptg.

Dato' Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini kerana rasional dan juga faktor-faktor yang diambil kira itu adalah serupa dengan apa yang

dibahaskan di dalam rang undang-undang yang lalu. Saya hendak tahu atas faktor-faktor yang dibahas itu, yang badan-badan berkanun itu, adakah *speciality* yang pasti diambil kira melainkan kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan kerajaan? Ini yang saya hendak tanya. Dengan ini saya sokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat.

6.15ptg.

Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi: Saya ingin mengambil dua tiga minit sahaja. Saya ingat dari segi pertimbangan yang paling penting sekali akta ini juga, akta yang sebelum ini, yang paling penting sekali ialah dari segi implikasinya kepada rakyat dan negara. Dari segi mutu perkhidmatan pegawai awam dan pada masa ini yang sedang dibahaskan pegawai kerajaan tempatan badan berkanun.

Badan berkanun ini saya bersetuju menyokong ini tetapi dengan pandangan yang kita harus ada kajian yang lebih menyeluruh dan mengetahui bagaimanakah prestasi badan berkanun kita sekarang ini? Kita tahu banyak badan berkanun sekarang ini menghadapi masalah di atas prestasi mereka, mengundang banyak soalan-soalan dari segi kebolehan dan kapasiti mereka. Juga dari segi badan-badan tempatan, kerajaan tempatan Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar rungutan rakyat.

Mereka yang mempunyai masalah mendapat kelulusan, hendak dapat pindah tanah, milik tanah, hendak dapat kelulusan pembangunan dan sebagainya. Kita tahu ia makan masa yang lebih yang berpatutan. Jadi bagaimanakah rakyat mempunyai jaminan yang kalau kita luluskan akta ini, ia juga akan membawa *result*, ia akan membawa hasil yang kita akan mendapat khidmat yang lebih baik khususnya perubahan yang lebih baik dari segi memberi khidmat yang lebih baik kepada klien-klien Tuan Yang di-Pertua, pelanggan-pelanggan mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat silakan jawab dan gulung.

6.17ptg.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat. Yang pertama Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi dan Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi. Sebenarnya perkara-perkara yang dibangkitkan tadi adalah berkenaan dengan prestasi dan sebagainya memanglah kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara-perkara berkenaan dengan prestasi pegawai-pegawai kerana kita juga mempunyai agensi-agensi yang sedang memantau. Iaitu terutama sekali Biro Pengaduan Awam. Kita juga mempunyai Warkah untuk Perdana Menteri sekiranya ada laporan-laporan mengenai perkara-perkara yang saya sebutkan.

Dalam ucapan saya tadi, kebanyakan kita juga mempunyai tindakan-tindakan yang kita ambil kepada mereka-mereka yang terlibat dengan salah laku dan sekiranya berkenaan dengan rasuah dan sebagainya, kerana saya yakin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Sri

Mohd. Effendi bin Norwawi berkenaan dengan perkara-perkara yang satu ketika dulu Yang Berhormat Dato', saya biasa menjawab ketika menggulung perbahasan berkenaan dengan satu jawapan berkenaan dengan *Little Napoleon* yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perkara-perkara ini sentiasa diambil perhatian oleh kerajaan dan kita harap bahawa dengan pindaan, dengan cadangan yang diberi oleh kerajaan ini, kepada kakitangan kerajaan dan juga badan berkanun ini, kita rasa mereka akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih. Inilah harapan kita dan harapan semua rakyat di negara kita ini.

Kita harap perkara-perkara ini akan diambil berat oleh semua kakitangan awam dan bagi pihak kerajaan, kita sentiasa memantau.

Tuan Yang di-Pertua: Bila Dewan lulus ini, inilah juga harapan Dewan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Ya, terima kasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucap tahniah Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah pelaksanaan tugas-tugas kita bagi persidangan ini. Saya bagi pihak timbalan mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala kerjasama dan prestasi yang saya sendiri dapat banggakan di khalayak ramai...*[Tepuk]*

Selamat maju jaya dan saya mendoakan selamat dalam perjalanan pulang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan hari ini ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang belum ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.23 petang.